


Jilid II
Bil. 14



Hari Jumaat
4hb April, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1757]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1809]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 1810]

Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) [Ruangan 1917]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun—Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul^uAziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 4hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEMIMPIN POLITIK TANAHAIR
MENDAPAT BANTUAN LUAR—
SEKATAN**

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat golongan kecil pemimpin yang keciwa dan bankrap dalam politik tanahair, daripada mendapat bantuan luar yang semata-mata bertujuan memuaskan nafsu politik mereka biarpun negara, rakyat dan ugama hancur sebagaimana yang berlaku di Afghanistan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengawasi kemungkinan pemimpin parti politik mendapat bantuan luar. Ahli Yang Berhormat tentulah maklum bahawa bantuan seperti ini tidak mudah dikesan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan lengai dalam menyiasat sebarang maklumat tentang kegiatan yang bahaya ini. Kerajaan yakin apa yang berlaku di Afghanistan tidak akan berlaku di sini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana bantuan yang diterima oleh golongan pemimpin seperti ini adalah susah hendak dikesan, apakah kegiatan mereka ini lebih susah untuk dibanteraskan dan juga merupakan lebih bahaya daripada kegiatan komunis yang terang-terang terhadap negara kita.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa musuh dalam selimut ini adalah lebih bahaya daripada musuh yang menyerang daripada hadapan. Walau bagaimanapun, masa belum sampai untuk kita bertindak kerana sehingga sekarang ini kita belum dapat bukti yang jelas. Kita memang faham bahawa bahayanya memanglah lebih besar daripada bahaya komunis.

SYARIKAT PERKAPALAN ASING

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan industri perkapalan Malaysia untuk membolehkannya bersaing secara berkesan dengan syarikat-syarikat perkapalan asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah yang penting bagi meningkatkan industri perkapalan di Malaysia. Ini termasuklah mengadakan kemudahan pinjaman, pemberian galakan dan mengambil langkah-langkah menghadkan pengendalian perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal yang dimiliki oleh warganegara Malaysia serta didaftarkan di Malaysia.

Antara langkah-langkah ini ialah :

Pertama, berhubung dengan kemudahan pinjaman, sebuah Bank Perusahaan Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada 7hb Ogos, 1979 dengan modal dibenarkan \$100 juta. Bank ini mengadakan bantuan pinjaman bagi pembinaan kapal-kapal baru, pembelian kapal terpakai serta membaiki kapal-kapal di limbungan tempatan. Dengan mengenakan kadar "interest" serta syarat-syarat yang "competitive" ke

atas pinjamannya di jangkaan akan memberi saingan dengan kadar serta syarat-syarat yang dikenakan oleh peminjam-peminjam asing.

Kedua, mengenai galakan yang diberi kepada perusahaan perkapalan, mulai tahun taksiran 1979, perusahaan perkapalan diberi pelepasan penuh dari cukai pendapatan untuk jangkamasa 12 tahun dari tarikh mula sesebuah syarikat perkapalan itu ditubuhkan. Dalam hubungan ini, dividen-dividen yang diberi kepada pemegang pemegang saham syarikat-syarikat tersebut sehingga kadar maksima 10% daripada modal yang dibayar, adalah juga dikecualikan dari cukai.

Dan ketiga, pelaksanaan secara beransur Dasar Cabotage ataupun dasar menghadkan pengendalian perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal yang dimiliki oleh warganegara Malaysia serta didaftarkan di Malaysia telah dimulakan pada 1hb Januari, 1980. Ini adalah juga merupakan satu langkah meningkatkan industri perkapalan di Malaysia. Dasar ini berkehendakkan supaya semua pengangkutan penumpang dan barang-barang di antara pelabuhan di Malaysia menggunakan kapal-kapal Malaysia sahaja. Bagi mengawasi pelaksanaan dasar ini, Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri telah ditubuhkan di Kementerian Pengangkutan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dua soalan tambahan, Pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini setakat hari ini ada berapa peratus perkapalan di Malaysia yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dan yang kedua sama ada beliau sedar bahawa tidak ada limbungan perkapalan tempatan yang cukup dan jika beliau sedar, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menambahkan limbungan tempatan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal pertama malangnya saya tidak dapat memberikan statistik yang tepat. Walau bagaimanapun, saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysian International Shipping Company (MISC) memiliki 30 buah kapal dengan 817,000 Deadweight Ton.

Berkenaan dengan soalan kedua, saya tidak berapa faham pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu berkenaan dengan limbungan tempatan. Mengikut laporan yang Kementerian saya terima nampaknya limbungan tempatan boleh dikatakan sangat mencukupi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada beberapa usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk meningkatkan lagi industri perkapalan Malaysia, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan berapa peratuskah secara kasarnya penggunaan kapal-kapal tempatan yang digunakan terhadap barang-barang yang diimport dan dieksport oleh Malaysia berbanding dengan penggunaan kapal-kapal asing.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka yang tepat, walau bagaimanapun saya boleh tegaskan di sini bahawa pihak MISC bertanggungjawab atas lebih kurang 20% kargo-kargo yang diimport dan dieksport.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

PENUMPANG DAN KARGO LAPANGAN TERBANG SENAI

3. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan memberi angka-angka untuk trafik penumpang dan kargo yang masuk dan keluar lapangan-terbang Senai dan sama ada beliau akan mengesahkan lapangan-terbang tersebut tidak digunakan dengan penuhnya dan merupakan satu projek "prestige" dan bukan satu projek ekonomi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Lapangan-terbang Johor Bahru telah mula digunakan pada tahun 1974. Jumlah penumpang telah bertambah dari 16,707 pada tahun 1974 kepada 50,204 penumpang pada tahun 1979 iaitu pertambahan sebanyak

200.4%. Jumlah kargo juga telah bertambah dari 74 tan pada tahun 1974 kepada 198 tan pada tahun 1979 iaitu pertambahan sebanyak 167.6%.

Perkembangan trafik penumpang dan kargo ini jelas menunjukkan bahawa lapangan-terbang Senai adalah projek yang ekonomik. Bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengawasi kemajuan lapangan-terbang ini dan berusaha akan memperbaiki kedudukannya dari masa ke semasa. Di antara langkah yang telah diambil bagi mencapai tujuan ini ialah :

- (i) MAS telah menambahkan penerbangannya ke/melalui Johor Bahru pada bulan April ini.
- (ii) Rancangan memperbesarkan landasan bagi pendaratan pesawat besar seperti B707/B747 di samping menggalakkan penggunaannya sebagai pusat kargo antarabangsa.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan iaitu bolehkah beliau memberi lebih insentif kepada penumpang-penumpang menggunakan Senai Airport ke Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak dan beri insentif kepada orang-orang dari Johor menggunakan MAS dari Senai

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang lagi sekali soalan tambahannya.

Tuan Lee Kaw: Memberikan lebih tarikan kepada orang-orang menggunakan Senai Airport, bolehkah Timbalan Menteri timbangkan satu insentif kepada orang-orang Johor naik kapal-terbang MAS ke Sabah dan Sarawak; beri lebih discount. Masa ini orang dari Johor banyak menggunakan kapal-terbang di Singapura.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama memang menjadi tujuan Kementerian Pengangkutan dan MAS menambah kapasiti dan frequency di antara Malaysia Timur dan Senai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, frequency telahpun ditambah pada bulan ini dan mengikut statistik yang ada frequency ke dan melalui Senai telah bertambah dari 14 kali seminggu pada bulan Mac, ke 17 kali se-

minggu pada bulan ini dan kapasiti tempat-duduk pun telah ditambah dari 1,064 kepada 1,364 seminggu.

Berkenaan dengan soalan yang kedua untuk menggalakkan lebih ramai orang dari Johor dan tempat-tempat lain menggunakan Lapangan-terbang Senai ke Malaysia Timur, ini pun memang menjadi tujuan MAS dan Kementerian dan skim Apex telah diumumkan oleh Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang di sini menjelaskan bahawa selain dari langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Senai dan perkhidmatan penerbangan di Senai, Kerajaan Pusat pun sedang membina satu lebuhraya dua hala (dual carriageway) dari Senai ke Johor Bahru. Kerja-kerja pembinaan itu sedang dijalankan dan dual carriageway itu dijangka siap untuk digunakan dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor empat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam.

LAWATAN MENTERI KE AUSTRALIA/ NEW ZEALAND

4. Dr Hee Tien Lai (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah di dalam lawatannya baru-baru ini ke Australia dan New Zealand beliau telah berjaya mendapatkan Kerajaan masing-masing mengangkatkan dasar-dasar perlindungan perdagangan kedua-dua buah negara itu supaya negara-negara membangun dapat memasuki pasaran-pasaran mereka.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, di dalam lawatan saya ke Australia dan New Zealand pada 4hb hingga 11hb Februari, 1980, adalah untuk membincangkan soal-soal antarabangsa dan keserantauan khususnya yang berkaitan dengan Kampuchea

dan Afghanistan. Saya juga berpeluang menjelaskan pendirian kita dan ASEAN tentang soal-soal itu. Tidak ketinggalan juga masalah-masalah yang berkaitan dengan orang-orang pelarian Vietnam yang masih menjadi masalah berat bagi kita dan negara-negara ASEAN.

Di samping itu saya juga membincangkan perkara-perkara hubungan dua hala yang merangkumi soal-soal seperti memberikan kemudahan-kemudahan dan latihan-latihan kepada angkatan tentera kita serta penempatan penuntut-penuntut kita di peringkat pelajaran tinggi.

Bagi menjawab pertanyaan khusus Ahli Yang Berhormat, saya juga telah membincangkan masalah-masalah perdagangan negara kita dengan kedua-dua negara tersebut. Suka saya menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin Australia dan New Zealand telah memberikan jaminan akan berusaha lagi bagi meningkatkan kemasukan barangan Malaysia ke pasaran negara-negara tersebut serta berusaha mencari jalan meluaskan perdagangan dua hala.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri dalam perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Australia dan New Zealand mengenai perkara kemasukan barangan Malaysia kedua negara itu, adakah pemimpin-pemimpin Australia dan New Zealand mengenakan apa-apa syarat itu terhadap perkara ini.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan Australia dan New Zealand telah memberi satu jaminan bahawa mereka akan meningkat kemasukan barangan Malaysia kedua negara itu. Apa yang saya ingin tanya ialah sekiranya jaminan ini tidak dilaksanakan maka apakah tindakan lanjut yang pihak Malaysia hendak mengambil atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soal bahagian yang kedua itu tidak perlu dijawab, itu ditegah oleh Peraturan Mesyuarat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita sentiasa membawa perkara-perkara protectionism ataupun non-barrier tariff yang digunakan oleh setengah-setengah negara ber-

sabit dengan perkara-perkara barangan yang dimanufactured daripada Malaysia dan negara-negara Asean dengan negara-negara termasuklah Australia dan New Zealand dari seringkali di dalam perbincangan diadakan kita kemukakan masalah yang dihadapi oleh Malaysia khususnya dan Asean amnya. Kita telah mengemukakan dan pihak Australia dan New Zealand sekarang ini telahpun mengadakan satu Jawatankuasa untuk monitor masalah ini supaya masalah ini tidaklah begitu menjadikan masalah yang berat khusus kepada Malaysia supaya dapat dihubungi dan mengatasi kesulitan ini. Perkara ini juga dalam perbincangan ini saya juga dapat menekan dan menceritakan penderitaan setengah-setengah daripada barang-barang ini tidak dapat masuk di dalam konteks Asean; kita juga bawa hal ini. Kesanggupan itu ada bahkan satu laporan telahpun dikeluarkan oleh pihak Kerajaan pemerintah Australia yang hendak restructure keadaan ekonominya agar dengan adanya restructure ini perkara-perkara atau kesulitan-kesulitan yang kita hadapi itu boleh dapat diatasi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan kepada soalan asal tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa beliau telah berbincang di antara lain soal pendatang haram Vietnam ke Malaysia dan juga soal kemasukan penuntut-penuntut Malaysia ke universiti-universiti Australia dan New Zealand. Saya mempunyai dua soalan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan pertama, saya ingin tahu sejauh manakah kesanggupan Australia dan New Zealand di dalam menolong mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam daripada Malaysia.

Soalan yang kedua, adakah pihak Australia dan New Zealand memberi kesanggupan untuk menambahkan tempat-tempat bagi pelajar-pelajar kita di universiti-universiti Australia dan New Zealand memandangkan bahawa kadar belanja pelajaran di universiti United Kingdom kini telah meningkat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama bersabit dengan pendatang-pendatang haram seperti mana Yang Berhormat sedia maklum iaitu pada masa-masa yang lepas Kerajaan

Australia telahpun mengambil boleh dikatakan yang terbanyak juga angka-angka yang diambil daripada negara kita Malaysia dan jaminan ini juga telahpun diberi kepada saya dan juga di dalam lawatan saya untuk mengambil lagi setakat mana yang boleh kemampuannya ke Australia pada masa-masa yang akan datang.

Begitu juga bersabit dengan New Zealand dari segi pendatang haram, pihak New Zealand sungguhpun tidak begitu banyak mengambilnya tetapi kita berharap dapat berikhtiar untuk menambahkan mengambil pendatang haram ini pada masa akan datang.

Bersabit dengan penuntut-penuntut, Kerajaan Australia telahpun mengambil dengan begitu banyak pada masa-masa yang lepas dengan memberikan tempat di dalam institusi-institusi tinggi di Australia bahkan seperti-mana yang saya diberitahu tahun ini (tahun 1980) ada bertambah banyak lagi daripada apa yang telahpun diberikan tempat kepada penuntut-penuntut kita jikalau dibandingkan pada tahun 1979. Sama juga dengan pihak Kerajaan Australia pemimpinnya telahpun memberikan jaminan agar pada masa yang akan datang sanggup memberikan tempat kepada pihak kita untuk belajar di institusi-institusi pelajaran tinggi, begitu juga jaminan yang dibuatkan oleh Kerajaan New Zealand.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Australia memegang Australian Policy atau White Policy. Walau bagaimanapun, Australia dan New Zealand ada juga mengambil bahagian dalam Asean tetapi ia tidak berfikiran Asean, bahkan ia masih mengamalkan fikiran Inggeris atau orang putih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan, soal tambahannya apa?

Tuan V. David: Nanti saya sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat mukadimahnyanya, preamblenya panjang.

Tuan V. David: Soalan saya, adakah Asean mempunyai satu polisi yang tetap sebab negara Asean semua bukan sahaja Malaysia ada membeli barang daripada Australia dan New Zealand, tetapi Australia dan New Zealand tidak membeli barang dari negara-negara Asean. Kalau mereka belipun tidak sama banyaknya dengan yang kita beli,

jadi kita mesti mengambil satu ketetapan macam mana kita beli barang dari dia, dia juga mesti membeli barang daripada kita. Tetapi sampai sekarang kalau kita tengok trade balance tidak sampai seperti apa yang kita beli dari kedua-dua negara ini iaitu Australia dan New Zealand. Kedua-dua negara ini tidak membeli barang daripada kita, jadi bolehkah Asean mengambil satu ketetapan supaya ada reciprocal trade di antara kedua-dua negara ini untuk berniaga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berputar-putar, berliku-liku, faham Yang Berhormat Menteri? Boleh jawab? (*Ketawa*).

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Saya cuba menjawab apa yang dia hendak tahu dengan berputar-putar, tetapi saya cuba ikhtiarkan hendak memberi jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada masa sekarang ini perdagangan kita dengan Australia adalah perhubungan kita dari segi perdagangan adalah sangat bagus. Tetapi sukalah saya mengatakan kepada Dewan yang berbahagia ini iaitu sukar bagi tiap-tiap satu negara berdagang di semua negara-negara yang mana kita ada berdagang 100% kita dapat balance of trade in our favour. Sungguhpun begitu, apa yang penting pada satu masa ke satu masa perdagangan ini diperluaskan. Walau bagaimanapun, kita sedang berikhtiar agar banyak lagi barang-barang kita akan dapat dieksport ke Australia dan juga negara-negara yang lain. Saya suka mengatakan setakat ini kita akan berusaha untuk memperluaskan lagi perdagangan kita ke Australia dan Asean pun begitu juga, sebab itulah ada Jawatankuasa Dialog di antara Asean dan Australia untuk meninggikan perdagangan dan memperluaskan dagangan di antara Malaysia dan juga Asean dengan Australia.

SURAT LAYANG DARI "AYATULLAH MALAYSIA"

5. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kiranya beliau sedar tentang penyibaran sepucuk "Surat dari langit" yang dikatakan ditulis oleh "Ayatullah Malaysia" Islam di negeri ini. Kiranya sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengesan sumber surat layang tersebut dan menyekat penyibarannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa surat yang kononnya datang dari langit yang ditulis oleh orang yang digelar "Ayatullah Malaysia" itu disibar oleh golongan orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Sebagai langkah menyekat penyibarannya maka Kerajaan telahpun mengharamkan risalah tersebut pada 11hb Januari, 1980. Sesiapa juga yang mencetak, mengedar atau memiliki risalah tersebut adalah melakukan kesalahan di sisi undang-undang.

Penyiasatan lanjut sekarang sedang berjalan termasuk mengesan punca surat tersebut tetapi sehingga ini belum dapat ditentukan siapa dia "Ayatullah" itu dan dari langit mana dia datang, dia pakai payung terjunkah atau piring terbang. Ini saya minta bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sama-sama kita mengesan dan memberitahu saya sekiranya ada apa-apa maklumat yang boleh menolong kita untuk mengesan.

Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa beliau sedar surat layang itu ada disebarkan tetapi banyak surat-surat layang seperti ini berlaku merupakan satu perkara biasa sahaja tetapi membahayakan. Kalau Yang Berhormat Menteri tahu mengapa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak menafikan melalui siberan am seperti radio, televisyen, suratkhabar dan sebagainya serta memberitahu bahawa membuat surat layang adalah satu kesalahan dari segi undang-undang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua surat layang itu salah daripada segi undang-undang. Jadi tidaklah dapat Kementerian menyatakan kepada umum semua surat layang adalah salah dari segi undang-undang. Yang salah adalah isinya, baik surat layang atau buku yang dibuat kalau isinya tidak betul, melanggar undang-undang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri maka itulah yang disalahkan. Perkara ini memang diketahui oleh rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali tidak hadir)

PERTUMBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI

8. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau ber-cadang untuk menimbangkan agar Daerah-daerah yang mundur dalam negeri yang telah maju seperti Daerah Ulu Perak dan Krian di Negeri Perak, dapat dimasukkan ke dalam senarai kawasan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi Kerajaan adalah menggalakkan pertumbuhan industri-industri di kawasan-kawasan kurang maju di negara ini, termasuklah kawasan-kawasan seperti ini di negeri-negeri yang maju. Galakan Tempat Kedudukan telah diperkenalkan dalam tahun 1975 untuk menggalakkan penyelerakan industri-industri jauh dari kawasan-kawasan bandar dan kawasan-kawasan maju. Kriteria-kriteria yang berikut telah digunakan dalam memilih kawasan-kawasan untuk diwartakan sebagai Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan:

- (i) paras kemajuan ekonomi;
- (ii) paras kemajuan perindustrian;
- (iii) prospek-prospek untuk kemajuan perindustrian; dan
- (iv) kawasan-kawasan yang dipilih untuk dimajukan (centres earmarked for growth).

Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah dinyatakan itu, Negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang dianggap kurang maju dari segi perindustrian dan ekonomi dan juga pusat-pusat kemajuan telah diwartakan sebagai Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan. Projek-projek yang dicadangkan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut adalah layak untuk memohon bagi

mendapatkan Galakan Tempat Kedudukan dengan kelepasan cukai sebanyak 5 hingga 10 tahun, iaitu bergantung kepada paras modal pelaburan ataupun gunatenaga, jenis keluaran yang dikilangkan dan juga paras penggunaan bahan tempatan.

Daerah Krian di Perak adalah dianggap sebagai kawasan yang telah maju berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain seperti Jelebu dan Rembau di Negeri Sembilan dan Kuala Selangor dan Sabak Bernam di Negeri Selangor yang mempunyai "per capita manufacturing output" yang lebih rendah dari Daerah Krian dan kawasan-kawasan ini telah tidak diumumkan sebagai Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan. Oleh hal yang demikian, Daerah Krian tidak wajar diberikan taraf Galakan Tempat Kedudukan.

Berhubung dengan kawasan Ulu Perak pula, memandangkan pembinaan Lebuh raya Timur-Barat dan kemampuan kawasan ini untuk membangun, daerah ini mungkin boleh ditimbang untuk Kawasan Galakan Tempat Kedudukan atau Kawasan Pembangunan. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia sekarang sedang membuat kajian mengenai kemungkinan memasukkan Daerah Ulu Perak dan beberapa kawasan lain di dalam senarai Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan ataupun Kawasan-kawasan Pembangunan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pada hari ini sungguhpun kawasan perindustrian Parit Buntar telahpun diwujudkan selama lebih daripada 5 tahun, tetapi setakat hari ini cuma ada 3 kilang sahaja di Parit Buntar dan ini ialah kerana Parit Buntar bersempadan dengan sebuah negeri yang maju iaitu Pulau Pinang. Dengan sebab itu adakah Yang Berhormat bercadang di masa-masa yang akan datang untuk menimbang jikalau misalnya kilang-kilang yang didirikan di Parit Buntar ini menggunakan banyak tenaga pekerja untuk diberi galakan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita mendengar bahawa setakat ini di Parit Buntar 3 industri sahaja yang telah ditubuhkan, kerana dari segi maklumat ataupun kelulusan-kelulusan yang telah diberi oleh Kerajaan

sebanyak 38 projek-projek perindustrian adalah ditempatkan di Daerah Krian dan sebahagian besarnya adalah di Parit Buntar. Jadi kalau pihak-pihak ataupun projek-projek yang berkenaan mengalami masalah tertentu dan memerlukan kemudahan-kemudahan lanjut daripada pihak Kerajaan, saya berharap syarikat-syarikat yang berkenaan akan dapat mengemukakan masalah masing-masing kepada Kementerian dan juga kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia untuk diteliti dan ditimbangan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Kementerian sedar bahawa salah satu daripada sebab industri-industri tidak begitu berjaya adalah disebabkan jarak di antara estet-estet perindustrian itu sangat dekat, kalau tidak salah saya tidak lebih daripada 30 batu jaraknya tiap-tiap estet perindustrian di bahagian utara Perak dan sebaliknya di bahagian selatan negeri Perak tidak mempunyai sebuah estet perindustrian pun. Sama ada Kerajaan sedar rancangan ini adalah kurang baik sedikit.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah mewujudkan estet-estet perindustrian bukanlah terletak 100% di tangan Kementerian saya ataupun Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, tetapi adalah juga di atas permintaan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) sedang membuat kajian bagi kawasan-kawasan yang tertentu sama ada untuk dijadikan estet-estet perindustrian ataupun kawasan-kawasan pembangunan, dan sekiranya ada permintaan bagi mengadakan satu di sebelah selatan Negeri Perak, ini boleh ditimbangan.

BAHASA MALAYSIA DALAM PERUNDANGAN/KEHAKIMAN

9. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa Kerajaan telah mengambil usaha untuk mengkaji bagi menyusun satu rangka supaya sistem undang-undang dan kehakiman dapat berjalan dengan sepenuhnya di segala peringkat di dalam Bahasa Malaysia di dalam jangkamasa yang menasabah dan bersesuaian dan jika sedar, sejauh manakah kemajuan ke arah itu telah diperolehi dan sejauh mana pula penyerapan dalam jangka

yang menasabah unsur perundangan Islam boleh diserap bersama-sama masuk dalam proses ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa usaha-usaha sedang diambil untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam sistem perundangan dan kehakiman. Untuk tujuan ini Kerajaan sedang menimbang-nimbang penubuhan sebuah Jawatankuasa di peringkat kebangsaan bagi mengkaji dan menyelaraskan penggunaan Bahasa Malaysia di bidang perundangan dan kehakiman.

Mengenai perkara penyerapan unsur perundangan Islam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya saya kurang jelas apa yang dimaksudkannya itu, jadi saya tidak bercadang menjawab.

PEGAWAI RISDA DITUDUH MELAKUKAN RASUAH

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai RISDA yang dituduh di mahkamah setakat ini kerana rasuah dan bilangan daripada mereka yang didapati bersalah;
- (b) bilangan kes-kes rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai RISDA yang dirujuk kepada pihak BSN untuk siasatan; dan
- (c) sama ada siasatan mengenai pembelian baja bernilai berjuta-juta ringgit dari Korea telah selesai, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Bilangan pegawai-pegawai RISDA yang dituduh di mahkamah setakat ini kerana melakukan rasuah ialah 20 dan bilangan mereka yang telah didapati bersalah ialah 6. Bilangan yang telah dibebaskan oleh mahkamah ialah 4. Seorang lagi telah meninggal dunia dan kesnya ditarik balik manakala bakinya masih dalam proses perbicaraan.

Bilangan pegawai-pegawai RISDA yang terlibat dalam penyiasatan oleh BSN kerana rasuah dan penyelewengan setakat ini ialah seramai 84. Penyiasatan ke atas kes pembe-

lian baja oleh RISDA dari Korea telah selesai dan didapati tidak ada bukti menunjukkan rasuah berlaku oleh mana-mana pihak.

STP—KEMASUKAN KE UNIVERSITI/ KOMANWEL

11. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hasil yang telah diperolehi daripada mesyuarat Majlis Para Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEC) yang diadakan di Manila baru-baru ini, setakat ini berapa buah negarakah telah mengiktiraf dan menerima STP sebagai asas bagi kemasukan ke Universiti dan berapa buah negara Komawel yang masih belum menerima STP.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa hasil penting yang telah diperolehi daripada Mesyuarat Majlis Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEC) iaitu badan tertinggi Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) yang bermesyuarat setahun sekali adalah berkenaan dengan keputusan untuk memperkuatkan rancangan Pusat Wilayah INNOTECH (Regional Centre for Education Innovation and Technology).

Rancangan INNOTECH adalah sangat mustahak bagi rantau ini kerana matlamatnya ialah untuk menjalankan kajian terhadap masalah-masalah pelajaran di dalam kawasan ini, terutamanya dalam bidang mengurangkan belanjawan pelajaran serta meninggikan lagi mutu pelajaran dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Di samping itu, Majlis juga meluluskan Rancangan Lima Tahun bagi Pusat Wilayah RECSAM (Regional Centre for Education in Science and Mathematics) yang ditempatkan di Pulau Pinang yang bertujuan memperluaskan lagi bidang-bidang latihan dan kursusnya dalam Sains dan Ilmu Hisab. Ini adalah satu keputusan yang juga penting memandangkan bahawa Pelajaran dalam bidang Sains dan Ilmu Hisab di rantau ini perlu diperkembangkan lagi.

Mesyuarat itu juga meneliti laporan-laporan kemajuan mengenai aktiviti-aktiviti bagi 3 buah Pusat Wilayah lain iaitu BIOTROP (Regional Centre for Research Training and Postgraduate in Tropical

Biology), RELC (Regional English Language Centre) dan SEARCA (Regional Centre for Graduate Study and Research in Agriculture) dan 2 projek iaitu SPAFA (SEAMEO Project in Archaeology and Fine Arts) and TROPMED (Central Coordinating Board for Tropical Medicine) dan berpuas hati di atas kejayaan-kejayaan yang dicapai.

Selain daripada hasil-hasil di atas, Mesyuarat seperti itu adalah amat berguna kerana ianya memberi peluang baik untuk Menteri-menteri Pelajaran yang menganggotai Majlis itu bertukar-tukar pandangan dan maklumat tentang perkembangan-perkembangan terbaharu di dalam bidang pelajaran dan cara-cara bagaimana mereka dapat bekerjasama untuk kebaikan bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) disertai oleh 8 buah Negara Anggota dan 3 buah Negara Bersekutu. Negara-negara Anggota itu terdiri daripada Indonesia, Kampuchea, Laos, Malaysia, Philippines, Singapura, Thailand dan Vietnam tetapi disebabkan keadaan politik di Indo-China sekarang, ketiga-tiga buah negara di kawasan itu tidak giat dengan cergas di dalam aktiviti Pertubuhan ini. Walau bagaimanapun, mesyuarat kali ini di Manila berupa significant dibanding dengan mesyuarat-mesyuarat yang lepas oleh sebab pada pertama kalinya Kampuchea diwakili oleh Presiden, Suruhanjaya Kebangsaan Sains dan Teknologi dan merangkap Pengarah, Institut Penyelidikan Saintifik dan Teknologi iaitu yang bertaraf Menteri Demokratik Kampuchea dan Vietnam diwakili oleh seorang pemerhati dari Kedutaan Vietnam di Manila.

Australia, France dan New Zealand juga hadir sebagai Negara-negara Bersekutu.

Mengenai bahagian kedua soalan ini, perlu saya jelaskan terlebih dahulu bahawa pada masa ini sebenarnya tidak terdapat satu peperiksaan berasingan dengan nama STP (Sijil Tinggi Persekolahan). Apa yang ada bagi peperiksaan peringkat ini ialah Higher School Certificate (HSC) yang matapelajarannya diambil melalui perantaraan Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia. Tanpa mengira bahasa perantaraan yang digunakan hanya satu sijil iaitu HSC dikeluarkan.

Sekiranya peperiksaan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah HSC maka adalah dijelaskan bahawa soal penerimaan satu-satu sijil untuk kemasukan ke sesebuah universiti lazimnya bergantung kepada dasar yang ditetapkan oleh universiti atau badan universiti-universiti yang mengendalikan soal kemasukan ke universiti-universiti berkenaan. Dalam hal ini seperti yang kita sedia maklum sijil HSC telah pun sedia menjadi asas bagi kemasukan ke universiti-universiti di United Kingdom dan di sebilangan besar negara-negara Komanwel seperti Canada, Australia dan New Zealand di mana terdapat penuntut-penuntut kita melanjutkan pelajaran tinggi masing-masing. Pemegang-pemegang sijil HSC ada juga diterima menuntut di universiti-universiti di beberapa negara di luar Komanwel seperti di Amerika Syarikat.

PELABURAN ASING KE MALAYSIA

12. Tuan Haji Ibrahim Muhammad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah usaha-usaha menarik pelaburan asing ke negara ini telah berjaya dan apakah kesan yang telah diperolehi terutama di dalam mengatasi masalah pengangguran di negara ini. Sebutkan berapakah pemodal asing termasuk jumlah pelaburan yang telah dibawa ke negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah berjaya dalam usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini seperti yang terbukti dengan penglibatan pelaburan asing yang tinggal di dalam aktiviti-aktiviti perkilangan. Dalam tempoh masa 1971 hingga 1979, pelaburan asing didapati dalam 2,121 atau 55% dari jumlah 3,855 projek-projek perindustrian yang diluluskan oleh Kerajaan. Kebanyakannya adalah di dalam projek-projek usahasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan. Dari segi penyertaan ekuiti, pelaburan asing yang berjumlah sebanyak \$1,800 juta merupakan 33% dari jumlah modal ekuiti yang dicadangkan itu adalah di dalam projek-projek ini.

Pelaburan asing, selain dari melaburkan modal, telah mengakibatkan pemindahan teknologi moden dan "sophiscated" ke Malaysia, meninggikan taraf kemahiran tenaga buruh dalam peringkat pengurusan dan teknikal dan

meninggikan mutu urusan pengeluaran perindustrian. Pelabur-pelabur asing telah membantu meluaskan pasaran barang-barang perkilangan Malaysia ke luar negeri. Pelaburan asing telah juga memberikan sumbangan yang besar ke arah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Adalah dianggarkan dari jumlah 282,000 gunaienaga dalam syarikat-syarikat perkilangan yang diluluskan dan yang telah menjalankan kegiatan aktiviti-aktiviti pengeluaran pada akhir tahun 1978, lebih dari 150,000 atau 53% telah diwujudkan, sama ada secara langsung atau tidak, oleh pelabur-pelabur asing. Dalam perusahaan elektronik sahaja di mana hampir keseluruhan pelaburan datang dari punca-punca asing, jumlah gunatenaga adalah lebih dari 60,000. Keadaan ini jelas telah dapat mengurangkan masalah pengangguran di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, terdapat lebih kurang 350 syarikat-syarikat asing yang utama dari 30 negara yang melabur dalam sektor perkilangan di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak \$3,000 juta. Anggaran ini adalah "actual cumulative investment" (equity plus loan capital) yang telah diluluskan kepada pelabur-pelabur asing bagi projek-projek sehingga akhir tahun 1978. Ini termasuk pelaburan asing bagi projek-projek yang telah diluluskan sebelum 1971 dan perusahaan-perusahaan yang telah dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Pelaburan yang tidak diberi kelulusan rasmi oleh Kementerian saya terdahulunya. 350 syarikat-syarikat asing ini adalah syarikat-syarikat asing yang utama yang melabur di Malaysia. Syarikat-syarikat ini telah melaburkan di bawah 900 syarikat-syarikat tempatan sehingga akhir tahun 1978.

Perlu difahamkan bahawa ratio di antara "syarikat" dan "projek" tidak semestinya 1:1. Sesuatu syarikat itu mungkin diberi kelulusan untuk lebih daripada satu projek.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga soalan.

Yang pertama, pelaburan asing di negara kita sudahkah sampai ke matlamat sepenuhnya seperti dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang kedua, adakah pelaburan asing di luar negeri meminta pindaan ke atas Undang-undang Buruh sebelum mereka sampai ke negara kita.

Yang ketiga, berapa peratuskah yang anggur di Malaysia, yang masih lagi tidak ada kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara anggurkah atau menganggur? (*Ketawa*)

Tuan V. David: Menganggur.

Tuan Yang di-Pertua: Menganggur! Soalan No. 2 tidak perlu dijawab.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang ketiga dahulu, pengangguran di Malaysia sekarang ialah dalam peringkat 6.2%.

Bagi jawapan soalan yang pertama, sasaran (target) pelaburan asing di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah dalam lingkungan 10 billion iaitu \$10,000 juta tetapi ini termasuk pelaburan asing dengan tempatan. Ini pelaburan swasta.

Seperti yang saya katakan tadi, kita pun mengikuti formula 30% pelaburan daripada pihak swasta dijangka datang dari luar negeri. Dan seperti yang saya katakan tadi ini ialah bilangan pelaburan modal dari tahun 1971 sehingga masa ini sudah sampai \$3,000 juta.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada benar atau tidak beberapa buah ataupun terdapat kilang-kilang tertentu yang diberi pioneering status. Dan kilang-kilang ini disyaratkan bahawa hasil ataupun pengeluaranannya 80% ataupun lebih daripada 80% harus dieksport. Tetapi di antara kilang-kilang ini tidak berbuat demikian iaitu hasilnya kurang daripada 80% atau satu peratusan seperti yang ditetapkan itu telahpun dikurangkan dan kilang-kilang ini masih menikmati faedah-faedah ataupun pertimbangan yang istimewa itu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu tadi. Tetapi mengikut fahaman saya, Yang Berhormat itu hendak tahu kalau Kementerian saya meluluskan satu projek perkilangan yang mana satu daripada syaratnya ialah terletak kepada pengeluaran. Sebahagian daripada pengeluaran itu baik 80% ataupun lain-lain angka mesti dieksport ke luar negeri. Dan dalam pelaksanaan projek ini Kementerian

saya mesti mengawal barang-barang untuk dieksport mengikut syarat-syarat yang diletakkan kepadanya. Dan jika ada penyelewengan kita mesti mengkaji pioneer status yang telah diberi dahulu.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Soalan tambahan. Saya jarang dengar bahawa ada usaha-usaha secara intensif dan ber-sungguh-sungguh yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara Asia Barat padahal mereka juga adalah sangat berminat. Adakah apa-apa rancangan yang telah diatur oleh Kementerian yang berkenaan bagi menarik pelabur-pelabur Arab bagi menjalankan usaha dengan negara ini.

Kedua, apakah usaha-usaha kita pula untuk menjadi sebagai pelabur-pelabur di negara asing seperti membuka kilang tayar, biskut dan lain-lain.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai menarik modal daripada negara-negara di Asia Barat, Kementerian saya ini faham bahawa Asia Barat ini ialah satu punca yang mana modal boleh ditarik dan dalam dua tiga tahun kebelakangan ada juga pengusaha-pengusaha kita melawat ke negara-negara di Asia Barat. Dan sungguhpun tidak berapa banyak rancangan telah dirancangan ataupun telah diwujudkan di dalam lapangan perkilangan di Malaysia saya rasa pada masa hadapan kita mesti menumpukan perhatian kepada negara-negara di Asia Barat. Saya tidak dengar soalan bahagian yang kedua.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Apakah usaha-usaha kita pula untuk menjadi sebagai pelabur-pelabur di negara-negara asing seperti membuka kilang tayar, biskut dan lain-lain.

Dato' Lew Sip Hon: Soalan bahagian yang kedua, ialah apa usaha yang dibuat untuk menanam modal di negara itu.

Pada masa sekarang tidak ada apa-apa usaha untuk menanam modal Malaysia di luar negeri melainkan di negara-negara berdekatan dengan Malaysia ki'a ini seperti di rantau Asia, tetapi di Asia Barat sekarang belum ada usaha ke arah itu.

SKIM TANGGAGAJI PEMBANTU RUMAH

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kementerian ini merancang untuk mengadakan satu skim tanggagaji dan peraturan perkhidmatan kepada Pembantu-pembantu Rumah seperti Tukang Masak, Pencuci Pakaian, Pengasuh Anak, Tukang Kebun, Pemandu dan sebagainya.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk memperkenalkan undang-undang mengatur gaji pembantu-pembantu rumah yang digaji secara persendirian di rumah-rumah. Amalan biasa ialah bagi pihak-pihak yang berkenaan berunding secara langsung gaji dan syarat pekerjaan mereka masing-masing itu dan ini telah berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, Ordinan Pekerjaan 1955 memperuntukkan perlindungan kepada mereka ini dengan berkehendakkan notis selama 14 hari sekurang-kurangnya ataupun gaji gantian sebelum perkhidmatan seseorang pembantu rumah itu boleh ditamatkan pekerjaannya.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan kepada Dewan ini bolehkah sesiapa pekerja rumah atau domestic helper mengambil tindakan mengikut undang-undang Employment Ordinance 1955 yang mana mereka berihat satu hari seminggu, tujuh hari lagi di tahun pertama atau dua minggu cuti dalam masa satu tahun bekerja atau lain syarat sepertimana yang tercatat di dalam Undang-undang Employment Ordinance 1955.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soalan itu tadi. Tetapi rasa saya dalam keadaan pada masa ini mengenai pembantu-pembantu rumah ini, perlindungan yang harus dibuat ialah untuk majikan iaitu suri-suri rumah-tangga daripada tuntutan dari pembantu-pembantu rumah.

Tuan V. David: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? *(Ketawa)*

Tuan V. David: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan kepada Dewan ini, kalau tiap-tiap orang pembantu rumah ada membawa laporan mengenai sesiapa yang melanggar undang-undang Employment Ordinance, bolehkah diambil tindakan.

Datuk K. Pathmanaban: Memang, Tuan Yang di-Pertua.

GURU KONTRAK DI SABAH

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ada di antara guru-guru yang berkhidmat dalam perjanjian di Sabah baik dari Semenanjung Malaysia atau Sabah masih belum lagi menerima sebarang tambahan kenaikan gaji sepanjang perkhidmatan selama 3 tahun serta tidak pula mereka menikmati apa-apa faedah yang disediakan di dalam perjanjian; adakah guru-guru tersebut akan diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, jika tidak, apakah keperluan-keperluan yang dikehendaki.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar guru-guru kontrak yang sedang berkhidmat di Sabah tidak menerima kenaikan gaji selama 3 tahun. Pada amalannya kenaikan gaji seseorang itu tertahan jika ada tindakan disiplin diambil ke atasnya ataupun ia tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti melangkah sesuatu sekatan yang terdapat pada tanggungajinya.

Kementerian ini kurang jelas tentang apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai faedah-faedah yang terdapat dalam kontrak. Setakat yang diketahui segala faedah yang mereka layak terima telah diberikan. Berkaitan dengan penyerapan mereka ke dalam perkhidmatan tetap, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

MAHKAMAH—KES-KES BELUM SELESAI

15. Tuan Seow Hun Khim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak kes yang belum diselesaikan di Mahkamah-mahkamah. Jika sedar, apa tindakan revolusi beliau ingin mengambil untuk menyelesaikan masalah ini supaya tuntutan yang adil orangramai boleh dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masih terdapat banyak kes-kes yang belum selesai di mahkamah. Tetapi tidak ada sebuah negara di dunia ini yang mengamalkan lunas-lunas demokrasi yang tidak mempunyai masalah "backlog of cases". Soalnya ialah berapa seriusnya masalah itu. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini keadaan di negara kita boleh dikatakan baik.

Saya sebenarnya kurang jelas dan kurang faham apa yang dimaksudkan dengan "tindakan revolusi" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi suka saya nyatakan bahawa usaha sedang dibuat untuk mengurangkan masalah tersebut seperti melantik lebih ramai Hakim-hakim Pesuruhhiaya Kehakiman, Majistret dan membina lebih banyak lagi mahkamah. Saya menyeru juga kepada semua pihak yang terlibat di dalam pentadbiran keadilan, termasuk pendakwa, peguam-peguam dan orangramai supaya bekerjasama dengan pihak mahkamah di dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ashkar Hasbollah.

(*Soalan No. 16 Y.B. Datuk Haji Ashkar Hasbollah tidak hadir*)

PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU

17. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Kerajaan telah mengumumkan bahawa pengambilan pelajar-pelajar bukan Melayu ke dalam universiti-universiti tempatan akan ditambah sebanyak 2%. bilangan tempat-tempat tambahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di setiap universiti tempatan

untuk tahun akademik 1979/80, dan sama ada beliau sedar terdapat pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti-universiti berkenaan kerana penawaran dibuat terlalu lambat.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka pengambilan bagi kemasukan sesi 1979/80 telahpun dinyatakan di Dewan Rakyat pada 22hb Oktober, 1979 ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Sandakan; pada 23hb Oktober, 1979 ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Ipoh dan di Dewan Negara ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Alexander Lee pada 17hb Januari, 1980.

Daripada angka-angka tersebut adalah dipastikan bahawa pertambahan pelajar bukan bumiputra mengikut komposisi kaum ialah sebanyak 2.1%.

Kementerian ini juga sedar tentang terdapatnya kelewatan tawaran kemasukan yang dibuat oleh universiti kepada calon-calon. Ini berlaku kerana semasa pemilihan calon-calon dijalankan, tiap-tiap universiti ada menyediakan senarai calon-calon simpanannya masing-masing. Calon-calon simpanan ini akan hanya ditawarkan tempat oleh universiti sekiranya terdapat kekosongan tempat. Kekosongan tempat berlaku disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) calon-calon menolak tawaran yang diberikan oleh universiti-universiti sebaik sahaja menerima surat tawaran.
- (ii) Calon-calon menarik diri setelah mendaftar diri sebagai pelajar universiti.

Perkara-perkara di atas menyebabkan kelewatan tawaran kepada calon-calon yang lain untuk menggantikan tempat-tempat calon yang telah menarik diri.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat tentang adanya pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti disebabkan oleh kelewatan tawaran, kemungkinannya memanglah ada kerana di antara calon-calon yang telah ditawarkan itu ada yang telah mendapat pekerjaan ataupun mendapat tempat pengajian di tempat-tempat lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua daripada jawapan Yang Berhormat Menteri hari ini dan dahulu, tambahan 2% untuk

pelajar-pelajar yang bukan bumiputra bagi sesi baharu yang akan datang, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sama ada tambahan 2% ini ialah bererti bahawa 36% untuk pelajar bukan bumiputra untuk tahun yang lepas akan naik 36% atau tambahan 2% itu ialah tambahan daripada angka pelajar-pelajar bukan bumiputra.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sesi 1979/1980 iaitu asas soalan ini ialah sesi yang lepas, bukan sesi yang akan datang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan pertambahan kemasukan pelajar bukan bumiputra sebanyak 2.1% ini bermakna pihak Kerajaan telah mengurangkan 2.1% dari pihak bumiputra. Apakah Kerajaan bercadang memberi balik 2.1% ini dalam sesi yang akan datang ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kepada bahagian pertama soalan itu jawabnya, ya. Berhubung dengan bahagian kedua soalan itu memang telah saya sebutkan beberapa kali pada masa-masa lepas bahawa pada sesuatu masa apabila telah tercapai nisbah penuh matlamat wujudnya pelajar-pelajar di dalam semua universiti tempatan dan universiti luar negeri adalah diharapkan bahawa nisbahnya 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputra, dan saya masih ingat lagi saya menjawab soal Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Jadi, oleh sebab matlamatnya jelas maka selagi matlamat ini belum tiba ke hasratnya maka akan diteruskan tambahan ini, yang bermakna kalau sesuatu bidang itu ditambah tentulah sesuatu pihak itu berkurang, ini memang menjadi matlamat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 6, 7, 16, 18 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).

UNIT PEMASARAN RISDA

6. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kema-juan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Unit Pemasaran RISDA tidak begitu berkesan untuk memasarkan hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh

pekebun-pekebun kecil di bawah pengelolaan RISDA sehingga menyebabkan usaha itu merugikan dan memberi kesan yang mengeciwakan. Jika sedar apakah sebabnya Unit itu tidak dapat memberi perkhidmatan yang berkesan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaikinya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Untuk melihat sama ada Unit Pemasaran RISDA berkesan atau tidak, perlulah ianya dilihat dari segi peranannya dalam konteks aktiviti-aktiviti pemasaran Pekebun-pekebun Kecil.

Unit ini menyambung kegiatan Yunit Pusat Pembelian Getah yang ditubuhkan oleh Kerajaan semasa kemelesetan harga getah pada pertengahan tahun tujuh-puluhan. Semua kegiatan-kegiatan YPPG telah diserahkan kepada RISDA pada 1hb Oktober, 1975. Aktiviti utama Unit Pemasaran RISDA ialah membeli getah.

Dilihat dari segi operasinya, pembelian getah dijalankan di seluruh Tanah Air terutama di Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK). Jumlah ahli PPPK sahaja yang terlibat secara langsung ialah seramai 40,000 orang pekebun-pekebun kecil yang menganggotai 2,183 buah PPPK.

Perlu dijelaskan iaitu pembelian dibuat secara tender. Melalui cara ini pekebun-pekebun kecil akan mendapat harga yang paling maksima ditawarkan. Mereka tidak terikat untuk menjualnya kepada Unit Pemasaran RISDA jika pembeli-pembeli lain menawarkan harga yang lebih tinggi.

Dari segi ini dapat dilihat bagaimana Unit ini dapat memainkan peranan sebagai "senjata" dalam erti kata menjaga peraih-peraih getah daripada menawarkan harga yang rendah dan tidak menasabah. Di sinilah peranan penting yang dijalankan oleh Unit ini dan tidak seharusnya kita mengambil kira sangat jumlah yang dibeli olehnya sebagai mengukur kejayaannya.

Mulai tahun 1978, Unit ini juga telah memulakan aktiviti memasarkan lain-lain hasil pekebun kecil selain daripada getah. Aktiviti-aktiviti ini walau bagaimanapun adalah masih pada peringkat permulaan dan oleh itu tidaklah adil menganggapnya sebagai tidak berkesan.

Sebagai makluman di bawah ini di-perturunkan jumlah pembelian yang telah dilakukan oleh Unit Pemasaran bagi tahun 1979;

- | | |
|---------------------------------------------------------------------|-------------|
| (i) Getah (keping ber-asap, keping tidak ber-asap dan sekerap). ... | \$7.6 juta. |
| (ii) Lain-lain hasil ... | \$44,600.00 |

RISDA sangat sedar akan tanggungjawab Unit Pemasaran ini dan kepentingannya kepada pekebun-pekebun kecil seluruh negara. Antara langkah-langkah yang sedang diambil bagi melipatgandakan usaha-usaha menuju ke arah ini ialah menambahkan lagi bilangan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman bukan sahaja di peringkat Ibu Pejabat malah di peringkat-peringkat negeri. Depo-depo pembelian juga sedang giat ditubuhkan di seluruh Tanah Air. Sebagai salah satu rancangan jangka panjangnya yang sedang dijalankan ialah mendirikan rumah-rumah asap getah di seluruh negara.

Bolehlah diperhatikan bahawa kegiatan pemasaran yang dijalankan oleh RISDA bukanlah ditujukan kepada kesemua pekebun-pekebun kecil tetapi cuma pekebun-pekebun kecil getah khasnya ahli-ahli Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil RISDA iaitu lebih kurang 40 ribu orang. Selain daripada RISDA sebagaimana yang kita tahu ada agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti FAMA, LPP dan Gerakan Koperasi yang juga menjalankan Kegiatan Pemasaran. Sebenarnya kegiatan Pemasaran yang dijalankan oleh RISDA bolehlah dikatakan sebagai tambahan ataupun supplementary kepada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh agensi-agensi ini lebih-lebih lagi berkenaan pengeluaran hasil yang lain daripada getah.

JALANRAYA BERLUBANG— TINDAKAN

7. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa kerja menanam kebel letrik di atas jalanraya di mana lubang-lubang digali terutama di kepala simpang kemudian ditinggal beberapa lama tidak disiapkan adalah menggendalakan lalu lintas dan menyebabkan berlaku banyak kemalangan jiwa, jika sedar; apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Saya sedar kerja-kerja menimbus semula lubang-lubang yang digali di atas atau di sepanjang pinggir jalanraya yang dilakukan untuk mengadakan bekalan/kemudahan-kemudahan awam seperti letrik, air dan talipon seringkali tidak dijalankan dengan sempurna dan menyebabkan gangguan kepada lalulintas. Perkara ini juga telahpun dibangkitkan berulang kali di dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu.

Pada amnya terdapat syarat peraturan tertentu bagi mana-mana pihak berkuasa untuk menggali jalan-jalan bagi menanam kemudahan-kemudahan yang tersebut di atas iaitu mereka hendaklah menimbus semula lubang-lubang yang digali dan memulihkan keadaan permukaan jalan seperti keadaan yang asal. Biasanya kerja-kerja ini dijalankan oleh kontraktor-kontraktor dan mereka adalah bertanggungjawab bagi menimbus dan memperbaiki semula jalan-jalan yang digali. Walau bagaimanapun, kadang kala terdapat kontraktor-kontraktor yang kurang bertanggungjawab dan kerja-kerja menimbus lubang dan memperbaiki semula jalan tidak dijalankan dengan baik dan memuaskan. Sekiranya ini berlaku, biasanya pihak kontraktor akan diminta untuk membuat semula kerja-kerja tersebut. Sekiranya mereka enggan, Jabatan Kerjaraya akan mengambil tindakan memperbaikinya dan pihak kontraktor diminta membayar kosnya.

Di dalam kawasan Kuala Lumpur peraturan tertentu telah dibuat untuk mengatasi masalah ini di mana pihak kontraktor dikehendaki menimbus lubang-lubang yang digali sementara kerja-kerja memulihkan permukaan jalan akan dijalankan oleh Dewan Bandaraya.

RAKYAT PAKISTAN DI SABAH BERNIAGA KAIN

16. Datuk Haji Ashkar Hasbollah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai warganegara asing dari Pakistan yang datang ke Sabah terutama sebagai pelancung telah menjalankan perniagaan menjaja kain di seluruh Daerah di negeri Sabah, dan jika ya, sama ada beliau bercadang mengambil tindakan bagi memberhentikan kegiatan seperti ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar adanya orang-orang asing khasnya daripada Pakistan yang masuk ke Negeri Sabah sebagai pelancung tetapi telah melakukan perniagaan menjaja kain. Mereka ini telah melanggar syarat-syarat Pas Lawatan yang telah dikeluarkan kepada mereka untuk tujuan melawat negeri Sabah dan mereka yang telah dikesan telah diusir keluar dari negeri itu. Dari tahun 1977 hingga Februari 1980 seramai 54 orang warganegara Pakistan telah ditangkap dan diusir keluar.

PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI TEMPATAN

17. Tuan Lee Kaw meminta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Kerajaan telah mengumumkan bahawa pengambilan pelajar-pelajar bukan Melayu ke dalam universiti-universiti tempatan akan ditambah sebanyak 2%, bilangan tempat-tempat tambahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di setiap universiti tempatan untuk tahun akademik 1979/80, dan sama ada beliau sedar terdapat pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti-universiti berkenaan kerana penawaran dibuat terlalu lambat.

Dato' Musa bin Hitam: Angka-angka pengambilan bagi kemasukan sessi 1979/80 telahpun dinyatakan di Dewan Rakyat pada 22hb Oktober, 1979 ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Sandakan; pada 23hb Oktober, 1979 ketika menjawab pertanyaan Y.B. dari Ipoh dan di Dewan Negara ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Alexander Lee pada 17hb Januari, 1980.

Daripada angka-angka tersebut adalah dipastikan bahawa pertambahan pelajar bukan Bumiputra mengikut komposisi kaum ialah sebanyak 2.1%.

Kementerian ini juga sedar tentang terdapatnya kelewatan tawaran kemasukan yang dibuat oleh universiti kepada calon-calon. Ini berlaku kerana semasa pemilihan calon-calon di'alankan, tiap-tiap universiti ada menyediakan senarai calon-calon simpanannya masing-masing. Calon simpanan ini akan hanya ditawarkan tempat oleh universiti

sekiranya terdapat kekosongan tempat. Kekosongan tempat berlaku disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Calon-calun menolak tawaran yang diberikan oleh universiti-universiti sebaik sahaja menerima surat tawaran.
- (ii) Calon-calun menarik diri setelah mendaftar diri sebagai pelajar universiti.

Perkara-perkara di atas menyebabkan kelewatan tawaran kepada calon-calun yang lain untuk menggantikan tempat-tempat calon yang telah menarik diri.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat tentang adanya pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti disebabkan oleh kelewatan tawaran, kemungkinannya memanglah ada kerana di antara calon-calun yang telah ditawarkan itu ada yang telah mendapat pekerjaan ataupun mendapat tempat pengajian di tempat-tempat lain.

KILANG PAPAN DI BRUAS— PENCEMARAN UDARA

18. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah kilang papan yang ada di bandar Bruas telah menyebabkan kesusahan awam kepada penduduk-penduduk dan mengapa kilang papan itu dibenar meneruskan perniagaannya di bandar Bruas dan nyatakan langkah beliau ingin ambil terhadap kilang papan ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kementerian saya sedar tentang adanya sebuah kilang papan yang terletak di dalam kawasan bandar Bruas. Kilang tersebut telah diluluskan lesennya oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak berdasarkan kepada kelulusan Majlis Bandaran Bruas.

Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pencemaran udara yang disebabkan oleh pembakaran habuk-habuk kayu di kilang tersebut yang mengganggu keselesaan hidup penduduk-penduduk di sekitar kawasan kilang tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pencemaran udara oleh kilang tersebut telahpun mendapat perhatian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Beberapa orang pegawai daripada Kementerian tersebut telah membuat lawatan ke

kilang tersebut dalam bulan Februari 1980 untuk menilai kedudukan yang sebenarnya. Adalah diharapkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan dapat menasihatkan kilang tersebut supaya pencemaran udara dapat dikurangkan.

HOSPITAL DAERAH KULIM— PEMBAIKAN

19. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar Hospital Daerah Kulim, Kedah yang memberi perkhidmatan perubatan kepada penduduk di Kedah Selatan sudah lama dibina dan keadaannya pada hari ini sudah tidak sempurna lagi dari segi bangunan, keselamatan dan kebersihan. Mengapakah pihak Kementerian Kesihatan masih melengahkan pembinaan bangunan Hospital Baru, Kulim padahal pihak Kementerian telah mengumumkan rancangan ini sejak beberapa lama dahulu tetapi sehingga hari ini masih belum terlaksana.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Kesihatan adalah sedar bahawa Hospital Daerah Kulim telah dibina beberapa tahun dahulu, dan keadaan sekarang tidaklah sebegitu buruk seperti yang digambarkan dalam soalan ini. Saya sendiri telah pergi melawat ke hospital tersebut beberapa hari yang lalu iaitu pada 29hb Mac tahun ini dan telah melihat keadaan yang sebenarnya pada masa sekarang.

Apa yang menjadi masalah di hospital itu sekarang Tuan di-Pertua, ialah berkenaan dengan 'Maldistribution of beds' iaitu pembahagian katil-katil yang kurang memuaskan untuk penyakit-penyakit dan wad-wad yang tertentu yang mana telah menyebabkan kesesakan di satu-satu wad di samping wad-wad yang lain pula mempunyai katil-katil yang kosong. Selain dari itu bilik rawatan pesakit luar dan juga bahagian dispensary/pharmasi menghendaki pembesaran. Memang ada beberapa wad jua menghendaki pembaikan dan tambahan. Masalah ini telahpun saya bincangkan dengan Pegawai Perubatan yang berkuasa di hospital itu dan juga dengan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Negeri Kedah, Pengarah Perancang dan Pembangunan, Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai yang lain.

Pegawai-pegawai yang berkenaan telahpun diminta mengambil tindakan memperbaiki keadaan ini dengan kadar segera yang boleh. Pada keseluruhannya hospital itu boleh lagi menampung keperluan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Mengenai cadangan membina hospital baru di Kulim, Kedah keadaan sekarang ialah 'Preliminary sketch plan' hampir siap dan mengikut Jabatan Kerja Raya, 'detail plan' dijangka siap pada penghujung tahun 1980 ini.

KEKURANGAN TENAGA PEKERJA SAWAH PADI

20. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk membawa masuk pekerja-pekerja dari negara-negara jiran bagi mengatasi kekurangan tenaga pekerja di sawah-sawah padi di negara ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Kementerian tidak ada rancangan untuk membawa masuk pekerja-pekerja dari negara jiran bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di sawah-sawah padi. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sedang berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga di sawah padi dengan penggunaan jentera moden dan menjalankan penanaman padi secara berperingkat-peringkat supaya dapat menjimatkan tenaga pekerja.

DEMAM DENGGI BERDARAH— BILANGAN KEMATIAN

21. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kematian yang disebabkan oleh Demam Denggi dan beri angka tahunan bagi tahun 1977, 1978 dan 1979 dan nyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak mengambil langkah yang sepatutnya sebelum berlakunya demam denggi seperti kejadian di Pantai Remis, Dindings dalam tahun 1979.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Angkanya kes kematian yang disebabkan oleh demam denggi berdarah di Semenanjung

Malaysia, Negeri Perak dan Daerah Dindings dalam tahun 1977, 1978 dan 1979 seperti berikut:

	KES KEMATIAN		
	1977	1978	1979
Semenanjung Malaysia	389 (38)	454 (33)	397 (26)
Negeri Perak	39 (8)	83 (7)	109 (4)
Daerah Dindings ...	21	4	39 (1)

Untuk maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penyakit demam denggi ini adalah masalah penyakit penduduk-penduduk bandar dan kerap berlaku di kawasan-kawasan bandar yang kebanyakannya adalah di bawah pentadbiran kuasa-kuasa tempatan (local authorities). Pentadbiran kuasa-kuasa tempatan ini adalah bertanggungjawab ke atas kawalan kesihatan penduduk-penduduk di kawasannya termasuklah pengawalan dan pencegahan demam denggi. Peranan Kementerian Kesihatan hanyalah untuk memberi nasihat kepada kuasa-kuasa tempatan itu ke atas perkara-perkara kesihatan serta langkah-langkah untuk mengawal penyakit-penyakit, dan sekiranya berlaku wabak penyakit seperti wabak demam denggi yang terjadi di Pantai Remis dalam tahun 1979. Kementerian akan mengambil tindakan untuk mengawal wabak tersebut bersama-sama dengan kakitangan kuasa-kuasa tempatan yang berkenaan dan orang ramai.

TENTERA ASING DI AFGHANISTAN/ KAMPUCHEA—CAMPURTANGAN

22. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sikap Malaysia dan Negara-negara ASEAN terhadap pergolakan antarabangsa khususnya di Afghanistan dan di Utara dan Timur-laut negeri Thai; dan
- (b) apakah harapan negara-negara ASEAN untuk mengekalkan rantau ini sebagai negara ZOPFAN selepas perjumpaan Menlu-menlu ASEAN dengan Menteri Perancis berkenaan pertikaian di Indo-China.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain sangat mengambil berat dan membantah campurtangan tentera-tentera asing di Afghanistan dan di

negeri-negeri Indo-China terutamanya di Kampuchea kerana ianya merupakan campurtangan tentera-tentera asing di kedua-dua negara anggota negara-negara campurtangan tentera asing itu bermakna mereka adalah memaksa kedua-dua negara-negara yang lemah itu menerima kehendak-kehendak mereka dengan cara kekerasan yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa dan boleh mengancam keamanan dan keselamatan dunia seluruhnya.

Sepertimana yang saya telah katakan dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu, sikap Malaysia dan ASEAN terhadap campurtangan tentera-tentera asing ini adalah tegas di mana kita telah memainkan peranan penting dalam usaha mendapatkan sokongan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai "Situasi di Kampuchea" pada 14hb November, 1979 dan juga mengenai "Situasi di Afghanistan" pada 7hb Januari yang lalu. Kedua-dua Resolusi tersebut telah mendapat sokongan suara terbanyak dan diterima menjadi resolusi badan dunia itu. Malaysia juga turut serta menghadiri Mesyuarat Tergepang Menteri-menteri Luar Negara Islam yang berlangsung di Islamabad pada 27 hingga 29 Januari tahun ini yang telah menghasilkan satu Resolusi mengecam tindakan kekerasan tentera-tentera Soviet di Afghanistan.

Malaysia juga percaya satu penyelesaian politik mengenai persengketaan di Kampuchea mestilah diwujudkan untuk membolehkan rakyat Kampuchea menentukan nasib dan masa depan mereka dengan sendiri tanpa campurtangan dan pengaruh kuasa-kuasa luar. Kita ingin melihat dengan seberapa segera penubuhan sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan berkecuali di Kampuchea dengan Keraiaannya benar-benar mewakili rakyat negara tersebut. Demikian juga kita ingin melihat lahirnya sebuah negara berkecuali di Afghanistan terjauh dari persaingan kuasa-kuasa asing. Sebagai langkah utama, tentera-tentera asing mestilah ditarik keluar sertamerta dari Afghanistan dan Kampuchea.

(b) Mengenai soalan kedua Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklum bahawa

Menteri-menteri Luar ASEAN telah membincangkan masalah pertikaian di Indo-China dengan Menteri-menteri Pertubuhan Ekonomi Eropah (E.C.) termasuk Menteri Perancis baru-baru ini waktu mereka di Kuala Lumpur untuk menandatangani Perjanjian Kerjasama ASEAN dan E.C. Dalam perbincangan-perbincangan itu Menteri-menteri Luar ASEAN telah menekankan peranan yang boleh dimainkan oleh Eropah sebagai salah satu pertubuhan yang berkuasa besar dalam hal ehwal antarabangsa untuk mewujudkan Asia Tenggara sebagai satu Kawasan Bebas, Aman dan Berkecuali.

PEGAWAI-PEGAWAI IKHTISAS DALAM JABATAN KERAJAAN— BILANGAN

23. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah Pegawai-pegawai Ikhtisas (Professionals) dalam Jabatan Kerajaan seluruh Malaysia. Berapa bilangan yang akan bersara dalam tempoh 2 tahun lagi, sebab negara akan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Jumlah Pegawai Ikhtisas dalam perkhidmatan awam (tidak termasuk Pegawai Pelajaran dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik) ialah 4,336.

Bilangan Pegawai Ikhtisas yang akan bersara dalam tempoh 2 tahun lagi adalah dalam 64 orang.

Jika perkhidmatan pegawai itu masih dikehendaki lagi, Kerajaan boleh, di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/78, mengambil mereka ini berkhidmat semula sama ada secara kontrak atau sementara sehingga mereka mencapai umur 65 tahun. Di samping itu bagi menemui keperluan kakitangan untuk Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan akan menghantar lebih ramai lagi penuntut-penuntut bagi mengikuti Kursus Sains dan Ikhtisas.

PEGAWAI PENGUATKUASA RIMV DI KEDAH

24. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar yang penyelewengan dan diskriminasi sedang berlaku hebat oleh Pegawai

Penguatkuasa RIMV Kedah terhadap tuan-tuan punya lori, bas dan lain-lain kenderaan yang dimiliki oleh kaum bumiputra adalah lain layanan denda, kompaun ke atas mereka jika dibandingkan dengan tuan-tuan punya yang bukan bumiputra dan jika ya, apakah tindakan Kementerian atas perkara ini, dan sudahkan perkara ini disiasat dengan teliti.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Saya tidak sedar tentang adanya penyelewengan dan diskriminasi oleh pegawai-pegawai penguatkuasa RIMV di Kedah terhadap tuan punya lori, bas dan lain-lain kenderaan yang dipunyai oleh bumiputra seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda di dalam soalnya itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat membuktikan tuduhannya itu dengan memberitahu Kementerian saya terhadap satu-satu kes yang tertentu supaya satu siasatan dapat dilakukan jika penyelewengan dan diskriminasi itu sungguh-sungguh berlaku.

RANCANGAN LATIHAN PENUNTUT HSC/STP

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Lembaga Peperiksaan dalam pekeliling segeranya kepada semua gurubesar sekolah-sekolah menengah di mana pekeliling tersebut yang ditandatangani oleh Encik Abdul Rahman bin Mohd Ali, bagi pihak Pengarah Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, meminta semua sekolah-sekolah menghantarkan sebelum 29hb November, 1979 satu senarai yang mengandungi nama semua pelajar bumiputra yang mengambil peperiksaan HSC/STP Sains tahun 1979 dengan memberikan nama calon, nombor kad pengenalan, angka giliran HSC/STP 1979 dan angka giliran MCE/SPM 1977 bagi setiap calon; dan nyatakan sebab-sebab mengapa pekeliling seumpama itu dikeluarkan dan keperluan seumpama itu dikehendaki.

Dato' Musa bin Hitam: Ia, benar. Ianya adalah dibuat sebagai sebahagian daripada banciaan yang dikehendaki oleh Kerajaan bagi persediaan Rancangan Latihan Penuntut HSC/STP dalam bidang Sains dan Teknologi di Seberang Laut. Pemilihan awal adalah berasaskan keputusan MCE/SPM yang perlu disemak mengikut kriteria tertentu. Keputusan

HSC diperlukan kemudian, dan angka giliran bagi kedua-dua peperiksaan adalah amat perlu untuk rujukan dan kepastian.

OPERASI ISI PENUH—JUMLAH PENGAMBILAN

26. Tuan Alias bin Md. Ali minta Perdana Menteri menerangkan jumlah kakitangan yang telah diambil sehingga ini di bawah "Operasi Isi Penuh". Sama ada Kerajaan pusat hati dengan perjalanan Operasi tersebut dan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam akan terus dipertanggungjawab untuk mengendalikan kerja-kerja pengambilan kakitangan ini hingga Operasi tersebut selesai.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sebanyak 34,522 orang telah ditawarkan jawatan-jawatan kosong Kerajaan di dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan semenjak bulan Mei, 1979 sehingga 29hb Februari, 1980 di bawah Operasi Isi Penuh.

Kerajaan berpuas hati dengan perjalanan operasi tersebut kerana melalui sistem ini, banyak kekosongan dapat diisi di dalam satu masa yang agak singkat, dan tawaran-tawaran dapat dibuat secara serentak.

Kerajaan telahpun membuat keputusan supaya sistem Operasi Isi Penuh ini dilanjutkan sehingga Kerajaan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat.

BEKALAN ELEKTRIK KE LUAR BANDAR

27. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek yang sedang diambil oleh Kementerian tersebut bagi mempercepatkan pembekalan letrik di kawasan luar bandar terutamanya di Kelantan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam menjayakan rancangan bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar, termasuk di Negeri Kelantan, Kementerian saya dan LLN menghadapi berbagai-bagai masalah, umpamanya, masalah mendapat izin lalu, masalah

mendapat tapak-tapak yang sesuai untuk mendirikan pencawang-pencawang elektrik, masalah bersabit dengan penebangan pokok di kawasan laluan saluran voltan rendah, masalah kekurangan bahan-bahan seperti tiang-tiang kayu serta masalah kekurangan kontraktor-kontraktor yang sesuai dan tenaga pekerja yang mahir.

Bagi mengatasi masalah-masalah ini Kementerian saya dan LLN telahpun mengambil beberapa langkah yang berkesan. LLN telahpun meminta jasa baik Jabatan Kerjaya, Jabatan Parit dan Taliair serta Keretapi Tanah Melayu, untuk mengizinkan talian-talian atas melalui tanah-tanah rezab mereka serta membenarkan pencawang-pencawang elektrik didirikan atas tanah-tanah rezab tersebut. Di samping itu, Kementerian saya sedang berusaha untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah tanah yang lain supaya projek-projek rancangan elektrik luar bandar tidak tergendala.

Berkenaan dengan masalah yang bersabit dengan penebangan pokok pula, Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan Republik Finland, telah melaksanakan satu projek perintis di Kg. Sg. Tengi Kanan, Kuala Selangor dengan menggunakan kebel bersalut. Dengan teknik yang baru ini, tidak begitu banyak pokok perlu ditebang dan besar kemungkinan kebel jenis bersalut ini akan digunakan dengan secara besar-besaran pada masa hadapan. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang mahir serta kekurangan kontraktor yang sesuai, suatu Pasukan Petugas telah ditubuhkan dan satu sistem Jadual Harga Tetap diperkenalkan.

Adalah dijangka bahawa langkah-langkah tersebut akan mempercepatkan lagi bekalan elektrik ke kawasan luar bandar termasuk kawasan-kawasan di Negeri Kelantan.

BATU CAVES—KEMUSNAHAN

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan yang makin buruk di Batu Caves yang menjadi satu pusat ugama dan pelancungan akibat kerja menggali batu dan apakah langkah-langkah yang beliau bercadang mengambil untuk memberhentikan kemusnahan di sini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam masa soal-jawab pada 27hb Mac, 1980 ketika menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya memang telah sedia maklum keadaan ini.

Oleh yang demikian, saya tidak akan menambah apa-apa lagi terhadap jawapan yang telah diberikan.

TABUNG PINJAMAN PENUNTUT-PENUNTUT

29. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan penuntut-penuntut yang berkelayakan masuk ke universiti tempatan terlalu ramai yang tidak dapat tempat, sama ada satu tabung pinjaman khas akan diadakan untuk membantu penuntut-penuntut yang ingin belajar di luar negeri dalam bidang-bidang profesional, ekonomi dan business studies yang boleh membanyakkan lagi profesional Melayu di sektor swasta dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Jika tidak, mengapa?

Dato' Musa bin Hitam: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu tabung pinjaman khas bagi membantu penuntut-penuntut yang ingin belajar di luar negeri dalam bidang-bidang profesional, ekonomi dan business. Ini adalah kerana keperluan ini telahpun wujud melalui kegiatan MARA, Petronas, RISDA, FELDA dan lain-lain ada memberikan biasiswa.

RANCANGAN PEMBIAKAN PENYU DI TRENGGANU

30. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah luas tanah yang digezet oleh Kerajaan untuk penyus bertelur di pantai Negeri Trengganu; dan
- (b) berapakah bilangan anak-anak penyus yang telah dilepaskan semenjak projek pembiakan penyus-penyus ini dilancarkan sejak tahun 1976.

Dato' Shariff Ahmad:

- (a) Kerajaan Trengganu telah mengezetkan 44 kawasan di sepanjang pantai negeri itu untuk penyu bertelur. Tiap-tiap satu kawasan adalah di antara 3-5 batu panjang.
- (b) Semenjak rancangan pembiakan penyu ini dimulakan hingga ke akhir tahun 1979 sebanyak 360,402 ekor anak penyu belimbing, 7,993 ekor anak penyu agar dan 5,222 ekor anak penyu lipas telah dilepaskan.

SIJIL PERAKUAN TARAF DI KELANTAN—BILANGAN PEMOHON

31. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan Sijil-sijil Perakuan Taraf yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen kepada pemohon-pemohon di Negeri Kelantan bagi tahun 1978 dan 1979.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bilangan Sijil-sijil Perakuan Taraf yang telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon di Negeri Kelantan ialah seperti berikut:

1978 ...	2,077
1979 ...	9,045

RTM—IKLAN UBAT-UBATAN

32. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan apakah pihak RTM telah mengesah dan menentukan tiap-tiap ubatan dan barangan yang diiklankan itu benar-benar mujarab dan bermutu baik sebagaimana yang dipropagandakan itu, supaya orang ramai tidak tertipu kerana Radio dan TV merupakan sebaran am Kerajaan yang sangat berkesan dan paling terpengaruh kepada orang ramai, terutama di kampung-kampung.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Segala iklan-iklan ubat yang hendak disiarkan oleh radio dan TV hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan oleh Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan.

Mengenai barangan yang diiklankan nilai mutunya adalah dikaitkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kod iklan yang berkehendakkan semua iklan mestilah jujur.

JAMBATAN PULAU PINANG— SEBERANG PERAI

33. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu kedudukan terakhir mengenai jambatan yang dicadangkan untuk menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai dan bilakah projek tersebut akan menjadi satu hakikat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Jawapan kepada pertanyaan ini adalah sama seperti jawapan yang telah saya berikan pada 18hb Mac, 1980 dalam Dewan ini kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

KOS SARA HIDUP DI JOHOR BAHRU

34. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin meminta Menteri Kewangan nyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa kos sara hidup di Johor Bahru adalah satu-satunya yang tertinggi dibandingkan dengan pekan-pekan lain di Semenanjung Malaysia dan jika sedar apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Perbezaan harga barang-barang dan perkhidmatan memang terdapat di antara bandar-bandar di Malaysia. Perkara ini berlaku oleh kerana faktor-faktor permintaan dan penawaran di tempat-tempat tersebut.

Saya sedar bahawa terdapat setengah harga barang-barang seperti bahan-bahan makanan yang lebih tinggi di Johor Bahru jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain di Malaysia. Sebagai contoh, berasaskan pada harga yang dikutip oleh Jabatan Perangkaan dalam bulan Disember 1979, harga sepuluh

biji telur gred A adalah lebih tinggi sebanyak 197 sen di Johor Bahru berbanding dengan 176 sen di Kuala Lumpur dan 174 sen di Kota Bharu. Begitu juga harga daging di Johor Bahru adalah sebanyak \$5.00 sekati berbanding dengan \$3.84 di Kuala Lumpur dan \$4.60 di Kuantan. Di sebaliknya pula harga ayam dan beberapa jenis sayuran seperti kangkong dan kobis didapati lebih murah di Johor Bahru jika dibandingkan dengan beberapa bandar lain. Harga sekati ayam adalah sebanyak \$2.00 di Johor Bahru berbanding dengan \$2.14 di Kuala Lumpur dan \$2.07 di Kuantan. Harga minyak petrol adalah juga lebih rendah dari bandar-bandar lain.

Walaupun terdapat perbezaan dalam harga barang-barang tidaklah dapat dikatakan bahawa kos sara hidup adalah paling tinggi di Johor Bahru berbanding dengan kadar-kadar lain tanpa mengambil kira semua harga barang-barang dan perkhidmatan yang merupakan perbelanjaan biasa seisi rumah dan juga beberapa faktor lain. Faktor-faktor seperti perubahan dalam pendapatan, corak pengguna, jenis dan mutu barang penggunaan dan saiz isi rumah perlu diambil kira untuk menentukan kos sara hidup. Memandangkan perkara-perkara ini adalah berbeza di antara bandar maka adalah sukar bagi mengukur kos sara hidup di antara bandar. Angka tunjuk Harga Pengguna yang kita gunakan sekarang tidak mengukur kos sara hidup ataupun paras harga secara relatif akan tetapi hanya mengira perubahan harga-harga dari masa ke semasa bagi keseluruhan negara. Seperti Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan terangkan beberapa kali dahulu, Kerajaan memandang berat mengenai masalah inflasi dan telah mengambil langkah-langkah yang tegas dan menyeluruh bagi membendung inflasi. Kerajaan akan terus menguatkuasakan Akta Kawalan dan Bekalan bagi mencegah dan membendung keuntungan berlebihan, kegiatan-kegiatan sorok dan spekulasi mengenai barang-barang keperluan. Dalam usaha menggalakkan simpanan wang, berbagai langkah-langkah fiskal dan kewangan telah diperkenalkan. Ini termasuklah pengecualian faedah dari cukai pendapatan, perubahan dalam penentuan kadar faedah bank-bank perdagangan kepada satu sistem yang lebih berorientasikan pasaran, menyusun semula susunan mudah tunai dan memperkenalkan dua alat pasaran wang yang baru

iaitu "bankers acceptance" dan "negotiable certificates of deposits" yang telah dilaksanakan dalam tahun 1979.

Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk mengawal dan memperbaiki sistem pemasaran bagi keluaran para petani. Langkah-langkah ini termasuk memperkenalkan peraturan-peraturan dan pelesenan bagi beberapa bahan makanan, menjamin bekalan yang cukup, memperbaiki sistem pengangkutan dan menyediakan bilik-bilik sejuk. Kemudahan-kemudahan gudang simpanan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1980 bagi menyimpan beberapa jenis bahan makanan seperti buah-buahan, makanan dalam tin dan lain-lain barang pengguna serta alat-alat ganti, alat kelengkapan dan mesin akan dapat menjamin bekalan yang berterusan di seluruh negara, sambil menjamin harga yang berpatutan.

Adalah jelas bahawa Kerajaan telah berikhtiar sedaya upaya menentang inflasi tetapi segala usaha-usaha ini tidak akan mencapai kesan yang menyeluruh dan meluas jika tidak mendapat kerjasama dari semua pengguna-pengguna. Oleh itu jika Ahli Yang Berhormat dapat membuktikan bahawa harga barang-barang yang lebih tinggi di Johor Bahru adalah disebabkan oleh pemerasan dan amalan-amalan penyelewengan dalam sistem pemasaran, saya mencadangkan supaya pengguna-pengguna di Johor Bahru mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan lagi melalui persatuan pengguna untuk mengurangkan amalan-amalan yang kurang baik ini. Kerajaan senantiasa menggalakkan kegiatan persatuan pengguna dan bersedia memberi bantuan kepada persatuan-persatuan tersebut. Pengguna-pengguna sendiri seharusnya tidak hanya bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Walaupun demikian, Kerajaan bersedia untuk mengambil tindakan ke atas pemerasan dan amalan penyelewengan oleh pekedai-pekedai dalam kes-kes tertentu jika perkara-perkara ini dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

ELAUN TUKANG KEBUN SAMBILAN

35. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian-nya bercadang untuk menaikkan imbohan tukang kebun sambilan dari \$20.00 sebulan ke angka yang berpatutan.

Dato' Musa bin Hiam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya tidak bercadang untuk mengkaji kadar elaun sebanyak \$20 sebulan yang dibayar kepada Tukang Kebun sambilan khusus bagi sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 120 orang. Ini adalah disebabkan bahawa Kementerian saya sedang mengambil tindakan secara berperingkat untuk mendapatkan jawatan tetap Buruh Am bagi menggantikan tempat Tukang Kebun sambilan ini.

DASAR LUAR MALAYSIA

36. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa arus kebangkitan kuasa, pengaruh dan politik Islam nampaknya mempengaruhi arus politik antarabangsa sekarang yang sedikit sebanyak telah mencemaskan puak komunis maupun kapitalis, dan jika ya, apakah persediaan serta pendirian politik, sosial dan ekonomi Kerajaan Malaysia supaya keadaan ini sentiasa menguntungkan kita kerana ini adalah penting walaupun kesan atau akibatnya yang kita mesti tempohi biarlah rasional dan menafaat untuk kita khususnya ASEAN. Adakah Malaysia meramalkan sikap menunggu dan melihat dahulu atau akan bersama-sama mengambil pendirian bersama dalam arus perkembangan ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Dasar luar Malaysia telah dirangka supaya sesuai untuk menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan di bidang politik antarabangsa. Semenjak tahun-tahun enam puluhan lagi Malaysia telah memberi keutamaan kepada pertalian-pertaliannya dengan negara-negara Islam dan telah mengambil inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan lagi tali persaudaraan dengan mereka. Kita telah terdorong oleh kepercayaan dan keyakinan yang mendalam kepada potensi-potensi yang membina hasil dari satu kebangkitan Islam. Tidaklah salah jika dikatakan bahawa Malaysia telah meneroka bersama-sama dengan negara Islam

lain gerakan kebangkitan semula Islam. Malaysia telah mengamal dan mengutarakan perpaduan dan kerjasama Islam sebagai suatu cara meningkatkan umat Islam. Cadangan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman semasa beliau menjadi Perdana Menteri supaya ditubuh "Komanwel Islam" jelas membuktikan peranan Malaysia.

Persidangan Islam yang pertama kali diadakan di peringkat Kerajaan telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1969. Persidangan itu telah dihadiri oleh 23 buah negara dengan tujuan bertukar-tukar fikiran dengan secara mendalam dan untuk membincang masalah-masalah agama. Satu dari hasil Persidangan ini adalah penubuhan Pusat Penyelidikan Islam di Kuala Lumpur.

Musabaqah Al-Quran anjuran Malaysia telah mendapat sambutan baik dan menjadi lambang peranan kita dalam menjalankan usaha dakwah Islamiah dan perpaduan Islam. Dalam pada itu juga, Malaysia telah menghantar beberapa rombongan mengunjungi negara-negara Islam untuk menekankan kepentingan kerjasama.

Malaysia telah memainkan peranan yang utama dalam penubuhan Persidangan Pertubuhan Islam dan sebagai berperakui peranan kita, negara-negara Islam telah memohon supaya Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berkenan menjadi Setiausaha Agung pertama Pertubuhan tersebut. Pertubuhan ini banyak terhutang budi kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj atas tahap kecapaiannya kini yang diakui sebagai suatu kuasa dalam politik antarabangsa. Pertubuhan Persidangan Islam yang pada mula berteraskan politik dan agama telah bertukar corak di Persidangan Pertubuhan Islam Kelima di Kuala Lumpur pada tahun 1974 untuk merangkumi kerjasama dalam bidang-bidang ekonomik, sosial, kebudayaan dan keagamaan untuk menggunakan kuasa ekonomi dan kewangan dunia Islam. Penubuhan Bank Pembangunan Islam dan badan-badan lain yang dipersetujui di Kuala Lumpur itu telah memberi sumbangan terhadap perkembangan kerjasama ekonomi, perdagangan dan penanaman modal antara negara-negara Islam.

Dari ulasan saya yang ringkas ini tentulah jelas bahawa Malaysia bukan sahaja sedar akan "trend" perkembangan kebangkitan Islam dalam politik antarabangsa, tetapi telah

memainkan peranannya supaya perpaduan dan kerjasama Islam akan terus menjadi faktor utama dalam keamanan dan kemakmuran antarabangsa. Tentulah jelas juga bahawa Malaysia tidak “menunggu dan melihat” tetapi sebaliknya meneroka jalan dalam memperkembangkan pengaruh agama Islam di seluruh dunia moden ini.

JAMBATAN PULAU PINANG- SEBERANG PRAI—ANGGARAN PERBELANJAAN

37. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan :

- (a) bilakah kerja membina jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Prai dijangka bermula, perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek tersebut dan tarikh projek tersebut dijangka akan siap dibina; dan
- (b) siapakah yang menjadi perunding-perunding projek tersebut, jumlah bayaran perundingan yang terlibat dan berapakah wang perundingan yang dibayar setakat ini.

Tuan Clarence E. Mansul:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi bahagian (a) soalan ini telahpun saya berikan di Dewan yang mulia ini pada 18-3-1980.
- (b) Perunding projek tersebut ialah Howard Needles consultant (SEA) Sdn. Bhd. Manakala jumlah bayaran terhadap kerja-kerja Perundingan ialah \$12,105,829. Sehingga ini sebanyak \$4,565,091 telah dibayar. Projek tersebut dianggarkan berjumlah \$385,000,000.

BILANGAN “EXPATRIATES” BEKERJA DI MALAYSIA

38. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan “expatriates” yang bekerja di Malaysia dan sama ada usaha-usaha dibuat untuk menggantikan mereka dengan rakyat Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikut istilah “expatriates” yang biasanya difahami, bolehlah saya katakan

tidak ada lagi “expatriates” yang bekerja di negeri ini. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di dalam pertanyaan ini ialah mengenai warganegara asing yang bekerja di syarikat-syarikat ataupun firma-firma asing atau usahasama yang ditubuhkan di negeri ini.

Dalam konteks ini dapatlah saya nyatakan bahawa mengikut perangkaan Imigeresen, di Semenanjung adalah seramai 15,990 orang, di Sabah 3,305 orang, di Sarawak 3,035 orang.

Mereka ini memang dibenarkan memegang jawatan-jawatan yang tertentu di dalam syarikat-syarikat yang melabor di negeri ini, kerana Kerajaan berpendapat jawatan-jawatan ini adalah perlu bagi menjaga dan mengawal kepentingan perlaboran yang dibuat itu. Jawatan-jawatan ini adalah :

- (i) Jawatan-jawatan yang dikategorikan sebagai jawatan penting.
- (ii) Jawatan-jawatan yang difikirkan perlu untuk disandang oleh pegawai asing kerana jawatan-jawatan itu memerlukan pengalaman atau kebolehan yang tertentu. Bagi jawatan-jawatan ini syarikat-syarikat berkenaan dikehendaki bekerjasama untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai warganegara yang berkelayakan supaya dalam tempoh yang ditetapkan jawatan-jawatan ini dapat diambilalih oleh pegawai-pegawai warganegara.

PERATUS PERCERAIAN ORANG- ORANG ISLAM

39. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa perceraian di kalangan orang Islam mudah benar berlaku terutama di luar bandar oleh kerana tidak mendapat nasihat yang sewajarnya daripada Imam/Kadi, sama ada Kerajaan akan merujuk perkara ini kepada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam untuk diselaraskan di tiap-tiap negeri bahawa perceraian di kalangan orang Islam hendaklah dilakukan di hadapan Kadi Daerah dan seterusnya membawa perkara itu ke Pejabat Ugama Islam Negeri untuk diputuskan. Sila nyatakan jumlah perceraian mengikut negeri

dari tahun 1975-1979 dan nyatakan sebab-sebab berlakunya perceraian, sama ada kajian atau penyelidikan atas perceraian itu ada dijalankan. Jika tidak, mengapa?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kajian telah dibuat berhubung dengan perceraian orang Islam di Malaysia dan dari kajian itu didapati bahawa perceraian berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu umpamanya umur terlalu muda, kurangnya pendidikan agama dan pengetahuan berkenaan tanggungjawab sebagai suami isteri, tidak adanya persefahaman di antara suami isteri, kurang berkesanggupan untuk memberi nafkah yang sewajarnya, adanya pengaruh luar yang tidak sihat dan

campurtangan dari ibu bapa yang tidak kena pada tempatnya dan pergaulan bebas yang melampaui batas.

Berhubung dengan perkara ini pihak Kerajaan menerusi Jabatan Ugama telah mengambil beberapa daya usaha untuk mengatasinya misalnya dengan mengadakan kursus-kursus perkahwinan dan hal ehwal rumahtangga dan juga ceramah-ceramah agama.

Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di sini bahawa hasil daripada kajian yang telah dibuat itu didapati bahawa peratus perceraian orang-orang Islam di Malaysia bagi tahun 1974 hingga 1978 adalah didapati pada keseluruhannya tidak menunjukkan kepada perbezaan yang begitu banyak bahkan boleh dikatakan sama dari tahun ke setahun.

Jumlah perceraian mengikut negeri dari tahun 1974 hingga 1978 adalah seperti berikut:

	NEGERI			1974	1975	1976	1977	1978
Perlis	359	352	359	326	362
Kedah	2,958	2,312	2,285	2,594	2,431
Pulau Pinang	709	686	638	658	740
Perak	1,202	1,157	1,110	1,156	1,062
Selangor	846	752	790	740	744
Negeri Sembilan	325	311	326	357	316
Melaka	334	238	241	207	174
Johor	1,079	1,087	1,133	1,099	640
Pahang	708	788	847	918	844
Trengganu	2,038	1,964	1,998	1,773	1,971
Kelantan	4,530	4,645	4,452	4,309	4,557
Wilayah Persekutuan	208	229	245	330	378
Sabah	—	—	—	—	884
Sarawak	—	—	—	—	256

Jumlah perceraian bagi tahun 1979 masih belum diterima laporannya dari negeri-negeri.

PERTIKAIAN DI KAMPUCHEA OLEH VIETNAM

40. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan beliau ke Hanoi baru-baru ini. Adakah Hanoi mempunyai dasar-dasar/matlamat untuk menakluki negara-negara yang lemah di rantau Asia ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya telah berpeluang untuk bertukar pandangan secara berterang dan berfaedah

dengan pemimpin-pemimpin Vietnam berhubung dengan konflik Kampuchea dan masalah pendatang-pendatang haram Vietnam. Saya juga telah menyampaikan pandangan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain mengenai perlunya dicapai penyelesaian politik terhadap pertikaian di Kampuchea dan meminta kerjasama Vietnam dalam menyelesaikan masalah pendatang-pendatang haram Vietnam.

Hasil daripada lawatan saya, Vietnam telah memberi jaminan bahawa :

- (i) Vietnam akan menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (ii) Vietnam akan meneruskan usaha untuk bekerjasama dengan mematuhi jaminan-jaminan yang telah dibuatnya di Mesyuarat Orang-orang Pelarian Indochina, di Geneva bagi menghalang pelarian pendatang-pendatang haram Vietnam dan bekerjasama dengan pihak UNHCR dalam "Orderly Departure Programme" dari negara itu.

Vietnam juga telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan dialog dengan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam mewujudkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan kepada Deklarasi Kuala Lumpur November 1971, sebagai asas perbincangan. Berdasarkan kepada jaminan-jaminan oleh pemimpin-pemimpin Vietnam ini, saya tidak memikirkan bahawa Vietnam mempunyai dasar-dasar dan matlamat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi, walau bagaimanapun kita sentiasa berwaspada.

PENJAJA/PENIAGA KECIL DI KOMPLEKS PERNIAGAAN

41. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk tahun 1980 bagi memperbaiki keadaan penjaja di Kuala Lumpur dan apakah rancangan yang sedang disediakan bagi membina lebih banyak kompleks penjaja lagi dan di manakah terdapatnya kompleks-kompleks tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Kerajaan akan membelanjakan lebih kurang \$3,947,600 untuk tahun 1980 ini bagi memperbaiki keadaan penjaja di Kuala Lumpur. Untuk kemudahan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil, Kerajaan sedang dan akan membina lebih banyak gerai-gerai dan menempatkan semula penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di dalam kompleks-kompleks perniagaan atau bangunan-bangunan di mana tingkat-tingkat tertentu dikhaskan untuk perniagaan. Di antara gerai-gerai dan kompleks-kompleks penjaja

yang sedang dibina/dirancangkan termasuklah Kompleks Bazaar, Jalan Munshi Abdullah, Kompleks Perniagaan dan Pasar Sungai Besi, Gerai Makan, Jalan Sultan Muhamad, Gerai Makan, Jalan Duta dan Kompleks Perniagaan Kecil dan Pasar Pekan Batu.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA—KEANGGOTAAN

42. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai orang-orang yang menganggotai Majlis Peperiksaan Malaysia, nyatakan kelayakan, kelulusan dan pengalaman mereka serta nyatakan tugasbidang dan syarat-syarat perkhidmatan mereka.

Dato' Musa bin Hitam: Keanggotaan Majlis Peperiksaan Malaysia adalah terdiri daripada 5 Naib-Canselor Universiti, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran, Pengawal Peperiksaan dan 5 ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5 ahli-ahli yang dilantik tersebut serta kelayakan dan pengalaman mereka adalah seperti berikut:

1. Profesor Dr Yip Yai Toong, B.A. (Hons) M.A., Ph.d. Seorang bekas profesor dan Timbalan Naib-Canselor Universiti dan sekarang dalam pinjaman kepada sebuah institusi penyelidikan dan latihan banking yang terkemuka.
2. Encik M. Sockalingan, B.A. (Hons.), Dip. Ed., M.A. Seorang bekas pegawai kanan perkhidmatan pelajaran dan sekarang berkhidmat dalam sektor swasta.
3. Puan Khalidah Adibah binti Haji Amin, B.A. (Hons.), Dip. Ed. Seorang bekas pendidik dan sekarang bertugas dalam bidang kewartawanan.
4. Encik Arni bin Haji Lampam, B.A. (Hons.). Seorang bekas pegawai kanan Perkhidmatan Tadbir Sarawak dan sekarang berkhidmat dalam sektor swasta.

5. Yang Berbahagia Dr A. R. Lo Su Fook, M.B.Ch.B., M.R.C.P., F.R.C.P. Seorang bekas pegawai perubatan kanan di Sabah dan sekarang mengendali klinik perubatannya sendiri.

(Nota:

- M.B.Ch.B. ... Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery.
 M.R.C.P. ... Member of Royal College of Physicians.
 F.R.C.P. ... Fellow of the Royal College of Physicians.)

Perlantikan ahli-ahli yang dilantik ini adalah bagi tempoh 3 tahun mulai 1-2-1980.

Tugas Majlis ini ialah "mengelolakan, tertakluk kepada dan mengikut Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu" (Seksyen 7 (1) Akta).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dibahaskan dan diputuskan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dibahaskan dan diputuskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah.

"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb April, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan semalam saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu untuk menyambung ucapannya, tetapi oleh sebab Yang Berhormat itu mengetahui ramai yang hendak bercakap pada hari ini, dan saya pun akan menghadkan percakapan atau masa Ahli Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat itu telah memberitahu saya, dia tidak payahlah menyambung ucapannya lagi. Dengan sebab itu, sekarang saya jemput siapa yang hendak bercakap pada hari ini.

Sebelum saya memberi sesiapa bercakap saya akan tetapkan iaitu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 5.30 petang dan tiap-tiap seorang bercakap tidak lebih daripada 20 minit supaya ramai dapat mengambil bahagian.

Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pertama kita pihak di sini merasa sangat kesal bahawa dalam satu perkara yang sangat begitu penting pihak Kerajaan tidak sanggup memberi masa yang cukup untuk membolehkan satu perbahasan yang mendalam . . .

Tuan Yang di-Pertua: Menetapkan masa ini saya di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (8). Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita sangat kesal bahawa tidak ada masa yang cukup untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dan ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan apabila mengemukakan Rang Undang-undang ini tidak berani memberi masa untuk semua

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu bercakap dan memberi pandangan-pandangan bagi pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan bahawa Rang Undang-undang ini khasnya kepada kesatuan sekerja serupa satu perisytiharan perang bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional terhadap kesatuan-kesatuan dan pergerakan pekerja-pekerja. Semalam ada seorang Ahli berkata bahawa siapa musuh dan siapa kawan kepada pekerja. Dan ada tuduhan-tuduhan yang liar bahawa pihak DAP mahu "di-DAP-aiskan" pergerakan MTUC. (*Disampuk—Betul*)

Kita semua tahu bahawa DAP tidak pernah cuba untuk campurtangan dalam hal ehwal MTUC, yang mahu campurtangan dalam hal ehwal MTUC ialah Barisan Nasional (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Jangan banyak gangguan!

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Barisan Nasional gagal untuk campurtangan dan mempengaruhi pekerja-pekerja datanglah Rang Undang-undang ini untuk melemahkan, memecahkan supaya kesatuan-kesatuan sekerja lemah dan ineffective, bukan mahu Barisan Nasionalisekan, mahu UMNOlisekan, rancangan itu gagal. Dan saya percaya . . .

Datuk K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Kalau termasuk masa, boleh!

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kata-kata Yang Berhormat itu adakah benar bahawa Ahli Yang Berhormat DAP dari Damansara itu menjadi Setiausaha Agong MTUC dan juga ahli peperangan DAP barisan depan (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan naive, tak tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Damansara ialah Setiausaha Agong MTUC. Kalau dia tak tahu, apa yang dia tahu? Setiap orang ada hak pandangan politik, tidak terserah kepada sesiapa tetapi badan MTUC dan pertubuhan DAP ialah berbeza dan oleh kerana MIC tidak payah sebutlah sungguhpun Presiden sudah masuk (*Ketawa*), mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri

pun tak laku walaupun dalam MIC dan oleh kerana UMNO cuba mempengaruhi pergerakan pekerja-pekerja yang gagal, sebab itulah ada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperkenalkan pindaan-pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja yang merupakan pindaan-pindaan yang paling vicious, vindictive dan sangat anti-buruh. Pindaan-pindaan ini bertujuan hampir menyekat kebebasan bertindak kesatuan-kesatuan sekerja dan menukarkan mereka menjadi jabatan-jabatan Kerajaan tertakluk kepada perintah dan nafsu seorang "Super-Creature", yakni Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Sebenarnya pindaan-pindaan ini menggambarakan kecenderungan (propensity) Kerajaan untuk memberikan dirinya kuasa-kuasa authoritarian dalam semakin banyak bidang-bidang dalam hidup kebangsaan kita kerana pindaan-pindaan ini merupakan satu extension ke dalam bidang kesatuan sekerja Kuasa-kuasa Darurat (Emergency Powers) semacam kuasa-kuasa ISA, penangkapan tanpa perbicaraan diextendkan kepada bidang pekerja di mana Pendaftar Kesatuan Sekerja boleh menarik balik atau membatalkan kehidupan kesatuan-kesatuan sekerja tanpa perbicaraan pun.

Apabila berhadapan dengan cadangan-cadangan undang-undang ini yang sungguh menakutkan serta mempunyai implikasi-implikasi luas, seseorang itu boleh dimaafkan jika mereka menggambarkan bahawa Malaysia adalah sebuah industrial wasteland di mana telah dibinasakan oleh pertikaian perusahaan, kerusuhan dan anarki yang tak henti-henti dengan sentiasa berlakunya pemberhentian kerja selama-lamanya, di mana pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja serta juga pekerja-pekerja bertindak dengan liar dengan menggugat ekonomi negara dan menakutkan majikan-majikan dan kapitalis-kapitalis supaya mereka menjadi stooges of organised labour.

Adakah keadaan buruh di negara kita sebenarnya macam gambar ini di mana kuasa-kuasa darurat sepertimana dicadangkan dalam pindaan-pindaan ini diperlukan di mana boleh menimbul dan menunjukkan satu sifat Kerajaan memandangkan pergerakan buruh dengan curiga, syak wasangka dan penghinaan.

Keadaan perhubungan perusahaan di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah merupakan suatu industrial wasteland tetapi sebaliknya memberikan gambaran yang menggalakkan akan keharmonian perusahaan yang sihat di mana sumbangan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang bertanggungjawab adalah tidak ternilai dan untuk membuktikan itu siapa yang lebih authoritative daripada Yang Berhormat Menteri Buruh sendiri.

Semasa berucap dalam perhimpunan agung tahunan pertama Malaysian Employer's Federation (MEF) pada 3hb September, 1979 beliau berkata bahawa keadaan perusahaan sangat menggalakkan. Beliau berkata bahawa tahun 1978 merupakan tahun di mana pemogokan adalah terlalu kurang jika dibandingkan dengan tahun-tahun lain dalam dekad ketujuh-puluhan dengan hanya berlakunya sebanyak 36 kes mogok di negara ini. Untuk tahun 1979 pula, beliau berkata bahawa selain daripada pertikaian MAS-AEU bahawa untuk enam bulan yang pertama barulah berlaku 16 kes mogok.

Yang Berhormat Menteri Buruh selanjutnya berkata bahawa untuk tahun 1978, hanya 1.14% anggota-anggota kesatuan sekerja terlibat dalam mogok yang beliau mensifatkan sebagai "an all-time low for the decade". Untuk enam bulan pertama tahun 1979, hanya 0.6% anggota-anggota kesatuan sekerja yang terlibat dalam mogok.

Beliau juga telah berkata, "There is a greater recognition today that both sides of industry need continued orderly conduct of industrial relations". Tetapi sekarang dengan tiba-tiba negara diberitahu bahawa pindaan-pindaan yang draconian kepada undang-undang kesatuan sekerja adalah perlu kerana sikap tidak bertanggungjawab yang diamalkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja serta pemimpin-pemimpin mereka.

Meskipun Kerajaan menafikan, adalah tidak boleh diragu-ragukan bahawa pindaan-pindaan draconian ini kepada Ordinan Kesatuan Sekerja adalah secara langsung diakibatkan oleh pertikaian MAS-AEU dan tidak kena-mengena dengan perbincangan-perbincangan yang diadakan kadangkala di antara Kerajaan dengan MTUC pada tahun-tahun dahulu tentang perubahan-perubahan yang perlu kepada Undang-undang Buruh.

Di pertengahan pertikaian MAS-AEU, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara ada berkata pada 18hb Februari, 1979 bahawa Kerajaan mahu plug loopholes dalam Undang-undang Buruh. Adalah sungguh tragik pemikiran Kerajaan tentang kesatuan sekerja dan peranan pergerakan buruh dipengaruhi oleh pertikaian MAS-AEU lebih-lebih lagi memandangkan pertikaian MAS-AEU itu bertambah buruk kepada dimension sepertimana berlaku akibat salah pengurusan oleh pihak pengurusan MAS dan Menteri Buruh serta juga pemimpin-pemimpin Kerajaan yang lain. Pertikaian tersebut sepatutnya boleh diselesaikan kerana terdapat peruntukan-peruntukan yang cukup di dalam Akta Perhubungan Perusahaan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut bukan dengan menggunakan istilah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan dengan "by the strength of argument" tetapi "by the strength of muscle", tetapi oleh kerana salah pengurusan pertikaian ini apa yang sudah berlaku dalam krisis MAS-AEU.

Ketika mempertahankan pindaan-pindaan yang draconian ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga boleh menuntut dengan bangganya bahawa pindaan-pindaan tersebut diilhamkan olehnya, kerap kali berkata bahawa beliau berasa hairan kerana pertikaian-pertikaian buruh selalunya diselesaikan bukan menurut cara biasa di mana seorang tengah yang bebas diundang untuk menghakimkan apa yang betul dan apa yang salah tetapi pertikaian-pertikaian tersebut diselesaikan dengan menggunakan kekuatan.

Jelaslah apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut demikian apa yang terselit di fikirannya ialah pertikaian MAS-AEU tetapi beliau telah terlupa ataupun tidak sedar pertikaian tersebut telah menjadi satu ujian kekuatan semata-mata disebabkan kegagalan pimpinan dan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Buruh dan lain-lain Menteri yang campurtangan, sama ada disebabkan kerana mereka tidak mempunyai pengalaman, ketidakcekapan ataupun kerana bias.

Nyatalah apa yang tidak menyenangkan Kerajaan khasnya UMNO ialah Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Penerbangan yang mempunyai pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota yang kebanyakannya orang-orang

Melayu seolah-olah telah berjaya memupuk kesedaran kelas bersama di kalangan pekerja-pekerja yang terdiri dari berbagai-bagai kaum.

UMNO menganggap trend ini di mana pekerja-pekerja memupuk kesetiaan bersama kelas pekerja dengan pekerja-pekerja lain yang mengatasi kesedaran kaum sebagai satu ancaman dan cabaran jangka panjang yang serius kepada kuasa politik yang mana politik UMNO adalah berasaskan semata-mata atas politik perkauman dan UMNO terus merayu kepada pengundi-pengundi semata-mata atas alasan-alasan perkauman. Dan ini sebenarnya menjelaskan lagi apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO ke 30 semasa perbahasan diadakan mengenai hal buruh dan akhbar *Sunday Times* bertarikh 8hb Julai, 1979 telah melaporkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Berapa panjang?

Tuan Lim Kit Siang: Tiga paragraph sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Paragraph itu pendek-pendekkah?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak panjang, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendek, boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, pendek.

(Dengan izin)

“Talking about the role of employees, Datuk Seri Dr Mahathir said Malaysia was a developing nation and workers should realise who their benefactor was in the moves to restructure their position.”

“He quoted MAS as an example, saying that MAS was born through the initiative of UMNO.”

“And it was also because of UMNO that the number of bumiputra workers in the airline was increased. Such a situation would never have materialised if MAS had remained as the former MSA. It was unfortunate that

the airline's workers, when ordered to go on strike by certain people, were willing to do so without realising for one moment that they were in the MAS because of UMNO”.

Adalah nyata, Tuan Yang di-Pertua, bahawa akar umbi di belakang pemikiran pindaan-pindaan ini adalah kebimbangan bahawa tenaga kerja rakyat Malaysia, yang akan menjadi lebih bercampur gaul dan berbilang bangsa dengan bertambahnya pekerja-pekerja Melayu di dalam tahun-tahun yang akan datang, mungkin mulai hilang kesedaran kaum mereka dengan adanya pertumbuhan kesedaran pekerja atau kesedaran kelas dan melemahkan seluruh asas power politik UMNO.

Saya kira sepatutnya pemimpin-pemimpin Kerajaan mengalu-alukan perkembangan ini, oleh kerana ianya menandakan kelemahan perkauman, satu peringkat penting bagi sebarang kejayaan pembinaan negara Malaysia. Malangnya ini tidak terjadi, oleh kerana itu tindakan sekarang untuk melengkapkan Kerajaan dengan kuasa-kuasa “draconian” bagi mengatur dan menghancurkan gerakan Kesatuan Sekerja dan mengadunnya mengikut arah yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Satu lagi sebab asas di belakang pindaan-pindaan ini adalah keputusan untuk menggunakan pertikaian MAS-AEU sebagai alasan untuk melemahkan Kesatuan Sekerja dan kepimpinan Kesatuan Sekerja, dan merosakkan kuasa-kuasa hubungan perusahaan yang terus terang di pihak kapitalis dan majikan-majikan untuk menambahkan kuasa-kuasa ke atas pekerja-pekerja. Ini adalah satu dalih dengan tujuan untuk mewujudkan keadaan-keadaan yang boleh menarik pelabur-pelabur untuk menambahkan lagi kadar pertumbuhan industri di dalam negara.

Sewaktu memberi penerangan kepada pemberita-pemberita mengenai pindaan-pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan lebih kurang dua minggu dahulu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa pelabur-pelabur sedang bersusun-susun dengan harapan untuk mendapat peluang untuk melabur di Malaysia dan Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi sebuah kuasa industri di dalam rantau ini

dalam tempoh 10 tahun dan mengutarakan bahawa orang yang akan merosakkan harapan indah negara ini adalah pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan pergerakan buruh—oleh itu perlunya untuk ditambah Undang-undang Buruh yang draconian.

Saya dapati percubaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mempertahankan pindaan-pindaan Undang-undang Buruh yang “draconian” penuh dengan kotradiksi. Misalnya, sekiranya apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat itu benar bahawa pelabur-pelabur sedang bersusun-susun dengan harapan untuk mendapat peluang untuk melabur di Malaysia ini bererti pelabur-pelabur tersebut telah menerima Undang-undang Buruh yang sedia wujud dan perhubungan perusahaan sekarang tanpa meminta lebih banyak sekatan-sekatan ke atas hak-hak buruh. Ataupun sudahkah Yang Amat Berhormat “menjual” Malaysia sebagai tarikan pelaburan di dalam misi pelaburan luar negeri dengan jaminan Kerajaan yang kategorikal bahawa pergerakan buruh akan menjinakkan dan menundukkan mereka seluruhnya dengan undang-undang yang menekan?

Yang Amat Berhormat telah juga cuba mengemukakan pindaan-pindaan Undang-undang tersebut sebagai satu pilihan (choice) antara hak untuk bekerja melawan hak untuk mogok.

Bagi fikiran saya, tidak ada sesiapa yang lebih bodoh untuk mencadangkan bahawa pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja dan pekerja-pekerja yang lebih suka hak untuk mogok daripada hak untuk kerja. Pertama, tiada wujudnya hak untuk bekerja di Malaysia dan sebelum Yang Amat Berhormat utarakan argument itu, beliau haruslah mendapatkan Kerajaan memaktubkan di dalam Perlembagaan kita hak untuk bekerja setiap rakyat Malaysia ataupun hak untuk menerima faedah penganggurannya.

Kedua, pekerja-pekerja lebih suka untuk bekerja daripada mengambil tindakan perusahaan dan hanya akan bertindak dengan menggunakan mogok sebagai bentuk tindakan terakhir yang boleh mengancam mata pencarian mereka hanya di dalam perkara-perkara di mana penindasan tidak dapat ditanggung lagi, ketidakadilan yang berat atau

pihak pengurusan tidak mengindahkan sama sekali hak asasi pekerja-pekerja. Sebenarnya, rakyat Malaysia harus congratulate mereka kerana kita belum sampai ke peringkat di mana pekerja-pekerja kita lebih suka untuk bermogok (strike-happy), tidak mahu bekerja atas alasan-alasan yang tipis ataupun melakukan “wild-cat strikes” yang menjejaskan ekonomi negara. Dan Kesatuan-kesatuan Sekerja di Malaysia harus diberi kepujian kerana perkara-perkara seumpama itu tidak berlaku di negara kita.

Jurucakap-jurucakap Kerajaan telah berkata pindaan-pindaan yang “draconian” ini kepada Undang-undang Buruh adalah perlu untuk melindungi pekerja-pekerja daripada pergerakan buruh atau pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kononnya kepentingan pekerja-pekerja hanya boleh diperjuangkan oleh pergerakan buruh yang lemah. Jika argument ini adalah betul, maka kepentingan-kepentingan para pekerja boleh dilayani dengan mengharamkan Kesatuan-kesatuan Sekerja sama sekali. Ini adalah sebenarnya satu “fallacy” yang disebarikan oleh orang-orang yang mahukan pekerja-pekerja kita hidup dalam penaklukan. Hakikat sebenarnya ialah sebarang usaha untuk melemahkan pergerakan Kesatuan Sekerja akan hanya melemahkan tempat sewajarnya para pekerja di masyarakat kita.

Saya telah berkata tadi pindaan-pindaan ini akan memberi advantage kepada majikan-majikan dan menambahkan kuasa mereka ke atas pekerja-pekerja.

Matlamat utama Undang-undang Buruh sepatutnya hendaklah menjadi satu countervailing force untuk menghadapi ketidakadilan dalam bargaining power di antara pekerja-pekerja dengan majikan-majikan. Pekerja individu lazimnya tidak akan mempunyai apa-apa kuasa sosial. Akan tetapi seseorang majikan individu sebaliknya mewakili pengumpulan kekayaan material dan manusia dan dari segi sosial, syarikat itu merupakan satu collective power tersendiri. Hanya selepas pekerja-pekerja organisasikan diri mereka menjadi sebuah Kesatuan Sekerja barulah mereka akan mempunyai kuasa sosial untuk melindungi diri mereka dari segala jenis penindasan dan dapat mempertahankan hak-hak manusia mereka untuk bekerja dengan kemuliaan dan keadilan.

Sebarang usaha yang bertujuan melemahkan peranan dan tanggungjawab Kesatuan Sekerja harus akan melemahkan hak pekerja-pekerja dan dalam pada ini, pindaan ini harus ditentang kerana ia akan menaklukkan pekerja-pekerja kepada tekanan dan eksploitasi yang lebih dari majikan.

Tuan Yang di-Pertua: Had masa sudah cukup. Tetapi saya benarkan dua minit lagi kerana ada gangguan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan memperluaskan kuasa-kuasa Pendaftar Kesatuan Sekerja ke atas Kesatuan Sekerja, majikan-majikan akan pasti beruntung kerana asas kelas Kerajaan ialah ia akan menentukan bahawa tindakan Pendaftar itu akan memihak kepentingan majikan lebih daripada memihak kepentingan pekerja. Kerajaan akan berkata bahawa Kerajaan akan bersikap bebas dan terkecuali dalam sebarang pertikaian perusahaan di antara majikan dengan pekerja akan tetapi mana-mana Kerajaan yang mencampurtangan di dalam sesuatu pertikaian perusahaan tidak boleh menjadi bebas atau neutral. Kerajaan pasti akan memihak mana-mana satu pihak dan perbuatan itu akan didorong oleh kepentingan kelas Kerajaan.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dan ini menunjukkan dengan jelasnya mengapa majikan-majikan begitu suka dengan pindaan-pindaan ini kerana pindaan-pindaan tersebut akan mewujudkan ketidaksamaan yang lebih dalam segi bargaining power di antara majikan dengan pekerja serta juga akan mewujudkan sebuah pergerakan buruh yang lemah dan tersekat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

4.00 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

Bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah penting dan mustahaknya, adalah jelas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kerana tempat VIP dan galeri yang biasanya ada kosong, pada petang semalam adalah penuh dengan orang ramai khususnya daripada anggota-anggota MTUC untuk menyaksikan satu proses demokratik yang mana akan memutuskan nasib persatuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah dapati bahawa pengumuman pindaan kepada Ordinan ini adalah memberi kesan yang luas kepada orang ramai khususnya kepada pekerja-pekerja. Saya telah terdengar bermacam-macam comments dan kritik. Salah satu daripadanya ialah di sebuah pejabat perniagaan yang besar, yang mempunyai tidak kurang daripada beratus-ratus pekerja-pekerja itu, ada buat perkataan demikian (*dengan izin*) "Now, we are going to have new union laws, we cannot afford to take it easy anymore" Dan juga "After this, all these close-circuit cameras which were ordered to be switched off by our unions before will now be switched on again." "The management will keep us on our toes now."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada kerana mereka adalah ahli-ahli kesatuan sekerja, mereka bersikap "take it easy" atau "tidak apa attitude" dalam pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Rang Undang-undang ini, seorang Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang telah mendakwa bahawa kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja adalah terlebih dan sebagainya. Beliau juga menuduh bahawa Pendaftar yang berkenaan akan menyalahgunakan kuasanya, dan mungkin juga memusnahkan unionisma. Yang sebenarnya, Tuan Speaker, kebimbangan dan tuduhan itu tidak berasal atas sebarang peristiwa yang benar. Beliau juga ingin menciptakan kekejaman yang tidak perlu di antara orang ramai.

Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini mensifatkan Pendaftar itu adalah seorang "super creature" adalah

tidak benar. Yang sebenarnya kuasa yang diberikan kepada Pendaftar itu hanya bagi seorang glorified government officer sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar yang berkenaan

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bersetuju memberi peluang?

Dr Hee Tien Lai: Ya.

Tuan P. Patto: Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa "glorified position of the Registrar" dalam pindaan ini. Bolehkah beliau menunjukkan di dalam Rang Undang-undang ini, di tempat manakah ada disebutkan bahawa kuasa-kuasa yang diberi kepada Pendaftar itu akan digunakan selepas perundingan dengan sesiapa lain ataupun diberi kuasa penuh untuk menjalankan segala tugas yang diberi atau yang tak diberi. Bolehkah beri tahu?

Dr Hee Tien Lai: Saya akan melanjutkan ucapan saya, dan apa yang saya berkata tadi adalah jelas.

Tuan P. Patto: Boleh beri tahu? Glorified ataupun benar-benar diberi kuasa dalam Rang Undang-undang ini?

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar Kesatuan Sekerja adalah seorang kakitangan Kerajaan dan kuasa yang luas itu adalah diberikan kepada beliau supaya beliau dapat menjalankan tugas dan kewajipan beliau dengan licin dan lancarnya. Beliau sepatutnya merupakan seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa (Chief Enforcement Officer) dalam perkara trade unions dan majikan jika berbangkit pertengkaran perusahaan. Perkara-perkara tersebut pasti dilaporkan kepada Menteri yang berkenaan untuk nasihat dan perundingan walaupun tidak bertulis dalam pindaan ini. Pihak Pendaftar memang tidak akan

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu hendak penjelasan, adakah Yang Berhormat hendak beri peluang?

Dr Hee Tien Lai: Tidak!

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat itu berkata bahawa Pendaftar Kesatuan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Ahli Yang Berhormat duduk dulu.

Dr Hee Tien Lai: Tak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat duduk dulu. Duduk!

Tuan P. Patto: Dia tak berani, Tuan Yang di-Pertua, dia tak berani; tadi dia beri, sekarang takut, main-main. Main circus! (*Disampuk*)

Dr Hee Tien Lai: Pihak Pendaftar memang tidak akan (*dengan izin*) "take everything in his own hands". Ini adalah commonsense.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang bising dengan kuasa diberikan kepada pihak Pendaftar untuk menyiasat akaun-akaun persatuan-persatuan sekerja. Saya sangat terkejut apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri semalam bahawa assets kesatuan sekerja sampai sebanyak \$19 juta tidak masuk pelaburan perniagaan dan lain-lain. Dengan wang yang banyak itu apakah salahnya kita mengadakan seorang pegawai

Tuan V. David: Minta penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat!

Tuan V. David: Kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu belanja, mahu juga mengambil duit itu, ambillah! (*Disampuk*)

Dr Hee Tien Lai: Saya tak mahu satu sen pun, tak mahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terus-

Dr Hee Tien Lai: Tidak termasuk pelaburan perniagaan dan lain-lain. Dengan wang yang banyak itu apakah salahnya kita mengadakan seorang pegawai Pendaftar untuk menyediakan wang itu dapat digunakan dan melaburkan dengan teliti demi kepentingan pekerja-pekerja biasa yang telah menyumbangkan wang itu. Dengan demikian, kebimbangan dan ketakutan seperti ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang seharusnya tidak berbangkit lansung. Undang-undang yang ada pada masa sekarang adalah mencukupi untuk menentukan bahawa pihak Pendaftar yang berkenaan itu menjalankan tugasnya dengan secara baik dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang telah membangkitkan issue yang tidak beralasan, dan saya percaya iaitu adalah dengan sengaja sahaja, kerana hendak mengelirukan orang ramai. Meskipun beliau ada tahu bahawa rayuan-rayuan kepada Mahkamah Tinggi boleh dibuat dan lain saluran perundangan memang ada walaupun Menteri yang berkenaan telah membuat keputusan akhirnya; tetapi beliau juga masih ingin membangkitkan perkara yang tersebut dalam ucapan beliau semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Tinggi kita senantiasa ada inherent atau residual bidang kuasa (jurisdiction) untuk mendengar aduan-aduan berbangkit daripada keputusan dibuat oleh Magistrate-magistrate, Hakim-hakim, Menteri-menteri dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Residual bidang kuasa seperti ini memang ada dan tidak dapat dilucut oleh sesiapa pun. Kuasa perundangan terus wujud tanpa disebut dalam undang-undang negara kita. It is an unwritten law and understood. Kuasa yang tertinggalan kepada Mahkamah Tinggi ini menjadi penting apabila seseorang terkilan, apabila pengaduan itu adalah kurang kejujuran dan keputusan yang tidak sah dari segi undang-undang ataupun sesuatu keputusan tercanggar atau bertentangan dengan peraturan adilan semulakaji (order of natural justice). Fasal dalam pindaan ini adalah diperkenalkan kerana dengan tujuan bahawa kes-kes pertelingkapan buruh tidak perlu semuanya dibawa ke mahkamah dan ini akan memendekkan proses rayuan yang memakan masa yang lama. Mereka yang kaya memang boleh menunggu keputusan mahkamah rayuan,

tetapi majoriti pekerja-pekerja adalah datang dari golongan miskin dan mereka dan rumah tangga mereka tidak boleh hidup tanpa pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, gabungan di antara kesatuan sekerja kita dengan badan antarabangsa lain telah membawa kesusahan dan kekacauan kepada negara kita seperti ditunjukkan oleh peristiwa MAS pada tahun lepas. Peristiwa yang tersebut boleh berlaku sekali lagi jika sekiranya tindakan yang sewajarnya tidak diambil dengan segera kerana dalam suratkhbar tempatan baru-baru ini kita dapat membaca bahawa pihak kesatuan sekerja telah meminta pertolongan di seberang laut. Kita telah mencapai kemerdekaan selama 23 tahun dan kita adalah cukup matang dan berpengalaman untuk mengatasi masalah kita sendiri dalam negara kita tanpa campurtangan daripada orang asing. Salah satu contoh ialah kita boleh buat open-heart surgery dalam negara kita sendiri sekarang dan tidak payah hantar pesakit ke negeri luar. Ini ada sebabnya kerana orang asing kurang memahami keadaan hal ehwal pekerja-pekerja dalam negara kita sendiri. Mereka akan memburukkan perkara yang tertentu dan dengan itu boleh menjejaskan keutuhan negara kita seperti berlaku dalam hal ehwal MAS yang mana negara kita rugi berjuta-juta ringgit dalam tempoh berapa minggu sahaja. Dari kes ini adalah bukti yang jelas yang mana exploitasi oleh orang asing dalam perkara kesatuan sekerja dapat merosakkan kestabilan ekonomi dan image negara kita.

Yang Berhormat Menteri Buruh telah menegaskan bahawa sekiranya ada konflik unionisma antarabangsa dan kepentingan negara maka kepentingan rakyat dan kepentingan negara mestilah dipatuhi.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang menganggap kepentingan unionisma dan kepentingan politik lebih diutamakan daripada kepentingan rakyat dan negara maka saya ingin mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat itu haruslah menanya mereka sendiri di manakah letaknya kejujuran mereka sebagai warganegara?

Tuan Yang di-Pertua, seorang lagi Yang Berhormat dari parti Pembangkang adalah jauh daripada perkara yang benar manakala beliau menyatakan Yang Berhormat Menteri Buruh adalah seorang politik dan prejudiced. Yang sebenarnya

Tuan V. David: Minta penjelasan, tidak mahu politik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat sebelum

Tuan V. David: Undi pekerja tidak mahu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri peluang atau tidak?

Dr Hee Tien Lai: Tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terus-kan.

Dr Hee Tien Lai: Yang sebenarnya unionisma tidak harus campur dengan politik dan bukan seorang Menteri tidak boleh campur dengan politik. Jika sekiranya politik menyusup (infiltrate) kesatuan sekerja orang politik itu boleh mengeksploitasi trade union untuk kepentingan politik mereka sendiri. Mengapa ahli-ahli MTUC sahaja berpiket di luar Bangunan Parlimen kita semalam? Dan bukan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP umpamanya. Saya fikir ini adalah satu contoh eksploitasi orang-orang politik atas trade union untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan V. David: Untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dr Hee Tien Lai: Saya tidak beri kebenaran. Maka dengan itu di manakah credibility kesatuan sekerja yang berkenaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.15 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980 kerana saya berpendapat jua bahawa rakyat Malaysia yang menyokong konsep kesatuan-kesatuan sekerja mahu keamanan dan mementingkan ekonomi negara. Hanya dengan keharmonian perusahaan, objektif-objektif Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat dapat dicapai.

(Disampuk) Usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan dan kesulitan yang bersangkutan dengannya hanya boleh dicapai dengan peraturan kerja yang berdisiplin tanpa mengira kaum, ugama atau pangkat.

Saya sangat menghargai dengan kedudukan MTUC bahawa mereka perlu mengeluarkan protes tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan ini. Ini memang diduga dalam negara yang mengamalkan demokrasi. Saya juga berasa gembira kerana Perdana Menteri kita telah bertemu dengan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, khususnya Dr P. P. Narayanan yang saya kenal selama beberapa tahun hingga sekarang sebagai seorang yang berhimah tinggi. Dengan adanya dialog seperti itu saya yakin sebarang kelemahan yang berbangkit dan masalah-masalah lain dalam masa mengalami perubahan ini dengan semangat memahami antara satu sama lain dan disiplin diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mesti terus maju walaupun terdapat berbagai-bagai tekanan dalam dan luar negeri untuk sabotaj kemajuan kita. Saya percaya dalam trade unionisma dan idealnya tetapi saya tidak gemar dengan perbuatan setengah pihak memesonng dan menyalahgunakan kepercayaan dan keyakinan yang diberikan oleh golongan pekerja. Tidak ada siapa mendakwa seseorang itu lebih baik mewakili golongan pekerja berbanding dengan seseorang yang lain, tidak ada siapa juga dapat mendakwa DAP atau PAS lebih bersimpati dengan golongan pekerja berbanding dengan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita dapat lihat berbagai projek sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga yang bertujuan untuk meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja dan anak-anak mereka, Adakah ini menunjukkan Barisan Nasional adalah anti pekerja dan anti kesatuan sekerja? Saya tidak boleh menerima dakwaan ini dan saya berpendapat seluruh rakyat akan bersetuju bahawa dakwaan ini adalah tidak benar. Barisan Nasional telah membuktikan bahawa segala rancangan dan tindakannya adalah untuk rakyat Malaysia. Barisan Nasional sentiasa berkhidmat untuk rakyat yang miskin untuk kemodenan hidup. Barisan Nasional ialah untuk kesederhanaan, keadilan dan kesaksamaan seluruh rakyat Malaysia

dan juga Barisan Nasional ialah juga ada bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan dan kemakmuran generasi baru. Oleh itu adalah tidak wajar Kerajaan disifatkan sebagai anti kaum buruh. Saya menyatakan perkara-perkara ini oleh kerana mereka yang menentang Barisan Nasional seperti PAS dan DAP selalu memperkecilkan segala usaha Kerajaan untuk kebaikan semua rakyat.

Saya yakin kita akan dapat mencapai keamanan perusahaan dengan lulusnya Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) dengan alasan-alasan yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menegaskan bahawa saya menyokong Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

4.20 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menerangkan kepada sahabat-sahabat saya daripada parti Pembangkang dan hendak membetulkan rekod-rekod salah yang mereka lakukan di dalam Dewan ini.

Pertama sekali kalau kita tengok Akta yang hendak dipinda ini ialah Akta tahun 1959, bukan tahun 1979; maknanya setelah 20 tahun Akta ini wujud baru sekarang hendak dipinda. Yang kedua, Ketua Parti Pembangkang menuduh UMNO sebagai sebuah parti politik yang menjalankan usaha-usaha perkauman.

Saya berasa kesal di atas ucapan seorang ahli politik negara yang telah diambil sebagai Ketua Parti Pembangkang yang semata-mata membekukan pemikirannya, tidak mahu mengetahui apakah selama ini perjalanan parti UMNO untuk orang Melayu sahajakah ataupun untuk semua kaum di dalam negara ini. Walaupun betul parti UMNO di segi perlembagaannya terdiri daripada orang-orang Melayu tetapi perjuangan dan usaha parti UMNO adalah untuk semua kaum di dalam negara ini. Ini yang hendak saya betulkan pandangan politik daripada Ketua Parti Pembangkang yang menuduh kita ini sebagai anti-labour dengan mengemukakan pindaan atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan-ucapan yang saya dengar semalam jelas parti-parti Pembangkang di dalam negara kita ini telah kehabisan modal, mengambil isu-isu untuk hendak melagakan orang ramai dengan pihak Kerajaan. Pindaan ini amat penting, pindaan ini tidak ada menunjukkan sebarang tekanan dan pindaan ini bertujuan baik, sebab pindaan ini dibuat kerana memandangkan sikap Kerajaan seperti kata pepatah: "Mana berat bahu yang memikul daripada mata yang memandang".

Dalam perkara ini saya ingin hendak menarik perhatian saudara saya sendiri daripada Damansara mengenai kes pada tahun 1976. Saudara David tentu ingat Bas Len Seng mogok yang mana MTUC bercakap pun mereka tidak mahu dengar, pihak MTUC lepas tangan. Orang ramai menderita kerana tidak dapat menggunakan bas. Siapa yang menyelesaikannya? Parti UMNO yang menyelesaikan, tidak ada heboh.

Tuan V. David (Damansara): (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri peluang?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tidak. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap, Yang Berhormat

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tolong duduk! Saya tidak mahu beri jalan. Jangan kacau saya, sebab semalam Yang Berhormat bercakap tidak ada seorang pun kacau.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terus-kan!

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Jadi saya bercakap ini jangan kacau.

Ini saya hendak beritahu, ini sebagai contoh apa yang telah diselesaikan oleh kami semua, tetapi Union tidak mahu masuk campur. Nampaknya MTUC bukan unionnya tetapi pemimpin-pemimpin MTUC sudah biasa mengamalkan sikap "memetik buah di hujung". Kalau benda itu elok, dia rebut; kalau hendak mulakan buat, dia tidak mahu. Kalau sudah jadi kacau, itu Kerajaan punya

fasal, parti pemerintah punya fasal. Inilah sikap yang kita hendak biarkan, kritik-kritik mereka hendak kita terima begitu sahaja? Ini hendak kita betulkan, semangat mereka "memetik buah di hujung" ini hendak kita hapuskan di dalam negara kita yang berbilang kaum yang mengamalkan dasar demokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang menuduh pindaan ini menggugat hak asasi manusia hak asasi pekerja. Saya berasa ragu-ragu sama ada mereka ini bila bercakap faham atau tidak, apakah maknanya hak asasi yang mereka maksudkan. Adakah hak asasi itu untuk diri mereka sendiri sahaja dengan tidak memikirkan untuk orang ramai? Jadi definasi (tafsiran) hak asasi mereka itu untuk poket mereka yang mereka sebutkan. Ini yang kita tidak boleh terima (*Tepek*).

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tolong duduk! Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang kita tengok di sini, kegagalan sahabat-sahabat saya ini berfikir ala-Malaysia waktu hendak menerima pindaan ini, kegagalan pemikiran mereka. Mereka itu berfikir bukan ala-Malaysia, saya tidak tahu ala-Westernkah, ala-ke langit, ala-ke laut atau ala-ke timurkah, kita tidak tahu. Maka sebab itulah mereka tidak boleh menerima. Mereka selalu mengaitkan parti-parti ataupun perjuangan-perjuangan di tempat-tempat lain, tidak difikirkan keadaan negara kita yang sedang membangun, yang sekarang ini kita hendak mencapai matlamat perpaduan.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, mereka memang suka Akta ini jangan dipinda. Mereka suka, sebab dalam Akta tahun 1959 ini ada sedikit-sedikit kelemahan, ada sedikit-sedikit yang tidak tepat, yang samar-samar. Mereka suka undang-undang negara kita berkeadaan sedemikian, sebab untuk mereka mengambil kesempatan mengkritik Kerajaan ataupun menggunakannya. Jadi apabila kita hendak membetulkan keadaan ini, mereka tentang, sebab ada modal. Kalau sudah betul jalan nanti, mereka kehabisan modal. Jadi mereka carilah jalan sekarang ini dengan membawa ramai kawan-kawan mereka semalam, berderet di sana,

berdiri di sini. Semua itu adalah caranya untuk hendak menakut-nakutkan kita. Tidak, Tuan Yang di-Pertua, kami tidak takut kepada sesiapa juga. Kami berani kerana benar, takut kerana salah. Mereka itu takut kerana mereka bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya itu semuanya kawan baik saya, kami selalu duduk bermesyuarat untuk hendak menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja. Saya duduk dalam bermacam-macam Jawatankuasa untuk hendak menolong, kadang-kadang sahabat-sahabat mereka juga mengatakan undang-undang Kesatuan Sekerja ini tidak betul. Sebab itulah Kerajaan betulkan tetapi mereka tentang pula. Jadi mana yang kita hendak dengar orang seperti ini. Inilah masalah yang kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain barangkali tidak payahlah kita sebutkan, cuma kita hendak memberitahu yang paling penting ialah negara kita ini ada Kementerian Kebajikan Am yang mengambil tahu hal ehwal kebajikan pekerja-pekerja kita, bukannya MTUC yang mengambil tahu kalau rumah mereka terbakar, memberi bantuan; bukan MTUC tetapi Kerajaan juga. Jadi apalah salahnya kalau Kerajaan sekarang ini membuat pindaan ini untuk hendak menyelamatkan pekerja.

Sebagai contoh seperti tabung kewangan Kesatuan Sekerja, mereka ini adalah terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah, Kerajaan hendak menolong supaya keadaan mereka itu terjamin. Kenapa pula hendak ditentang? Adakah ini salah satu daripada penentangan mereka? Adakah sikap pemimpin-pemimpin MTUC sekarang ini bersikap kuku besi, hendak buat ikut suka hati kepada pekerja-pekerjanya?

Sebab saya mengutarakan perkara ini ialah kerana apabila berlaku sebarang kesulitan di kalangan pekerja, apabila berlaku mogok dan sebagainya, apabila mereka itu diambil tindakan, mereka datang berjumpa kita, kadang-kadang berjumpa dengan saya sendiri. Saya bertanya kenapa mereka melakukan ini? Mereka mengatakan tidak tahu, mereka disuruh buat begitu oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan. Itu tidak boleh dinafikan oleh saudara dari Damansara itu. Tidak boleh dinafikan ramai daripada pekerja-pekerja

apabila telah menerima hukuman datang berbalik kepada pihak Kerajaan minta tolong, datang balik kepada Wakil Rakyat macam saya ini juga ataupun sahabat saya dari Kepong termasuk Kuala Lumpur Bandar; tidak boleh dinafikan kerana ramai daripada pekerja-pekerja ini teraniaya (*Tepuk*). Mengikut melakukan mogok itu tanpa matlamat. Setelah diambil tindakan kena hukum dia datang ke rumah kita, kita tanya dia kata tidak tahu, kami disuruh. Apa sebab dia melakukan pun dia tidak tahu. Barangkali sahabat saya Saudara David suruh. Barangkali itu jawapannya yang kita terima, iaitu sebagai contoh yang dapat saya terangkan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila saya mendengar saudara saya dari Damansara itu berucap bukan seperti orang politik, very sentimental. Saya mintalah dalam perkara ini kita terima pindaan ini untuk hendak mewujudkan pekerja-pekerja yang berdedikasi dan berdisiplin dan juga kita hendak kaji latar belakang sejarah pembangunan negara ini. Kerajaan kita bertanggungjawab kepada negara-negara yang membenarkan warga-negaranya melabur di dalam negara kita dan Kerajaan kita bersifat adil, demokrasi. Kerajaan kita tidak boleh mengadakan sistem kuku besi sebab Kerajaan yang ada sekarang dilantik oleh orang ramai. Jadi tidak payah parti Pembangkang hendak kemukakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

4.31 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959. Pergerakan Kesatuan Sekerja telah lama wujud di negara kita dan telah menjadi wakil berbagai pihak pekerja-pekerja yang berjumlah lebih 700,000 pekerja di negara kita. Dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan berhubung dengan soal gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan lain bagi mengawal kepentingan pekerja agar mereka dapat menjalankan kerja mereka dalam suasana yang lebih baik dan selesa sekali.

Tidak dapat dinafikan bahawa Kesatuan-kesatuan Sekerja seperti CUEPACS, MTUC dan sebagainya telah memberikan sumbangan mereka terhadap pembangunan negara serta pentadbiran Kerajaan negara kita. Namun demikian, hak-hak yang diberikan kepada mereka di bawah peraturan-peraturan sekarang begitu luas sekali tetapi mereka kadang kala menyalah fahamkannya cuma untuk kepentingan diri sendiri dan golongan yang tertentu tanpa menghiraukan kepentingan negara dan kepentingan masyarakat yang diwakilinya. Penyalahgunaan hak-hak Kesatuan Sekerja telah menjadi begitu ketara dan nyata sekali ketika pemogokan telah dilancarkan oleh AEU pada awal tahun lepas. Apabila ia telah merebak ke luar negeri dan pemimpin-pemimpin luar negeri telah mengambil kesempatan darinya dan telahpun melumpuhkan penerbangan nasional kita MAS dan beberapa biji kapal terbang MAS terpaksa didaratkan dan sebiji lagi telah menjadi tebusan Kesatuan Sekerja di Australia. Tidak ragu-ragu lagi bahawa Kerajaan telah memandang berat atas keadaan ini yang telah menjejaskan ekonomi kita maka dirasakan perlu dibuat satu pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji pindaan-pindaan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini Kerajaan nampaknya berasa untuk mengadakan kesatuan-kesatuan sekerja yang lebih sesuai dan saksama dalam negara kita yang sedang berkembang pesat dengan masyarakat berbilang kaum. Nyata sekali pindaan ini dibuat dengan tujuan mengadakan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang dapat memberi sumbangan mereka terhadap pembangunan negara dan mengurangkan lagi pertikaian-pertikaian di antara Kesatuan Sekerja dan majikan iaitu Kerajaan. Saya menyokong keazaman Kerajaan kita yang memandang jauh ke hadapan untuk terus membiarkan Kesatuan-kesatuan Sekerja berjalan dengan lancar seperti kesatuan-kesatuan di luar negeri dengan tidak menjejaskan ekonomi negara kita.

Di sini saya ingin menyentuh salah satu pindaan yang saya fikir boleh dielakkan sama sekali ataupun pindaan lagi ada. Pindaan-pindaan ini menjadi lebih bermakna lagi. Mengikut seksyen 25A (2) pindaan ini mengatakan, seorang yang mengadakan mogok boleh dianggap melanggar Undang-undang. Tetapi di seksyen 49 (1) dinyatakan, bahawa satu resolusi haruslah diluluskan oleh

mesyuarat untuk mengadakan mogok. Nampaknya kedua-dua pindaan ini bertentangan antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak Kesatuan Sekerja berasa keciwa atas pindaan ini. Saya suka menasihatkan mereka tidaklah perlu mereka merasa keciwa dan susah hati. Pindaan-pindaan ini walaupun sedikit sebanyak menyukarkan sedikit pihak-pihak yang tertentu di kalangan Kesatuan Sekerja, pada keseluruhan pindaan-pindaan ini adalah baik untuk negara dan rakyat di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang ini yang bertujuan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara kita khususnya pekerja-pekerja kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Gerik.

4.38 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengemukakan hujah-hujah beliau dalam menentang usul pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah membangkitkan masalah pekerja-pekerja elektronik. Sebelum saya pergi lebih jauh, izinkan saya menyatakan bahawa kilang-kilang elektronik hari ini sememangnya dibuka di negara-negara di mana bayaran pekerja atau kos buruhnya lebih rendah dari negara yang lain dan dengan wujudnya juga keadaan yang aman dan keadaan politik yang stabil, itulah sebabnya kilang-kilang ini bertukar tempat dari negeri Jepun ke Hong Kong, lepas itu ke Singapura dan dari Singapura ke Malaysia dan mungkin akan berpindah lagi dari Malaysia ke Indonesia atau ke Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, saya kagum dengan Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang sedar bahawa di industri-industri di mana gaji yang paling murah dibayar dan yang paling dieksploitasikan, maka yang paling ramai menjadi pekerjanya adalah bumiputra, orang Melayu dan beliau pula mengatakan

bahawa Yang Berhormat Menteri tidak teragak-agak untuk mengemukakan usul ini kerana kebanyakan orang MCA, orang Cina terdiri daripada mereka yang berada.

Saya sebagai Wakil Rakyat yang mewakili sebilangan besar orang-orang Melayu lebih kurang 60% daripada pengundi saya akan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Damansara kerana hasrat beliau hendak membela pekerja-pekerja Melayu tetapi sebelum terima kasih itu saya berikan, saya ingin mencabar beliau untuk tampil ke hadapan bagi membela dan memperjuangkan semoga sekurang-kurangnya 30% pekerja-pekerja Melayu bukan sahaja diambil bekerja tetapi diambil bekerja di segala lapangan pengurusan, separa pengurusan dan juga pekerja-pekerja kilang.

Hari ini orang-orang Melayu diambil bekerja di kilang-kilang cuma sebagai buruh kasar di perniagaan-perniagaan, di bank-bank untuk memenuhi jawatan-jawatan yang rendah sahaja sebagai peon dan sebagainya. Dan di dalam Persatuan-persatuan Sekerja pula orang-orang Melayu diambil untuk menjadi perhiasan dan kadangkala untuk membawa beg-beg kepada pegawai-pegawai MTUC yang ada di dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Damansara sanggup untuk memperjuangkan bukan sahaja nasib pekerja Melayu dibaiki, begitu juga quota untuk mencerminkan pekerja-pekerja Melayu dipertingkatkan untuk mencerminkan keadaan masyarakat yang berbilang bangsa maka saya tidak akan teragak-agak untuk menyokong perjuangan beliau. Akan tetapi saya ingin memberi amaran kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya jangan bermain api dalam memperkatakan sesuatu berkenaan dengan nasib pekerja-pekerja Melayu. Dan tidak bersifat seperti talam dua muka ataupun lidah tidak bertulang ataupun seperti lidah biawak yang bercabang dua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat perkataan lidah biawak itu ditarik balik.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau hasrat beliau benar-benar hendak membela semoga lebih ramai pekerja-pekerja Melayu diambil bekerja dan diberi

layanan yang baik seperti kehendak matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka kalau Ahli Yang Berhormat itu memandang ke kanan, Tajol Rosli akan berada di sisi beliau berjuang bersama-sama beliau agar matlamat ini tercapai. Tetapi awas, jika semangat pembelaan beliau itu hanyalah satu kepalsuan, kata-kata beliau yang manis itu yang sebenarnya lebih pahit dari hempedu—awas, saya akan menentang beliau habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu mencabar Ahli Yang Berhormat dari Damansara untuk menunjukkan siapakah sebenarnya musuh Trade Union, Ahli Yang Berhormat dari Petaling menjawab bahawa sesiapa sahaja yang mengundi bersetuju dengan pindaan ini adalah musuh pekerja, Kasihan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga telah dipukau oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Kalau semalam Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu telah mengemukakan hujah-hujah beliau dan telah membuktikan Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu telah juga meng-DAP-kan MTUC, saya juga ada bukti-bukti yang boleh menunjukkan bahawa pihak pucuk pimpinan MTUC juga pernah berkata bahawa satu ketika akan tiba apabila MTUC itu boleh mencorakkan politik negara. Pada ketika itu MTUC boleh menunjukkan siapa sahaja akan menjadi Ahli Parlimen. Siapa akan menjadi Setiausaha-setiausaha Parlimen, siapa akan menjadi Timbalan-timbalan Menteri, siapa yang akan menjadi Menteri-menteri, siapa yang akan menjadi Perdana Menteri dan tidak ketinggalan juga siapa yang akan menjadi Ketua Pembangkang.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara memanglah seorang dracula yang akan menghisap darah siapa sahaja demi untuk memperkukuhkan lagi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, perkataan "hisap darah" itu pun tarik balik.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat dari Damansara akan membuat apa sahaja untuk mengukuhkan lagi kedudukan politik beliau. Beliau sekarang adalah dalam proses untuk meng-DAP-kan MTUC supaya suatu hari nanti MTUC dan DAP tidak dapat dipisahkan. MTUC itulah DAP, dan DAP itulah MTUC.

Pada saat itu pemimpin-pemimpin MTUC akan menjadi lebih kuat dari pemimpin-pemimpin DAP dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling sendiripun akan dikuis keluar dari DAP atas perintah MTUC. Hari inipun Ahli Yang Berhormat dari Damansara lebih popular dan dihormati dari lain-lain pemimpin DAP sama ada di dalam ataupun di luar Parlimen. Hari ini dengan isu pekerja ini, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah dapat menaikkan imejnya menjadi orang yang nombor dua popular dalam DAP selepas Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Isu ini telah menaikkan imej beliau di kalangan Kesatuan Sekerja yang militan dan juga penyokong-penyokong DAP yang dahagakan isu-isu yang panas.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat pekerja yang berdisiplin adalah menjadi salah satu faktor yang pertama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dan kita sedar bahawa setiap pengurangan kepada pengangguran akan dapat memperbaiki keadaan dan situasi pekerjaan pekerja-pekerja itu sendiri, sama ada dari segi sosial ataupun ekonomi. Maka kita tertanya-tanya sama ada pindaan-pindaan yang hendak kita luluskan hari ini benar-benar akan memberi akibat yang negatif kepada pekerja-pekerja ataupun hanya kepada pemimpin-pemimpin pekerja sahaja. Misalnya adalah menjadi satu kesalahan kepada mereka yang menjadi punca ataupun yang menjadi kepala kepada mogok-mogok haram. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu tidak melibatkan pekerja. Jikalau pekerja merasai yang ia telah dianiaya maka ia boleh membawa kesnya atau rasa tidak puas hatinya ke Mahkamah Perusahaan ataupun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengadakan mogok. Kita juga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tertanya-tanya sama ada pemimpin Trade Union betul-betul mewakili pekerja-pekerja ataupun parti politik dalam satu-satu krisis yang berlaku. Pihak pemimpin Trade Union nampaknya lebih mementingkan objektif politik daripada benar-benar menjadi pemimpin yang betul-betul membela kaum pekerja dari dieksploitasikan.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak seorangpun yang tidak bersimpati dengan nasib pekerja dan mereka yang miskin tetapi kita juga mesti memikirkan berkenaan dengan mereka yang menganggur. Tanpa wujudnya satu keadaan yang aman dan stabil dalam

pasaran buruh dan tanpa wujudnya situasi yang jernih dari segi imej pekerja maka selama itulah hasrat dan cita-cita Kerajaan hendak memperjuangkan untuk mengurangkan pengangguran tidak akan dapat dilaksanakan dengan licin.

Soal Trade Union di Malaysia mempunyai hubungan dengan badan-badan antarabangsa juga telah ditimbulkan sedangkan hal ini juga lebih menguntungkan pemimpin pekerja sahaja dan bukan pekerja. Dan kadangkala boleh digunakan untuk mengugut pemimpin-pemimpin negara seperti dalam masalah krisis MAS/AEU. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan masalah-masalah yang ditimbulkan bukanlah soal sama ada pekerja-pekerja akan dieksploitasikan tetapi apakah hak-hak yang ada kepada pekerja. Tidak ada gunanya Trade Union mempunyai hak yang banyak jikalau kebanyakan mereka yang sepatutnya bekerja tidak mempunyai pekerjaan. Di dalam kes yang ada di hadapan kita hari ini nampaknya pihak MTUC bukan hendak membela pekerja tetapi sebaliknya MTUC cuba mengeksploitasikan keadaan untuk menjadikan kes ini sebagai satu cara agar pekerja-pekerja membencikan Kerajaan. Bukankah kita pernah mendengar pemimpin-pemimpin MTUC menyatakan bahawa di suatu hari nanti MTUC akan dapat mencapai satu tahap di mana MTUC akan dapat menonjolkan pemimpin-pemimpin negara.

Tetapi saya ingin mengingatkan pemimpin-pemimpin MTUC ini supaya menumpukan perhatian mereka kepada soal yang ada berkaitan dengan pekerja-pekerja sahaja. Dan untuk menyerahkan soal-soal politik kepada ahli-ahli politik, kerana hari ini pun kekuatan MTUC hanya bergantung kepada pengiktirafan Kerajaan kepada MTUC sebagai wakil kaum pekerja sedangkan ianya hanya mewakili 7% daripada pekerja-pekerja yang ada hari ini.

Kita berharap pemimpin MTUC tidak memprotes pindaan yang ada di hadapan kita hari ini semata-mata kerana merajuk oleh sebab mereka tidak dipanggil berunding dalam masa pindaan ini digubal. Ataupun oleh kerana pindaan-pindaan ini akan melibatkan jawatan-jawatan di dalam badan-badan Trade Union Antarabangsa yang hari ini disandang oleh mereka ataupun oleh kerana hari ini terdapat pemimpin-pemimpin Trade

Union yang juga menjadi pemimpin politik tempatan yang sudah tentu berada dalam keadaan serba salah sama ada hendak berpolitik ataupun hendak berunion. Tuan Yang di-Pertua, kita berharap pemimpin-pemimpin trade union akan benar-benar menjadi pemimpin kepada kaum pekerja yang dahagakan pimpinan mereka. Mereka seharusnya memberi pimpinan yang dedikasi dan bertanggungjawab dan bukan untuk menggunakan jawatan-jawatan dan kedudukan-kedudukan mereka sebagai pemimpin pekerja untuk menonjolkan diri mereka sendiri dari segi status dan politik dan sebaliknya membangkangkan kepentingan pekerja. Pertumbuhan ekonomi negara dan yang penting sekali keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini lebih mementingkan keselamatan negara, pertumbuhan ekonomi negara yang pesat, kestabilan politik dan juga perlindungan kepada kaum pekerja, maka saya tanpa ragu-ragu menyokong pindaan yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa terdapat banyak sekali protes-protes dari pemimpin-pemimpin atasan trade union berkenaan dengan pindaan ini, tetapi pihak trade union haruslah bersimpati pula dengan hasrat Kerajaan yang ingin mewujudkan satu suasana yang baik guna untuk menarik minat pelabur luar melabur di negara kita ini. Kita juga harus sedar dan ingat bahawa rakyat Malaysia semua bernasib baik kerana di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keadaan politik Malaysia masih stabil walaupun keadaan politik di setengah-setengah negara di dunia ini bergolak. Keadaan ekonomi Malaysia berada ditahap yang paling positif walaupun keadaan ekonomi di dunia begitu lembab dan kurang menggalakkan. Kita mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana dengan perancangan ekonomi yang begitu baik dan terperinci Malaysia sebuah negara yang kecil telah dapat menjadi pembekal utama kelapa sawit, getah, lada hitam dan bijih timah di dunia. Kita juga sedar bahawa kemiskinan rakyat adalah menjadi masalah yang besar kepada kestabilan politik negara. Tanpa wujudnya satu keadaan ekonomi yang memuaskan bagi

segolongan besar penduduk di luar bandar maka ini akan menjadi punca kepada pergolakan politik negara. Pertumbuhan ekonomi yang pesat sudah tentu akan dapat mewujudkan banyak lagi peluang-peluang pekerjaan yang sudah tentu akan dapat mententeramkan perasaan frust yang wujud di kalangan sebilangan besar belia-belia kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang dalam masa mereka menentang usul ini adakah pihak Pembangkang bercadang untuk menafikan mereka ini peluang untuk bekerja di kilang-kilang yang mungkin telahpun ditubuhkan sekiranya pelabur-pelabur tidak takut kepada keadaan buruk yang tidak berdisiplin di negara kita ini. Dalam mengemukakan hujah-hujah mereka pemimpin-pemimpin Pembangkang seolah-olah sengaja melupakan teori berkaitan dengan pasaran buruh. Di dalam sebuah negara di mana pengangguran wujud dengan berluasan sekali harga kerja untuk buruh di pasaran tidak akan meningkat walaupun trade union di dalam satu-satu kawasan itu kuat sekali. Sebaliknya, trade union akan bertambah kuat apabila permintaan untuk mendapatkan pekerja-pekerja melebihi jumlah pekerja yang ada di dalam pasaran.

Oleh kerana negara hari ini kekurangan enjiner-enjiner dan akauntan-akauntanlah maka hari ini imbuhan yang dibayar kepada mereka itu begitu tinggi sekali. Saya masih ingat apabila RCA membuka kilangnya di Ulu Kelang gaji yang dibayar cuma \$4 sehari tetapi hari ini dengan pekerja lebih 7,000 orang gaji yang dibayar meningkat kepada \$9.00 sehari. Adakah perkara ini berlaku kerana trade union di kilang RCA ini kuat mengadakan piket setiap hari dan mengancam untuk mogok setiap kali ataupun kerana pihak majikan tahu bahawa oleh kerana kilang-kilang di Kuala Lumpur tumbuh bak cendawan. Majikan tidak lagi boleh mengeksploitasi buruh jika mereka berhasrat untuk mengekalkan pekerja-pekerja mereka.

Malaysia hari ini sungguh bertuah kerana satu faktor yang paling penting yang menjadi asas kepada wujudnya keadaan ekonomi yang begitu baik untuk pelaburan dan juga keadaan politik yang begitu stabil hingga mewujudkan keadaan yang begitu aman dan

makmur yang seharusnya tidak dipandang kecil iaitu wujudnya satu masyarakat pekerja yang berpelajaran berhemah tinggi, rajin dan berdisiplin. Jikalau pekerja-pekerja hanya mempunyai pelajaran berhemah tinggi dan rajin tetapi tidak mempunyai disiplin seperti pekerja-pekerja di setengah-setengah negara barat yang telah maju, maka tentulah pihak pelabur akan teragak-agak untuk melaburkan wang mereka di negara ini, tetapi keadaan ekonomi yang positif, keadaan keselamatan yang terkawal dan keadaan politik yang stabil ditambah pula dengan wujudnya masyarakat bekerja yang dinamis, berdisiplin maka kesemua faktor-faktor ini menjadi tarikan yang besar kepada pelabur-pelabur untuk melabur di negara kita ini. Tanpa wujudnya salah satu faktor yang telah saya sebutkan di atas tadi maka pihak pelabur akan merasa ragu-ragu untuk melabur di negara kita ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak teragak-agak untuk menyokong pindaan ini oleh kerana saya percaya di antara faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi hanya faktor pekerja sahajalah yang hari ini di luar kekuasaan Kerajaan. Oleh itu dengan adanya pindaan ini yang akan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memastikan wujudnya masyarakat pekerja yang lebih berdisiplin maka harapan negara untuk mengurangkan jumlah pengangguran akan bertambah baik. Kita berharap pihak pekerja akan faham tentang niat Kerajaan ini iaitu hendak mengurangkan pengangguran di negara ini demi untuk mengekalkan kestabilan politik dan keamanan di negara ini. Kita juga tidak mahu masalah-masalah yang timbul di antara MAS dan pekerja-pekerjanya yang menjadi ahli AEU yang mana krisis itu merupakan tindakan, tuntutan kenaikan gaji tetapi akhirnya campurtangan ITF dan boikot yang dikenakan oleh ITF hampir-hampir meruntuhkan ekonomi negara. Kita tidak sanggup melihat negara dihancurkan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab yang memberi ertikata negatif kepada perjuangan anggota keselamatan kita menentang musuh negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pontian.

4 58 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang itu bercakap selalu benar; bila dia bercakap agak bohong, percakapannya itu dianggap sebagai ganjil. Tetapi kalau orang itu selalu bercakap bohong bila dia bercakap bohong tidak ganjil lagi dan bila itu berlaku tentulah kita jangan susah hati kerana kebohongannya sudah menjadi amalan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kebohongan telah berlaku baharu sebentar tadi bila anggota Parlimen dari Petaling menyatakan bahawa DAP tidak campurtangan dalam masalah MTUC. Semalam pun wakil daripada Damansara telah menyatakan bagaimana beliau sebagai seorang pemimpin kesatuan sekerja telah melibatkan diri dalam hal yang mengenai dengan kesatuan sekerja dan sebagai anggota Parlimen daripada DAP. Pada perhimpunan agung MTUC President MTUC telah menyatakan bahawa MTUC boleh mencorakkan politik di negeri ini dengan undi-undi yang dipunyainya. MTUC akan dapat membuktikan bahawa ia dapat menguasai negara ini dalam cara-cara mempengaruhi pengundi-pengundi yang kebetulan menjadi anggota kesatuan mereka. Dengan alasan-alasan ini jelaslah bahawa apa yang dinafikan oleh anggota Petaling adalah satu kebohongan yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah menyatakan bahawa pindaan ini akan menjadi perang. Sebenarnya, perang akan berlaku di antara pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dengan ahli-ahli kesatuan sekerja. Mengapa tidak akan berlaku perang, kerana selama ini pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja telah menggunakan luxuries kesatuan sekerja untuk kepentingan mereka, untuk kepentingan politik mereka, untuk tujuan-tujuan political motive yang berlaku di sebalik kepimpinan mereka. Anggota dari Petaling telah menyatakan bahawa negara ini menuju ke arah anarchy. Adakah ini betul? Dalam negara kita, kita dapati. . . .

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak pernah kata bahawa negara kita menuju ke anarchy. Saya kata bahawa adakah negara kita mengadakan keadaan anarchy perusahaan perlu dengan pindaan yang begitu far-reaching. Oleh kerana kita tidak menghadapi satu keadaan anarchy perusahaan maka tidak perlu pindaan-pindaan yang ada di hadapan kita.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara ini bukan satu negara anarchy, Pembangkang masih wujud dan kita tidak tembak Pembangkang. Saya ulangkan lagi, oleh kerana negara ini bukan negara anarchy, Pembangkang masih wujud dan kita tidak tembak Pembangkang. Toleransi masih ada

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bererti bahawa dalam keadaan yang anarchy pihak Kerajaan atau pihak Barisan Nasional akan tembak Pembangkang dan kalau begitu pihak Pembangkang akan tembak sesiapa pun yang mahu tembak orang, tembak siapa yang bercakap tadi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara ini tidak anarchy, kita tidak melakukan ini. Pembangkang masih wujud, hak mereka masih wujud, toleransi masih ada dan mereka boleh bertanding seperti Anggota dari Damansara, beliau telah disingkirkan dalam satu ketika dan masuk semula ke dalam Parlimen, inilah demokrasi dalam Malaysia. Tetapi sebuah negara liberal demokrasi dalam dunia seperti Amerika telah meletakkan bahawa orang-orang komunis tidak boleh berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Dalam sebuah negara seperti Amerika yang dianggap sebagai pelopor liberal demokrasi telah mengadakan sekatan-sekatan bahawa orang-orang komunis tidak boleh berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan. Jadi kalau sebuah negara liberal

seperti di Amerika yang menjadi pengasas demokrasi telah mengadakan had-had di dalam pengendalian negara mereka, tentulah negara seperti Malaysia yang kecil, yang baru sahaja lahir dan berjuang untuk mempelopori dalam New International Economic Order berhak untuk membuat sekatan-sekatan bagi survival negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita dapati bahawa anggota Petaling telah menyebutkan bahawa UMNO sebuah parti politik perkauman, saya katakan "ya" kerana kami bukanlah orang-orang yang naive bila melibatkan MTUC dengan DAP tidak mengakui kebohongan yang dibuat, yang ditulis dalam Hansard dan dibaca oleh jenerasi akan datang betapa kebohongan ini telah dibuat dalam Rumah yang mulia ini. Tetapi dalam menyatakan bahawa kita sebuah parti perkauman kita meletakkan national interest above everything all, ini yang kita katakan bahawa kita berjuang bukan dengan mengcreate dan membuat feeding kepada foreign correspondents bahawa negara ini ada mempunyai First Class Citizens dan Second Class Citizens tetapi Second Class Citizens memakai kereta Mercedes, kereta besar, rumah batu, First Class Citizens masih duduk di luar bandar dan di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang demokrasi dan tentang parti kita akan mempunyai kesabaran terus kerana kita tahu bahawa masa depan kita menghadapi ancaman dari dalam dan dari luar. Ancaman segelintir orang yang berfikir hendak menguasai negara ini sesuka hatinya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bercakap tentang sokongan mengenai dengan pindaan Akta Buruh, saya suka hendak mengambil satu contoh bagaimana kesatuan sekerja telah meruntuhkan Eropah, kesatuan sekerja telah menjadikan United Kingdom, Britain sebagai sick man in youth. Sebagai contoh saya ingin membawa apa yang dihadapi oleh negara Britain dari akibat tindakan kesatuan sekerja di Britain, umpamanya memang diakui bahawa union power adalah supreme tetapi penggunaan kuasa di dalam pergolakan industri sekarang dalam beberapa tahun yang lalu telah membuktikan bahawa kesatuan sekerja di Britain bukanlah bertindak untuk kepentingan pekerja dan bukan untuk ke-

pentingan negara, mereka telah berjaya mencapai hampir semua matlamat mereka dalam tindakan-tindakan perusahaan dan buruh tetapi hasil yang mereka bawa amat sedikit yang terpaksa dibayar harganya begitu mahal oleh negara Great Britain.

Saya suka hendak membawa satu perbandingan bagaimana dalam tahun 1978 pendapatan pekerja di Britain sepatutnya meningkat 30% tetapi pendapatan pukol rata seorang pekerja di Britain yang berkahwin dan mempunyai 2 orang anak hanya mendapat 74 pounds seminggu pada tahun 1978 berbanding dengan 70 pounds seminggu pada tahun 1970. Ini sebagai bukti bagaimana kesatuan sekerja telah menggagalkan perjuangan pihak kaum pekerja yang cuma mendapat 4 pounds sahaja dalam tempoh 8 tahun mereka berjuang. Demikian juga dengan merosotnya ekonomi Britain orang-orang yang agak kaya telah menjadi miskin, orang-orang miskin pada amnya terus miskin di Britain, demikian pula dengan merosotnya keuntungan syarikat-syarikat Britain dalam tahun-tahun lima puluhan dan tujuh puluhan. Ini adalah diakibatkan oleh meningkatnya kuasa kesatuan sekerja di negeri tersebut walaupun Kerajaan Parti Buruh yang digulingkan di bawah pimpinan Lord Callaghan telah mendakwa bahawa pemogokan negeri Britain adalah sama teruknya dengan pemogokan dari negara-negara lain dalam dunia ini tetapi mereka telah kehilangan 10 juta hari kerja, iaitu 447 hari kerja hilang bagi tiap-tiap 1,000 buruh di Britain berbanding dengan apa yang berlaku di West Germany yang hilang satu hari kerja bagi tiap-tiap 1,000 buruh.

Tuan Yang di-Pertua, apa lagi yang berlaku di Kanada, di Amerika dan di Itali. Semalam sahaja pihak Bank Amerika telah menaikkan interest sebanyak 20%. Kenaikan 20% interest di bank adalah juga akibat daripada terlampau kuat kesatuan sekerja di Amerika, di Kanada yang selalu mengadakan wild cats' strike. Di Chicago juga minggu lalu pihak tempatan tidak dapat membayar gaji beribu-ribu guru-guru di sana akibat pemogokan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca sedikit 4 paragraph akan apa yang ditulis, yang dicetak dalam *New Straits Times* pada Mac, 17.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau dapat Yang Berhormat, tolong beri intisari sudahlah.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Ya.

“A prominent Trade Unionist and Singapore Member of Parliament Mr. C. V. Devan Nair has described the so-called International Labour Solidarity as one of the biggest on-going humbuggeries in the modern world. He criticised in particular the protectionist character of the International Transport Workers’ Federation Headquarters in London. Mr Nair the Member of Parliament for Anson said protectionism measured by the I.T.F. against Singapore registered ships was threatening the jobs of a few thousand Singaporean seamen and officials. He said, ‘Trade Union in developed countries and some International Trade Union Organisations which they control were the real culprits behind the protectionism.’ He dubbed them the new imperialists.”

Saudara C. V. Devan Nair adalah seorang rakan baik kepada saudara dari Petaling dan juga kawan baik kepada saudara dari Damansara yang pada satu ketika menjadi pemimpin PAP di Malaysia telah mensifatkan ITF sebagai “culprits” dan sebagai “new imperialist” tetapi wakil dari Damansara telah memuja Harold Louis, memuja Donald Uren. Apakah yang telah berlaku dalam negara kita kepada orang-orang yang naive, sampai hati telah memperhinkan negara ini dan mereka ini sebenarnya tidak boleh lagi dibiarkan bertolak ansur seperti ini. Sebagai pemimpin-pemimpin politik yang bertanggung jawab, pemimpin-pemimpin Singapura yang menjadi rakan-rakan mereka di sana mempunyai sense of belonging kepada negeri (republik) mereka, dan mempunyai sifat-sifat patriotic dan keperwiraan kepada negara.

Tuan V. David: Untuk penjelasan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri peluang dia bertanya atau tidak?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Bukan kerana saya takut tetapi tidak perlu.

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Bukan soal-soal pergi Singapura, tetapi kalau sekiranya orang-orang macam Devan Nair ada sense of belonging, bagaimana saudara-saudara di sana. Mereka lebih megah memperhinkan negara ini dalam forum-forum international yang mereka telah gunakan segala luxuries daripada ahli-ahlinya. Saya harap pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja seperti wakil dari Bangsar dan President MTUC sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bangsar tidak ada.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Dari Damansara dan.

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bertanya?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tidak. Saya tidak.

Tuan V. David: Dia bilang saya juga bangkang pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Anggota Parlimen dari Damansara dan MTUC sendiri supaya mencetak semula ini dan berikan kepada seluruh anggota-anggota Kesatuan Sekerja dalam Malaysia, tetapi mereka tidak berani buat kerana mereka akan disingkirkan, mereka tidak berani buat ini. Saya minta organisasi MTUC mencetak, menterjemah dan menyebarkan dan ketika itu bolehlah kita saksikan sama ada ahli-ahli Kesatuan Sekerja dalam negara ini membiarkan diri mereka dipermainkan oleh petualang-petualang politik dalam negara ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.13 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hujah-hujah yang telah disampaikan oleh wakil-wakil dari pihak Kerajaan, saya meyakinkan bahawa kesemua mereka tidak dapat membahaskan Rang Undang-undang ini dengan secara objektif dan secara rationale dan banyak tuduhan-tuduhan telah dilemparkan kepada pihak Pembangkang bahawa kita di pihak sini kehabisan modal dan tidak dapat menyampaikan hujah-hujah yang membina. Saya berpendapat bahawa semua cakapan ini ialah sia-sia sahaja.

Rang Undang-undang Ordinan Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980 yang telah diperkenalkan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kelmarin untuk kelulusan dalam Dewan ini ialah bentuk Undang-undang Buruh yang begitu menekan dan bersifat menindas yang pernah diperkenalkan di negara kita.

Kenyataan bahawa di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, kuasa-kuasa yang terlalu luas dan menyeluruh yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan juga kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja bagi menyelesaikan pertikaian perusahaan di negara ini, jelas membuktikan bahawa Kerajaan bermaksud untuk menggunakan segala keupayaannya meskipun melalui tindakan yang tidak demokratik dan menekan untuk menindas perkembangan atau pergerakan Kesatuan Sekerja yang sihat dan kuat di negara kita ini.

Atas nama kepentingan negara, bahawa Kerajaan sedang bersedia, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rang Undang-undang ini, untuk melemahkan dan melumpuhkan pergerakan Kesatuan Sekerja di negara kita.

Saya gagal untuk melihat logik dan argument di pihak Kerajaan yang hendak membuldozkan melalui sidang mesyuarat Parlimen kali ini terhadap Rang Undang-undang Pindaan ini. Apakah keadaan begitu teruk di negara kita yang memerlukan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk diluluskan dalam Dewan ini sebagaimana yang telah disuarakan oleh wakil dari Petaling apabila beliau berucap. Rayuan-rayuan yang sah menurut undang-undang oleh pihak pekerja-pekerja Malaysia yang berkesatuan

yang meminta supaya ditangguhkan pembentangan Rang Undang-undang ini telah ditolak bulat-bulat tanpa apa-apa sebab yang sebenar.

Jika berdasarkan kepada pihak Kerajaan, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bukanlah perkara-perkara yang difikirkan secara terburu-buru atau tergesa-gesa tetapi telah dibincangkan sepenuhnya dan secara panjang lebar oleh Kabinet, sebaliknya saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa lebih banyak masa tidak boleh diberi kepada pihak yang terlibat atau menerima akibat daripada Rang Undang-undang ini supaya berbincang secara lebih rasional dan melakukan satu kajian sepenuhnya semua pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Saya tidak nampak apa-apa sebab di pihak Kerajaan mengapa begitu gopoh membuat pindaan yang dicadangkan itu, melainkan ia bertujuan untuk menekan kesatuan-kesatuan seberapa segera dan mencegah pertikaian MAS-AEU berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, secara sepintas lalu, banyak pindaan-pindaan utama kepada Ordinan Kesatuan Sekerja sebagaimana yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini, seperti "penggantungan sesuatu Kesatuan Sekerja sehingga 6 bulan atas sebab-sebab keselamatan; bantuan menggunakan wang kesatuan bagi tujuan politik; mengisytiharkan sesuatu pengundian mogok sebagai tidak sah jika tidak memenuhi syarat-syarat yang perlu, tindakan jenayah terhadap mereka yang menggalak atau memberi bantuan kewangan kepada mogok-mogok haram dan melarang dan menghalang kumpulan-kumpulan pengu-rusan dan professional atau mereka yang di dalam tugas rahsia atau keselamatan dalam badan-badan berkuasa daripada memasuki kesatuan-kesatuan Sekerja". Saya berpendapat bahawa semua ini berjalan berten-tangan dengan prinsip keadilan sosial dan kebebasan dan juga hak asasi pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang ada di depan kita sekarang adalah tindakan yang boleh dikatakan tindakan drastik yang berat sebelah, bersifat menindas dan draconian.

Seseorang tentunya hairan bagaimana dalam negara demokrasi seperti kita ini dan dalam keadaan iklim perhubungan perindustrian yang menggalakkan seperti yang

diakui oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini maka Kerajaan boleh memperkenalkan pindaan-pindaan seumpama itu dan minta diluluskan di Dewan ini secara terburu-buru.

Meskipun Kerajaan menyatakan bahawa ia berkehendak pergerakan Kesatuan Sekerja yang benar-benar sihat dan demokratik tetapi apa yang dilakukannya dengan adanya Rang Undang-undang ini adalah bertentangan dengan kehendaknya.

Perkembangan unionisma yang bersifat demokratik dan sihat tidak boleh menjadi satu kenyataan dengan meluluskan Rang Undang-undang yang ketat dan bersifat menindas seperti pindaan-pindaan yang ada di hadapan kita. Ianya bergantung terutamanya pada standard persamaan dan keadilan dan juga keupayaan dasar sosial yang dirumus dalam berbagai rancangan, dasar dan undang-undang oleh Kerajaan.

Kita tidak patut mengambil tindakan negatif melalui pindaan-pindaan yang ketat dan menekan bagi mencegah pertikaian perusahaan.

Perundangan yang ketat seperti itu, yang bersifat negatif, meskipun dalam beberapa hal boleh mencegah pertikaian perusahaan, tetapi ia akhirnya tidak akan boleh menjadi satu jalan keluar yang membolehkan negara ini mencapai keharmonian dan keamanan perusahaan.

Ianya mestilah difahamkan sepenuhnya bahawa jika keharmohian perusahaan hendak dikekalkan bagi membolehkan pertumbuhan iklim perindustrian yang baik untuk pelaburan, maka objektif ini tidak boleh dicapai dengan mencadangkan jenis pindaan undang-undang seperti ini.

Iklim pelaburan yang baik hanya boleh dicapai melalui perkembangan demokrasi industri dan tidak melalui undang-undang anti-buruh yang sering digunakan sebagai satu insentif pelaburan.

Mengikut fasal II dalam Rang Undang-undang ini, Pendaftar Kesatuan Sekerja berhak menggantung mana-mana cawangan Kesatuan Sekerja yang difikirkan perlu diambil tindakan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Mengikut fasal 9 Rang Undang-undang ini pula, kalau dulunya jika sesebuah Kesatuan Sekerja melanggar peraturan dalam Akta

Kesatuan Sekerja ataupun undang-undang tubuh kesatuan tersebut, maka kesatuan tersebut akan diberi notis 60 hari untuk memberikan jawapan sebab-sebab mengapa pendaftaran kesatuan tersebut tidak boleh ditarik balik. Tetapi hari ini, peruntukan tersebut telah dipinda dan kesatuan yang terlibat dalam pembubaran hanya diberikan notis 30 hari untuknya menjawab.

Jika pula terdapat atas sebab-sebab keselamatan dari segi pandangan dan pendapat Menteri Buruh maka Menteri tersebut mempunyai kuasa menggantung pendaftaran kesatuan yang berkenaan untuk jangka masa selama 6 bulan. Ini ternyata dalam Fasal 12 Rang Undang-undang ini dan interpretasi sebab-sebab keselamatan dan ketenteraman awam dalam negara Malaysia adalah amat luas dan besar. Menteri boleh membuat interpretasi mengikut cara dan kehendak yang boleh dipergunakan untuk menggantung Pendaftaran kesatuan sekerja.

Apa akan jadi dalam jangka masa penahanan pekerja dan juga ahli kesatuan yang mewakili kesatuan setelah penahanan dilakukan? Barang sudah tentu pihak majikan akan mengambil tindakan sewenangnyanya terhadap pekerja yang menjadi ahli-ahli kesatuan. Semua ini adalah bertentangan dengan hak dan kepentingan para pekerja di negara kita.

Dari perbahasan ini dan dari prinsip-prinsip yang kita amalkan dan persetujuan, kita telah melanggar tatasusila apa yang terkandung dalam Konvensi 87 Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang mana negara Malaysia adalah salah sebuah negara yang turut serta meluluskan Konvensi tersebut dan dijadikan asas kebebasan berkesatuan secara membentuk demokrasi.

Tetapi jika dikaji pula pindaan yang dikemukakan seluruh kaum pekerja mempunyai keyakinan bahawa Kerajaan telah bertindak di luar dasar Konvensi 87 Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan dengan tidak secara langsung Kerajaan telah melindungi majikan-majikan untuk mengeksploitasi kaum pekerja lebih keras dari apa yang telah berlaku selama ini.

Saya ingin mengingatkan kembali kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peristiwa MAS/AEU yang mana dalam keadaan kemuncak pertikaian tersebut Pendaftar Kesatuan Sekerja telah mengambil tindakan dengan mengarahkan 874 ahli

kesatuan tersebut dipecat dari keanggotaan mereka kerana sebab-sebab mengambil bahagian dalam tindakan perusahaan tetapi dari jumlah yang ternyata, ada di antara mereka yang pergi bercuti berbulan madu dan ada pula yang cuti sakit dan sebagainya tetapi nama-nama mereka termasuk dalam golongan mereka yang bertindak yang melancarkan tindakan perusahaan seperti mana yang dituduh oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja. Dari bukti-bukti ini nyatalah kepada kita bahawa Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak menggunakan kuasanya dengan bijaksana dan telah bertindak dengan sewenangnyanya tanpa usul periksa.

Meskipun kita memang mengetahui hasrat Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing melaburkan modal mereka ke negara ini demi untuk membantu negara memajukan ekonominya dan dasar ini tidak boleh ditolak ansur, tapi di samping menitik beratkan kemajuan ekonomi dan menjemput pelabur-pelabur ini, kita tidak seharusnya pula bertolak ansur dengan menukar prinsip-prinsip demokrasi kita secara mengikat dan membendung pergerakan Kesatuan Sekerja kerana menarik pelabur-pelabur tersebut ke negara kita.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini sudah tentu cita-cita dan dasar kita untuk merapatkan jurang perbezaan di antara yang berada dengan tidak berada seperti mana yang dilaungkan oleh Kerajaan tidak akan menjadi kenyataan, sebaliknya pula dengan pindaan-pindaan ini secara tidak langsung kita telah mengkhianati dasar yang telah kita laungkan selama ini.

Saya telah meneliti secara mendalam dan sebagai salah seorang bekas pemimpin pergerakan kesatuan sekerja, saya amat mengetahui keadaan yang sebenarnya di sekitar pergerakan kesatuan sekerja yang memperjuangkan bagi meninggikan taraf hidup dan nasib kaum pekerja dari segi ekonomi dan sosial ke peringkat yang lebih tinggi. Seperti mana yang kita sedia maklum, kaum pekerja adalah terdiri dari satu masyarakat yang selalu tertindas dan dieksploitasi oleh pihak majikan.

Atas asas-asas inilah kita ingin melihat supaya pergerakan kesatuan sekerja hidup berkembang dengan bebasnya dalam konteks demokrasi berparlimen bagi menjadi payung kepada kaum pekerja di negara ini.

Tetapi selepas mengkaji semua pindaan ini dengan telitinya, saya tidak diyakinkan bahawa pindaan-pindaan ini dibuat atas kepentingan dan hak para pekerja dan pergerakan mereka di negara ini.

Dari itu, berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan oleh saya tadi, saya suka meminta supaya pindaan-pindaan ini ditarik balik dan Kerajaan haruslah menganggap pergerakan kesatuan sekerja adalah satu faktor yang penting dalam sumber perkembangan pembangunan negara ini dan memberikan keselesaan kepada mereka untuk bergerak dengan bebas selaras dengan prinsip demokrasi berparlimen.

Sekianlah sahaja terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

5.25 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh pada hari semalam.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah pada pendapat saya bertujuan untuk menjaga ketenteraman perusahaan di negara ini. Saya rasa adalah menepati pada tempatnya bahawa sesuatu negara yang membangun seperti negeri kita Malaysia perlu mengawasi akan perjalanan dan pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan kehendak-kehendak dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kami Wanita UMNO sentiasa memperjuangkan hak-hak pekerja wanita, tidaklah sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara bahawa Wanita UMNO tidak memperjuangkan hak-hak wanita. Wanita UMNO tidak ingin mengikut jejak langkah pihak Pembangkang yang sentiasa suka berpekek ke sana-sini dengan tidak tentu tujuan. Apa yang diperjuangkan oleh Wanita UMNO ialah mengikut saluran-saluran yang tertentu dan kami tidak suka mengikut bagaimana tindak tanduk yang ditunjukkan oleh parti pembangkang hari ini. Itulah sifat Wanita UMNO hari ini, "Diam-diam ubi tetapi berisi".

Tidaklah siapa yang dapat menafikan bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dikemukakan adalah semata-mata untuk menjaga bukan sahaja kepentingan kaum pekerja bahkan juga majikan, di samping memelihara perjalanan hak asasi undang-undang negara. Ini terbukti sekali bahawa hak kaum pekerja adalah terjamin, asalkan ianya berpandu kepada lunas-lunas undang-undang.

Yang menjadi ketakutan kepada ahli-ahli Pembangkang, saya rasa ialah semata-mata untuk kepentingan politik mereka yang ianya boleh mendapat sokongan dengan cara menonjolkan diri mereka, seolah-olah menjadi juara kaum pekerja. Ini rasa saya tidaklah wajar. Apa yang kita kehendaki ialah gerakan yang sihat mengikut lunas Undang-undang di mana tidak ada pihak-pihak luar mengambil kesempatan campur tangan dalam soal kesatuan mereka. Kita telah mempelajari taktik-taktik mereka bagaimana berlakunya pemogokan MAS dengan Kesatuannya hingga menyebabkan lumpuhnya perjalanan penerbangan kebangsaan kita di dalam dan luar negeri. Campur tangan ini adalah semata-mata adanya campur tangan dari gabungan kesatuan luar negeri termasuk juga sokongan dari pihak-pihak kesatuan dalam negeri. Campur tangan yang tidak sihat ini adalah mendukacitakan kita.

Dari segi pertumbuhan ekonomi negara yang membangun adalah wajar bahawa kesatuan-kesatuan sekerja berhak mendapat keadilannya, kerana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara adalah juga bergantung kepada keharmonian perusahaan.

Sekarang ini terdapat industri tumbuh di merata tempat dalam tanahair kita. Ini memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja kita. Hasil yang ditinjau dari statistik yang ada sekarang ialah bahawa penghijrahan penduduk luar bandar khususnya kaum belia kita ialah lebih kurang 60% dalam sektor swasta, manakala 70% bekerja dalam sektor awam. Ini menunjukkan bahawa kesedaran telah timbul di kalangan belia-belia luar bandar untuk sama-sama menikmati hasil negara.

Kita juga berasa bangga bahawa kaum belia memainkan peranan penting dalam sumbangannya membangunkan negara. Bilangan mereka bertambah dengan banyaknya

dari setahun ke setahun, sama ada di ladang-ladang, lombong-lombong bijih besi, dan juga dalam perusahaan binaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan atau matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah mengurangkan jurang ekonomi yang berada dengan yang tidak berada. Sekarang, jurang ini ditambah sedikit demi sedikit hasil dari penyertaan kaum belia kita di luar bandar yang ternyata sebagai satu pasukan yang kuat untuk berganding bahu untuk menolok mencapai matlamat Kerajaan iaitu menambatkan penyertaan orang-orang Melayu dalam berbagai sektor perindustrian.

Oleh kerana penyertaan mereka ini hampir 60% maka adalah diharapkan bahawa pihak-pihak Pembangkang tidak menggambar-gemburkan suasana perusahaan yang begitu tenang sekarang.

Kita khawatir sekiranya kawalan tidak diadakan secukupnya, maka ada pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil kesempatan untuk meracuni fikiran kaum pekerja kita supaya menyokong cita-cita perjuangan politik mereka.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.30 ptg.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan beribu-ribu terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan-cadangan yang begitu luas dan teliti.

Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi dan bukan untuk mencegah perhubungan perusahaan yang lebih berkesan dan berhasil. Kerana itulah beberapa cadangan dibuat untuk menjelaskan lagi perafuran-peraturan mengenai tuntutan-tuntutan bagi mengiktirafkan kesatuan-kesatuan sekerja dan juga melicinkan lagi usaha-usaha kedamaian oleh pegawai-pegawai Kementerian ataupun proses timbangtara (arbitration) di Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini adalah untuk mencepatkan lagi dengan lebih berkesan proses perhubungan perusahaan dan untuk menjayakan sistem perhubungan perusahaan yang kita telah wujudkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

Rang Undang-undang meminda Akta Perhubungan Perusahaan ini kita telahpun bercadang meminda bidangkuasa Mahkamah Perusahaan untuk mengambilkira apa-apa juga code atau perjanjian mengenai perhubungan perusahaan yang dapat diamalkan di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Tujuan dalam perkara ini adalah untuk menggalakkan amalan yang baik dan amalan yang dapat mengelakkan pertikaian dan tindakan perusahaan yang tidak perlu kerana kita percaya bahawa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan dan tindakan perusahaan adalah satu amalan yang harus dielakkan demi kepentingan pekerja dan juga demi kepentingan negara pada amnya.

Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari bangku Pembangkang telah menuduh bahawa Kerajaan bertujuan mencegah dan menghapuskan pergerakan kesatuan sekerja dalam Malaysia.

Saya ingin mengulangi lagi di sini dengan tegas bahawa kita tidak mempunyai apa-apa tujuan sedemikian. Dalam usaha ahli-ahli Pembangkang mengkritik Kerajaan saya rasa mereka telah cuba memutarbelitkan perkara-perkara yang jelas dan benar.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara nampaknya tidakpun membaca apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*). Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling ataupun Kuala Lumpur Bandar yang telah menyediakan ucapan-ucapan mereka terlebih dahulu tidak mendengar apa yang saya telah menerangkan dengan panjang lebar apabila membentangkan Rang Undang-undang ke Dewan yang mulia ini. . .

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat beri jalan, untuk penjelasan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, biar saya cakap dahulu. Yang Berhormat Menteri beri jalan?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu tidak, tidak berani.

Dato' Richard Ho Ung Hun: . . . mereka ini telah cuba menggunakan hujah-hujah am dan perasaan politik untuk menimbulkan reaksi yang emosional di kalangan rakyat kita yang tidak berdosa, khasnya di kalangan pemimpin-pemimpin dan pengikut-pengikut mereka di dalam pergerakan kesatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebaliknya telah mengambil satu sikap yang tidak gopoh-gapah dan penuh rasional lagi tentang masalah-masalah yang timbul di negara ini dan mengkaji dengan teliti segala cadangan-cadangan Rang Undang-undang yang berkenaan. Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada usaha bersikap begitu. Memang benar ahli-ahli Pembangkang, khasnya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang mempunyai kepentingan politik dan penglibatan politik telah dan mungkin akan terus cuba cari peluang dalam keadaan ini untuk keuntungan politik mereka sendiri.

Saya rasa rakyat kita serta kebanyakan ahli-ahli kesatuan sekerja yang sebenar-benar ingin mencari ikhtiar yang membina untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi, di samping untuk memperjuangkan nasib dan kebaikan ahli-ahli mereka pada amnya dan pekerja khasnya tidak akan dipikat oleh helah pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli politik seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita pada petang ini telah mendengar beberapa sebutan berkenaan dengan pertikaian MAS/AEU. Nampaknya apa yang saya sudah jelaskan dengan begitu jelas dalam ucapan saya apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini tidak dapat didengar oleh mereka itu juga. Kalau pihak Pembangkang itu hendak berpura-pura pckak sahaja apa saya boleh buat. Saya bercadang supaya mereka itu apabila ada masa pada masa akan datang merujuk baliklah kepada *Hansard* kita yang akan disediakan untuk mengkaji balik apa yang saya sudah jelaskan di dalam nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sudah terjadi pada tahun yang lalu adalah sangat buruk daripada kepentingan negara kita.

Haruslah kita menarik ataupun mendapat pelajaran daripada apa yang telah terjadi itu. Perkara-perkara seperti itu mungkin boleh berlaku lagi pada masa akan datang kiranya pemimpin-pemimpin pergerakan trade union-isma kita menggalakkannya dengan apa juga cara yang lebih mengutamakan kepentingan unionisma daripada kepentingan nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berucap panas pada masa ini dan mengadakan beberapa tindakan protest adalah sesungguhnya mereka yang telah mendapat hasil yang lebih daripada sistem perhubungan perusahaan yang sedia ada yang dipupuk oleh usaha Kerajaan kita. Jika kita mengkaji kesatuan-kesatuan sekerja yang telah menikmati faedah yang lebih daripada sistem perhubungan perusahaan ini, kita dapat tahu dengan jelasnya bahawa kesatuan-kesatuan sekerja seperti Transport Workers Union, All Malayan Estates Staff Union dan beberapa kesatuan dalam sektor perkilangan kita adalah kesatuan-kesatuan yang telahpun mendapat untung yang lebih.

Baru sebentar tadi saya dapat maklumat iaitu dalam kesatuan yang diuruskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara sendiri iaitu Transport Workers Union, di bawah peraturan kecil iaitu Rule 24 (3) bagi kesatuan itu sudahpun membekalkan sekiranya hendak menjalankan mogok tentulah terdahulu mendapatkan satu undi yang disokong oleh 3/2 daripada majority ahli-ahli kesatuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: 2/3 atau 3/2?

Dato' Richard Ho Ung Hun: 3/2 (two-thirds).

Tuan Yang di-Pertua: Supaya rekod jelas, 2/3 atau 3/2?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Maaf, 2/3.

Tuan Yang di-pertua, dengan keadaan ini kita dapat tahu satu lagi bukti adalah dua-muka selalu ditunjukkan oleh Ahli Pembangkang itu. Di samping mengkritik cadangan yang berkehendakkan apa yang sudah ada di dalam peraturan kesatuan itu, mereka pura-pura hendak menyembunyikan perkara yang betul itu untuk mendapat peluang membidas Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 100 keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Perusahaan kita hingga kini lebih daripada setengahnya telahpun dinikmati oleh kesatuan-kesatuan itu. Bagi mereka pada masa ini mengatakan bahawa pekerja-pekerja negara kita ataupun pergerakan kesatuan sekerja ditindas ataupun disekat, haruslah ingat balik tentang perkara-perkara seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah cuba mengatakan bahawa campurtangan Kerajaan dalam perhubungan perusahaan adalah biasanya untuk hendak mempertahankan kepentingan majikan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu nampaknya tidak sedar tentang apa yang sebenarnya berlaku. Daripada pertikaian-pertikaian yang dirujuk kepada Kementerian lebih daripada 82% telah diselesaikan di peringkat Kementerian dan kebanyakannya dengan hasil yang baik untuk pekerja-pekerja. Daripada beratus-ratus kes yang dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, lebih daripada 70% keputusan Mahkamah itu adalah menguntungkan pihak kesatuan dan pihak pekerja pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, adakah statistik ini dapat dicabar atau ditolak? Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan campurtangan dalam pertikaian untuk mempertahankan kepentingan majikan?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah merujuk kepada kuasa Pendaftar untuk meminda peraturan kesatuan-kesatuan dan juga kepada cadangan untuk menentukan bahawa keputusan Menteri ataupun Mahkamah Perusahaan adalah satu yang muktamad. Mereka telah cuba mengatakan bahawa kedua-dua peruntukan ini adalah untuk menyekat kesatuan-kesatuan sekerja dan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menyalahgunakan kuasa undang-undang. Malangnya mereka ini tidak juga mendengar ucapan saya dalam mana saya telah mengatakan bahawa kuasa kepada Pendaftar untuk meminda peraturan-peraturan yang terkandung dalam Fasal 16 adalah akan dibatalkan ataupun ditarik balik dalam Jawatankuasa Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau on a point of order, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36 (1) berbunyi:

“Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.”

Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa saya ada berkata dalam ucapan saya Pendaftar Kesatuan-kesatuan akan ada kuasa-kuasa yang tersebut dan saya menafikan. Sebenarnya saya tidak berkata demikian. Dalam teks ucapan saya ada, tetapi saya tidak ada masa untuk bercakap. Dia nampaknya sudah dapat satu teks ucapan saya. Saya tidak membangkitkan hal itu oleh kerana saya pun tahu. Saya belum sampai ke situ, dia sudah dapat tahu, dia ada spy. Itu menunjukkan dia tidak tahu apa yang dia cakapkan, dia baca sahaja!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau belum, jangan keluarkan teks itu sebelum berucap di sini (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak keluarkan tetapi ada orang pergi mengintip.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak bangkitkan, tidak bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu sama ada curi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, duduk! (*Ketawa*).

Dato' Richard Ho Ung Hun: Malangnya Ahli-ahli Pembangkang yang lain tidak mendengar ucapan saya dalam mana saya telah menyatakan bahawa kuasa kepada Pendaftar untuk meminda peraturan-peraturan yang terkandung dalam Fasal 16 adalah hendak ditarik balik dalam Jawatankuasa Dewan ini.

Mereka juga telah cuba menyembunyikan dari pengetahuan Dewan ini bahawa Kerajaan telahpun bercadang untuk meminda Fasal yang berkenaan dibawa Rang Undang-undang yang mungkin boleh memberi salah faham bahawa Kerajaan ingin mencegah Mahkamah-

mahkamah negara kita daripada mengkaji keputusan pihak Executive. Ini tidak betul langsung.

Saya fikir usaha mereka ini juga menunjukkan niat yang buruk dan tidak sihat dan harus dikutuk oleh Dewan ini (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara nampaknya sengaja buat tidak sedar tentang perkara-perkara benar. Jika pekerja-pekerja tahu atau sedar tentang apa yang dipinda dalam Rang Undang-undang ini dengan teliti mungkin beliau dan rakan-rakannya takut bahawa mereka tidak akan dapat mempengaruhi kesatuan-kesatuan sekerja ataupun MTUC. Beliau telah menceritakan mengenai kucing yang menutup mata dan tidak sedar tentang dunia di luarnya. Saya hendak bertanya balik, siapakah pihak yang diibaratkan kucing itu? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya back-benchers kita daripada Barisan Nasional yang begitu ramai dan telah membuat homework mereka dengan begitu teliti dan telah membuat sumbangan yang sangat dihargai dalam perbahasan ini. Saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak payah diberi terima kasih (*Ketawa*).

Dato' Richard Ho Ung Hun: . . . kerana kesabaran beliau untuk mendengar ucapan saya membentangkan Rang Undang-undang itu yang sangat panjang. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya ingin ulaskan. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua yang memberi sumbangan yang membina di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan kemukakan bagi diputuskan. Soalnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta division.

Tuan Yang di-Pertua: Minta division, hendaklah ada sokongan 15 orang. Sila bangun yang menyokong hendakkan division.

(14 orang Ahli-ahli bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup. Dalam Peraturan Mesyuarat yang hadir sahaja dikira.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 (1) (e) dipinda seperti yang telah dinyatakan dalam Kertas DR 7/80 sebagaimana yang telah diedarkan. Pindaan seperti berikut:

Fasal 2 (1) (e): Potong perkataan "temporary" yang terdapat dalam perenggan (a) takrif "lock-out".

Clause 2 (1) (e): Delete the word "temporary" appearing in paragraph (a) of the definition of "lock-out".

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, boleh saya minta satu penjelasan. Saya pun ada mengemukakan beberapa pindaan iaitu ada berkaitan dengan Fasal 2 dan pindaan saya dikemukakan notis diberi sebelum notis diberi oleh Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan beberapa pindaan dan saya minta satu keputusan mengenai cara untuk membincang dan memutuskan pindaan-pindaan sama ada pindaan yang diberi notis terlebih dahulu atau pindaan selepas itu.

Tuan Pengerusi: Saya beri kepada Yang Berhormat Menteri kerana dia meminda kepada Rang Undang-undang yang dikemu-

kakannya. Kalau Majlis ini dalam Jawatankuasa menimbangkan jadi itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang asal. Lepas daripada Yang Berhormat Menteri saya akan minta Yang Berhormat mengemukakan pindaan Yang Berhormat pula dan dua-duanya sama hak akan dikemukakan kepada Majlis untuk memutuskan. Satu lepas satu.

Tuan Lim Kit Siang: Jadi bolehkah saya

Tuan Pengerusi: Memang saya hendak panggil tadi tetapi sudah cakap dahulu (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Jadi sekarang untuk saya kemukakan atau atas pindaan yang dicadangkan oleh yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu! Kalau pindaan Yang Berhormat itu meminda kepada pindaan dia, saya beri Yang Berhormat dahulu. Tetapi oleh sebab pindaan ini berlainan walaupun fasalnya sama, jadi saya akan kemukakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri dahulu lepas itu saya akan kemukakan juga kepada Yang Berhormat kerana dia berlainan walaupun fasalnya sama. Tetapi kalau pindaan Yang Berhormat itu dipinda oleh Ahli Yang Berhormat, maka itu saya kemukakan kepada Yang Berhormat dahulu. Mana yang kemudian itulah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah selepas keputusan mengenai pindaan yang ada dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru saya kemukakan pindaan saya atau kedua-duanya diputuskan sama-sama sekali.

Tuan Pengerusi: Tidak. Dia lain-lain.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya mahu bercakap sedikit mengenai pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa potong perkataan "temporary".

Tuan Pengerusi: Jadi ini Yang Berhormat hendak membahaskannya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi: Biar saya kemukakan dahulu. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu pada Fasal 2 (1) (e) terbuka untuk perbahasan. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa potong perkataan "temporary" yang terdapat dalam perenggan (a) takrif "lock-out" di Fasal 2 (1) (e), dalam perkara ini ada satu definisi baru untuk "lock-out" di mana "lock-out" means selain daripada (b) dan (c) yang tidak bersangkut-paut, "(a) The temporary closing of a place of employment" dan sekarang ada satu pindaan supaya perkataan "temporary" dipotong. Apabila definisi "lock-out" yang asal ada dikemukakan, pihak pekerja dan kesatuan berasa bahawa ini satu definisi yang lebih comprehensive tetapi sekarang dengan memotong perkataan "temporary" adakah ini bererti kalau majikan mengadakan satu temporary lock-out selama dua tiga hari boleh dibenarkan dan saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Menteri apabila mengemukakan pindaan ini dengan consequence yang begitu besar tidak memberi penjelasan-penjelasan kenapa perkataan "temporary" sekarang mahu dipotong dan saya harap nanti apabila ada pindaan-pindaan dikemukakan bahawa rationale atau penjelasan diberi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh faham dan bukan sahaja berdiri kemukakan, kata "ya" dan kutuk-kutuk sahaja.

Tuan Pengerusi: Adakah lagi Ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap?

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Chan Teck Chan: Saya perlu meminta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Dewan yang mulia ini tujuan utama bagi pihak Kementerian hendak memotong perkataan "temporary" dan juga meminta Menteri memberi satu tempoh umpamanya adakah seminggu atau dua minggu, sebulan atau setahun kilang ditutup kerana berlakunya pertikaian barulah boleh dikira "lock-out" atau satu hari dua hari juga dikira "lock-out" kerana dengan terpotongnya perkataan "temporary" ini telah menimbulkan satu keadaan yang sangat keliru di mana kita tidak boleh mentafsirkan. Kalau

sesebuah kilang atau majikan menutup kilangnya untuk mencekek atau menekan kaum pekerja di kilangnya kerana berlakunya pertikaian maka perlulah Menteri memberitahu di Dewan ini biasanya berapa hari-kah kilang itu ditutup kerana berlakunya atau berpunca dari pertikaian baru dikira atau ditafsirkan sebagai 'lock-out'. Di sini tidak dinyatakan dengan jelas tempoh dan bagaimana caranya untuk mentafsirkan perkataan "closing of a place of employment" baru dianggap sebagai "lock-out". Saya harap Menteri boleh menjawab dan menjelaskan.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, saya nampak negara kita darurat sekarang

Tuan Pengerusi: Tidak—ini keluar. Duduk dulu. Hanya boleh bercakap atas perkara yang berhubung dengan pindaan ini sahaja. Mengapa dipotong "temporary" itu sahaja.

Tuan V. David: Ini saya boleh beri satu contoh kepada Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita ada satu "lock-out" dalam Kuala Lumpur ini. Kementerian Buruh tidak boleh selesaikan. Kalau kita tidak ada satu sistem ataupun satu aturan (*demarcation*) maka lock-out ini boleh jadi perkara biasa. Barangkali Yang Berhormat Menteri sendiri mahu beri penjelasan, beri penerangan macam mana dia mahu cari jalan boleh selesaikan lock-out. Itu yang saya mahu.

Tuan Pengerusi: Samalah macam Yang Berhormat dari Kota Melaka. Baik, jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, masalahnya bila kita tidak dapat mengesahkan jika satu penutupan (*closure*) yang buat sementara (*temporary*) ataupun tetap hingga selepas beberapa masa, masalah di sini ialah takrif yang hendak beri kepada perkataan "temporary".

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, soal inipun telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Kalau kita hendak memakai perkataan "temporary" ini timbullah masalah "how temporary". Satu hari pun temporary juga, seminggu pun temporary juga, asal dibuka semula. Kalau kita menetapkan satu tempoh masa, katalah, satu minggu yang patut dianggap temporary dan misalnya sekiranya lepas itu kalau pihak yang telah tutup itu tidak kembali maka telah

jadi tetap juga. Jadi, Tuan Pengerusi, perkataan ini dipotong ialah supaya maksud lebih jelas.

Ini sebenarnya, Tuan Pengerusi, dengan dipotong ataupun dengan dikeluarkan perkataan ini hasilnya akan memberi lebih faedah kepada pekerja kita.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa takrif baru yang dicadangkan untuk "Registrar" sepertimana yang dicadangkan dalam Fasal 2 (1) (g) Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Tuan Pengerusi, dalam takrif "Registrar" dalam Rang Undang-undang ini ada memperluaskan takrifnya-tetapi takrif dalam Trade Unions Ordinance:

(Dengan izin): "Registrar" means the person for the time being appointed under section (3) to be the Registrar of Trade Unions and includes any person appointed under section (4) to be a Deputy Registrar or an Assistant Registrar of Trade Unions".

Dan sekarang ada cadangan oleh pihak Kementerian Buruh bahawa definisi-definisi ini diluaskan untuk termasuk bukan sahaja tiga kategori pegawai-pegawai, tetapi an Assistant Registrar of Trade Unions, and Trade Unions Registration Officer, appointed under section 4.

Tuan Pengerusi, dalam Rang Undang-undang ini kuasa yang sangat besar ada diletakkan dalam tangan Registrar of Trade Unions bukan sahaja untuk menolak permohonan untuk mendaftar sesebuah persatuan, tetapi untuk tarik balik sijil pendaftaran, untuk suspend operasi-operasi kesatuan-kesatuan dengan concurrence Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk menentukan ataupun mengisytiharkan bahawa seseorang tidak boleh menjadi ahli EXCO dalam kesatuan-kesatuan, untuk diisytiharkan bahawa secret ballot atau undi sulit tidak boleh digunakan dan untuk tarik balik

kebenaran atau menentukan samada mahu benarkan affiliation dengan badan-badan consultative. Kesemua ini kuasa-kuasa yang sangat besar dan saya rasa tidak memberi faedah demi kepentingan kesatuan atau sebagai prinsip-prinsip pentadbiran bahawa kuasa-kuasa begitu besar didefusekan kepada orang-orang bukan sahaja Registrar tetapi orang-orang yang rendah macam Assistant Registrar dan Trade Unions Registration Officer. Saya mahu tanya kalau definisi ini ditukar dan diluaskan berapa ramai orang yang ada sekarang ada kuasa menjalankan dan menggunakan kuasa Registrar tarik balik ataupun batalkan certificate itu. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh beritahu Dewan Rakyat ini 20 orang, 30 orang semua ada kuasa menentukan hidup mati kesatuan-kesatuan.

Tadi pun ada seorang Yang Berhormat berkata bahawa seorang Pendaftar, seorang pegawai sahaja tidak bolehlah salah guna kuasa. Ini saya sangat terperanjat. Sesiapa-pun ada kemungkinan salah guna kuasa dan tentu mesti ada checks and balances terhadap perbuatan semacam ini. Dan kita bantah pindaan ini dan mahu jaminan kalau ada kuasa-kuasa tersebut kepada orang-orang yang sebenarnya boleh apply fikiran mereka, tanggungjawab mereka kepada perkara-perkara yang tertentu. Terima kasih.

Tuan P. Patto: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Apa? Tidak payah sokong dalam Jawatankuasa.

Tuan P. Patto: Juga saya ingin

Tuan Pengerusi: Sabar, saya belum kemukakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang satu pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling iaitu Fasal 2 (1) (g) Rang Undang-undang itu dibatalkan. Sekarang terbuka untuk perbincangan. Sekarang sila.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Sepertimana yang dikatakan oleh pencadang iaitu rakan saya dari Petaling, ada banyak area-area di mana kuasa penuh diberi kepada Registrar dan oleh kerana takrif atau definisi yang diberi bagi perkataan "Registrar" adalah terlalu luas dan memandangkan kepada

perkataan-perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini seperti—"The Registrar may. . . .", "If the Registrar is of the opinion", "If he is satisfied" dan sebagainya dan kesemuanya ini adalah area-area yang memberi peluang kepada beliau untuk menyalahgunakan kuasa dan seperti mana rakan saya berkata, kita tidak tahu berapa orang yang akan menggunakan pangkat Registrar nanti. Oleh kerana menurut *Fasal 2 (1) (g)*:

(Dengan izin) "Registrar" means the Registrar of Trade Unions appointed under section 3, and includes a Deputy Registrar, a Senior Assistant Registrar, an Assistant Registrar of Trade Unions, and a Trade Unions Registration Officer"

Jadi kita tidak tahulah berapa ramai yang akan memakai pangkat Registrar ini dan setiap orang itu manusia dan apabila terdapat rangkaikata-rangkai kata semacam "may", "in his opinion", "if he is satisfied" dan lain-lain tentu mereka membuat keputusan-keputusan yang akan menjadi subjective bukan dengan objective, tetapi tentu subjective.

Oleh sebab itu, saya menyokong pindaan yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling supaya pindaan yang dikemuka oleh Yang Berhormat Menteri dalam Rang Undang-undang ini dibatalkan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, lagi sekali dukacita saya kena menegur pihak Pembangkang yang telah mengemukakan pindaan ini kerana nampaknya mereka itu telah gagal untuk membaca dengan teliti Rang Undang-undang ini. Saya ingin merujuk mereka itu kepada Fasal 4 (b) dalam Rang Undang-undang ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya akan baca petikan yang ada berkaitan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Richard Ho Ung Hun: "Section 4 of the Ordinance is amended by—

(b) adding immediately after subsection (1) thereof a new subsection (2) as follows:

"(2) Subject to such limitations, if any as may be prescribed by regulations. . . ."

Ini bermakna, Tuan Pengerusi, cadangan di bawah Fasal 4 itu hendaklah dibaca bersama dengan Fasal 2 (1) (g) yang sekarang dicadangkan oleh pihak Pembangkang supaya dibatalkan. Penjelasan saya ialah kekhuatiran pihak Pembangkang itu tidaklah berasas sama sekali kerana apabila Registrar yang kita telah tugaskan untuk menjalankan urusan di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja ini menjalankan tugas-tugas beliau bidang-kuasanya tentulah akan dihadkan oleh regulations yang akan dibuat di bawah Ordinan ini. Tuan Pengerusi, apabila regulations itu dibuat regulations itulah yang akan menetapkan supaya pegawai tinggi dalam hierarchy Jabatan Buruh akan ditugaskan di bidang-bidang yang lebih penting agar tidak akan timbul sebarang penyalahgunaan kuasa. Dan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menyokong cadangan pindaan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu memberi cadangan mengenai penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Kalau sesuatu yang sudah. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai penjelasannya.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Beliau kata dia dukacita, tetapi saya lebih dukacita lagi oleh kerana sangat terang beliau tidak faham pindaan-pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan. Beliau kata bahawa New section (g) itu akan dibaca dengan Fasal 4 (b); tentulah dibaca dengan 4 (b). Tetapi apabila beliau kata baca dengan Fasal 4 (b) saya rasa ada exemption di mana kata kuasa-kuasa yang ada dalam ini tidak boleh digunakan oleh pegawai-pegawai rendah macam Trade Unions Registration Officer. Tidak boleh dinafikan semua kuasa Registrar boleh digunakan oleh Trade Unions Registration Officers dan apabila kata "subject to such limitations, if any, as may be prescribed by regulations" Mengikut penjelasan regulations, pertama tidak boleh salahguna kuasa. Adakah itu regulations? Kedua, kuasa-kuasa mesti digunakan mengikut undang-undang. Itu tidak bererti samada pegawai-pegawai tersebut ada kuasa atau tidak mengikut Akta yang kita akan luluskan—menggunakan semua kuasa di bawah takrif "Registrar", itu ada.

Dan itulah saya tadi kemukakan untuk bantahan dan penjelasan beliau ialah akan ada regulations, itu bukan jawapan. Itu menunjukkan Yang Berhormat Menteri tidak faham Rang Undang-undang dan kuasa-kuasa yang dia minta. Saya harap beliau boleh memberi satu penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi: Kalau penjelasan, itu saya benarkan. Kalau tidak, tidak bolehlah. Hal itu juga hendak diulang-ulangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Beri dia chance. Jangan dia datang di sini tetapi tidak tahu memberi penjelasan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak lawan dengannya. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu sangat marah. Nampaknya memang sudah menjadi perangai beliau itu apabila. . . . (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau dia tidak boleh jawab, duduk sahaja-lah.

Tuan Pengerusi: Tak payahlah!

Dato' Richard Ho Ung Hun: Apa yang saya telah cuba menerangkan sebentar tadi, Tuan Pengerusi, ialah dalam Fasal 4 (b) ada peruntukan yang jelas supaya sebaik sahaja Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini menjadi undang-undang yang sah, pada saat itu juga Kerajaan akan membuat regulations dan regulations yang akan datang itu, Tuan Pengerusi, akan menjelaskan keadaan yang dikhuatirkan itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling sengaja tidak mahu faham, apa hendak saya buat.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sudah cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu sahaja, bolehkah kita tangguhkan Dewan ini selama 10 minit, dia boleh balik dan bertanya dengan pegawainya dan memberi kita satu jawapan yang memuaskan hati.

Tuan Pengerusi: Saya tidak benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak tahu langsung. Kalau kita teruskan pun tidak ada gunanya.

Tuan Pengerusi: Jangan bising sangat di sini!

Tuan Lim Kit Siang: Saya bising kerana itu mengenai hak rakyat, dia datang di sini tidak tahu memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling, saya ingatkan masing-masing adakah bercakap tetapi semua di bawah Peraturan Mesyuarat. Saya sudah beri jalan bercakap, sudahlah. Janganlah dengan saya pula tidak mahu dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta adakan division, Tuan Pengerusi.

(14 *Ahli-ahli bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada 14 orang sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tengok ada orang berdiri. . . .

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu! Saya harap Yang Berhormat jangan selalu mengganggu perjalanan mesyuarat ini, kerana ada juga peraturan mesyuarat mengatakan jangan ganggu. Yang Berhormat sudah mengemukakan 18 pindaan dan kalau tiap-tiap satu pindaan hendak diadakan division, ini membuang masa Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi kalau mustahak.

Tuan Pengerusi: Ya, kalau mustahak tetapi ini tiap-tiap satu mustahak, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu kita anggap mustahak.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa seksyen-kecil (2) baru kepada Seksyen 12 Ordinan Kesatuan Sekerja dibatalkan dan seksyen-kecil (3) baru ini dinomborkan semula sebagai seksyen-kecil (2).

Tuan Pengerusi, seksyen baru ini yang saya cadang dibatalkan ialah berbunyi:

“(2) The Registrar may refuse to register a trade union if he is satisfied that there is in existence a trade union in respect of the particular trade, occupation or industry and it is not in the interest of the workmen in that particular trade, occupation or industry that there be another trade union in respect thereof.”

Sebab-sebab saya kemukakan supaya Fasal ini dibatalkan termasuk kuasa ini boleh digunakan oleh ramai pegawai-pegawai, termasuk pegawai-pegawai rendah sungguhpun ada satu keterangan bahawa selepas Akta ini diluluskan jadi undang-undang yang sah boleh ada regulation mengikut Yang Berhormat Menteri boleh menentukan siapa dalam jenis pegawai-pegawai ini boleh guna kuasa, siapa tidak boleh guna kuasa saya sangat terperanjat oleh kerana regulation tidak boleh lebih tinggi daripada Akta. Kalau Akta kata bahawa Senior Trade Union Registration Officer boleh guna kuasa Registrar, tidak boleh ada satu regulation oleh Yang Berhormat Menteri, kata dia tidak boleh, itu yang sangat sedih dia tidak faham sungguhpun dia ada latar belakang undang-undang. Oleh sebab itu tadi saya kata penjelasan ini semua sia-sia dan kalau boleh kita sekarang ada banyak pindaan di sini yang sangat mustahak, kalau tidak faham lebih baik kita tanggung kepada lain masa (*Disampuk*). Kalau Yang Berhormat mahu cakap saya boleh beri jalan atau mahu jadi Menteri Buruh pun boleh. Kuasa ini boleh diguna oleh ramai orang dan tadi penjelasan itu ditolak oleh orang yang ada fikiran dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun bersetuju dengan saya, beliau pun ada fahaman undang-undang (law). Saya boleh beri jalan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi orang yang boleh buat bising sahaja tidak faham, dia mahu bising sahaja. Itulah cara masing-masing.

Tuan Pengerusi: Ini rapai sana, rapai sini; pegang sana, pegang sini buat apa? (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Attack kecemaran.

Yang kedua, mengikut clause ini bahawa kalau Registrar, if he is satisfied that there is in existence a trade union in respect of the particular trade, occupation or industry and it is not in the interest of the workmen in that particular trade, occupation or industry that there be another trade union in respect thereof. Saya rasa apa yang mustahak ialah mesti ada satu kriteria, satu ukuran di mana kuasa-kuasa ini boleh digunakan, oleh kerana kalau tidak Registrar termasuk Trade Union Registration Officer yang sungguhpun regulation mengatakan tidak boleh guna; dia boleh digunakan, boleh ikut kehendak mereka membatalkan sijil pendaftaran trade union dan saya rasa ini memberi kuasa yang sangat luas. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sebab-sebab kenapa mahu taruh Fasal ini, bukankah lebih mustahak dalam perkara ini di mana mungkin ada berlaku masalah inter-union digantung kepada perundingan (consultation) union dengan union, baikpun di bawah MTUC atau Kementerian Buruh dan bukan beri kuasa yang mutlak kepada seorang sungguhpun dia seorang pegawai rendah.

Sebenarnya kalau mahu satu peruntukan itu, Dewan ini mesti tahu apa latar belakang, apa yang berlaku selalu sungguhpun saya rasa saya tidak akan dapat satu penjelasan yang intelligent. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan itu untuk membatalkan seksyen-kecil (2) kepada seksyen 12 ini. Saya merasa sangat terperanjat apakah sebabnya seksyen-kecil (2) ini diadakan.

Sebenarnya kalau saya tidak silap menurut peraturan yang ada dalam Ordinan Kesatuan Sekerja ini sudah menjadi satu dasar, satu undang-undang di mana kesatuan sekerja dalam satu jenis occupation yang sama tidak boleh didaftarkan lagi kalau dia ada mengemukakan permohonannya.

Di sini saya hendak mempersoalkan apakah tujuan utamanya bagi Menteri Buruh untuk mencadangkan satu seksyen-kecil (2)

ini, yang sebenarnya sudah ada dalam Ordinan asalnya. Saya fikir Menteri Buruh perlulah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa tujuan utama Kerajaan memujudkan satu lagi peraturan yang berkenaan.

Akhirnya, saya harap, Tuan Pengerusi boleh memberitahu saya apakah sudah berlaku dalam barisan Kabinet sana di mana Timbalan Menteri sudah duduk di sana, adakah beliau sudah dinaikkan pangkat? (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Itu kadang-kadang saya tak nampak, sama juga Ahli dari Petaling kadang-kadang dia duduk di belakang sana memberi briefing, tak apa. Itu tak jadi soal, itu luar daripada subject. Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong pindaan yang di bawa oleh rakan saya dari Petaling.

Seksyen 12 Ordinan bahagian kedua yang tadi dibaca oleh rakan saya dari Petaling adalah satu-satunya yang mempunyai sifat yang boleh mengakibatkan Pendaftar menyalahgunakan kuasa (*abuse of power*). Kita boleh stretch sedikit dalam perkara ini sekiranya pindaan ini tidak diluluskan. Maka itu bererti bahawa dengan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu:

(*Dengan izin*) "The Registrar may refuse to register a trade union if he is satisfied" If he is satisfied nobody knows if he is satisfied, ". . . . that there in existence a trade union in respect of the particular trade, occupation or industry and it is not in the interest of the workmen in that particular trade, occupation or industry that there be another trade union in respect thereof."

Ini adalah satu bahaya yang patut di mana kata Yang Berhormat rakan saya dari Petaling dibatalkan oleh kerana dalam keadaan sekarang tidak ada satu had tempoh masa bagi pendaftar untuk mendaftarkan satu-satu kesatuan sekerja apabila permohonan diterima.

Apa yang boleh dilakukan menurut pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ialah bila mana majikan diberi peluang, majikan mungkin digalak untuk

menubuhkan yellow union di dalam satu-satu trade industry atau occupation. Oleh kerana tidak ada satu had tempoh masa kalau satu permohonan diterima, permohonan itu disimpan setahun, dua tahun dan dalam masa itu majikan boleh tubuhkan satu lagi yellow union untuk mematahkan union yang meminta dahulu itu untuk pendaftaran, tarik dengan apa juga cara yang boleh digunakan oleh majikan supaya kesatuan sekerja yang tulin yang dahulu meminta untuk pendaftaran itu tidak diberi dan akhirnya yellow union ini mungkin didaftarkan oleh pendaftar. Oleh kerana itu dan oleh kerana peruntukan yang ada dalam Ordinan Kesatuan Sekerja pada masa sekarang ini tanpa pindaan **inipun sudah teruk**, juga dibantah oleh beberapa kesatuan sekerja oleh kerana penyalahgunaan kuasa oleh pendaftar.

Tuan Pengerusi, seksyen 12 (3) di bawah Fasal 7 juga diminta supaya dibatalkan dan seksyen 7 (3) baru itu dinomborkan semula sebagai seksyen 7 (2). Di sini saya juga ingin menyentuh tentang apa yang disebutkan tadi perkataan-perkataan yang memberi lapang bagi pendaftar menyalahgunakan kuasa macam "if he is satisfied" dan begitu-begini.

Satu contoh ialah Electrical Industrial Workers Union (EIWU) yang cuba bertahun-tahun untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang berjumlah lebih kurang 60,000 dalam kilang-kilang elektronik di merata tempat dalam negara ini untuk mereka yang bekerja, iaitu sejumlah hampir 60,000 orang menjadi ahli dalam EIWU tetapi malangnya.

Dato' Richard Ho Ung Hun: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, on a point of order.

Tuan P. Patto: Bolehkah saya dapat tahu, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: On a point of order, duduklah, Saya bertanya.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya ingin tahu dengan izin, Tuan Pengerusi, apakah kaitannya industri elektronik itu dengan pindaan yang dicadangkan ini?

Tuan Pengerusi: Itu saya boleh putuskan. Walaupun tidak ada hubungan tetapi menceritakan bagaimana seseorang Registrar itu boleh menyalahgunakan kuasa. Saya benar-benar.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sepertimana saya kata tadi Yellow Union

Tuan Pengerusi: Tetapi jangan panjang sangatlah.

Tuan P. Patto: Tidak. Saya akhiri dengan point ini. Jadi, oleh kerana Pendaftar tidak mahu membenarkan mereka menyertai Union EIWU supaya pihak Kerajaan tidak mahu EIWU itu kuat walaupun takrif bagi elektronik, pekerja-pekerja dalam bidang elektronik diberi oleh Kesatuan Antarabangsa di mana pekerja-pekerja dalam industri elektronik adalah sama dengan pekerja-pekerja di dalam electricity walaupun pihak Kementerian tidak terima, mengikut fahaman saya maka saya rasa dengan adanya pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri itu salahguna kuasa tentu ada maka ia patutlah dibatalkan sepertimana dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong pindaan Yang Berhormat dari Petaling, bukan saya tidak suka dengan Yang Berhormat dari Petaling tetapi oleh kerana apabila saya membaca pindaan yang dikemukakan di Dewan ini iaitu the original amendment, pindaan ini sudah sangat jelas, iaitu:

“The Registrar may refuse to register a trade union if he is satisfied that there is in existence a trade union in respect of a particular trade.”

Maknanya kalau saya boleh, Tuan Pengerusi, memberi satu contoh.

Tuan Pengerusi: Boleh!

Dr Tan Tiong Hong: Jikalau ada sesuatu golongan ingin menubuhkan lagi satu MTUC barangkali Registrar tidak memberi kebenaran oleh kerana sudah ada satu MTUC.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, penjelasan.

Dr Tan Tiong Hong: Tidak payah penjelasan (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Bila orang tidak beri jalan, jangan bangun bercakap lagi. Duduk, duduk!

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Saya kata duduk, duduk! Terusakan.

Dr Tan Tiong Hong: Bohongkah tidak bohong, itu lain hal (*Ketawa*). Hal yang ada di depan kita hari ini ialah berkenaan dengan seksyen 12, seksyen kecil (2) ialah sangat jelas dan saya ingat jikalau kita pinda lagi dan memberi kuasa lagi kepada Registrar, saya ingat menubuhkan lagi duplication of trade union. Ini boleh jadi satu masalah di mana trade union yang sekarang sudah didaftar boleh menghadapi masalah di mana lain-lain union yang serupa juga dapat didaftar. Oleh kerana itu, saya tidak menyokong pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, saya kasihan kepada Ahli Yang Berhormat itu (*Ketawa*) Saya nampak . . .

Dr Tan Tiong Hong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Baru cakap kasihan, macam mana penjelasan? (*Ketawa*). Macam mana saya hendak benarkan. Saya tidak boleh benarkan.

Tuan V. David: Perkara ini, if he is satisfied, ini kuasa sudah ada abuse. Fasal apa, perkara elektronik

Tuan Pengerusi: Perkara ini sudah disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat, tidak payah ulang lagi. Menghabiskan masa Dewan ini.

Tuan V. David: Ini sudah satu tahun lebih yang permohonan dihantar pada bulan April, 1979 sampai sekarang tidak dapat jawapan dari Registrar. Macam mana kalau seksyen-seksyen ini kita menerima dalam Dewan ini mestilah kesan-kesannya tidak boleh hidup. Fasal apa? Dia hendak tunggu sampai “he is satisfied”. Barangkali Registrar tidak satisfied, dia mesti ada fasal. Fasal apa dia tidak satisfied? Barangkali Menteri Buruh

dan Tenaga Rakyat arahkan supaya jangan daftarkan kesatuan ini. Itupun dia boleh kata yang dia tidak "satisfied". Dia boleh tunjukkan fasal lain. Kalau kita menerima pindaan ini, mestilah ada abuse kuasa (power) yang kita beri kepada Pendaftar.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ingin membuat sedikit jawapan yang singkat sahaja untuk menjimatkan masa.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara khuatirkan bahawa kuasa Registrar ini akan disalahgunakan. Beliau juga khuatirkan apabila perkara ini diulangkaji oleh Menteri, Menteri juga akan menyalahgunakan kuasa. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tidak percaya kepada sesiapa pun dalam dunia ini.

Tidak usahlah, Tuan Pengerusi, untuk saya mengasingkan satu demi satu soalan yang telah ditimbulkan sebentar tadi. Cukuplah kalau saya mengumpulkan semua kekhawatiran yang telah disuarakan oleh pihak Pembangkang itu yang sudah pun dijawab dalam satu aspek oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Peruntukan ini sebenarnya telah sedia ada di dalam undang-undang yang lama iaitu Trade Unions Act 1965, Seksyen 3. Ini bukanlah satu perkara yang baru.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, penjelasan yang kita buat dari pihak di sebelah sini tidak dapat diterima oleh Pembangkang di sebelah sana. Penjelasan yang saya sudah beri tadi berkenaan dengan Fasal 4 berkaitan dengan regulations yang akan dibuat itu memang sah lagi di dalam perkara ini.

Saya juga ingin memberi jaminan di sini apabila regulations itu dibuat Pendaftar sendirilah yang akan menjalankan kuasa dalam Fasal ini.

Apa yang dikhuatirkan juga ialah pihak majikan akan mendirikan satu Kesatuan Sekerja Kuning. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Menglembu membaca dengan teliti fasal yang kita bincangkan itu dapatlah kita sahkan bahawa perkara ini hanya timbul apabila, dan saya petikkan, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Richard Ho Ung Hun: "That there is in existence a trade union in respect of a particular trade."

Sekiranya belum ada wujud satu trade union di tempat itu masalah Yellow Union itu tidak timbul. Walaupun Kesatuan Sekerja Kuning (Yellow Union) itu akan ditubuhkan oleh majikan, kena juga didaftarkan di bawah fasal ini.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu, saya tidaklah dapat menyokong pindaan yang dicadangkan itu.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa Fasal 8 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan. Saya mengemukakan cadangan ini dengan sebab bahawa mengikut Akta yang kita ada selepas sesebuah kesatuan sekerja didaftarkan apa yang berlaku selepas itu yang pertama satu cancellation atau pembatalan certificate kesatuan itu dan kedua mengikut peruntukan yang baru dalam Rang Undang-undang ini di bawah Seksyen 12 bahawa ada kuasa yang baru untuk suspend a trade union dengan concurrence Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi di sini ada satu perkataan "withdrawal of certificate" dan sungguhpun dalam Akta ibu (principal Act) ada terdapat perkataan withdrawal, saya tidak faham bagaimana satu cara withdrawal of certificate boleh berlaku. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membezakan bagaimana satu cancellation sijil pendaftaran. Apa bezanya withdrawal daripada sijil pendaftaran. Adakah withdrawal itu bererti, bersifat peruntukan dalam seksyen baru 18 di mana satu kesatuan boleh disuspend untuk enam bulan oleh Menteri Buruh dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Dan kalau perkataan withdrawal itu tidak ada satu meaning yang spesifik, kalau tidak ada perbezaan daripada cancellation of certificate apa erti perkaraan

baru withdrawal itu? Dan saya harap bahawa keterangan-keterangan yang memuaskan hati boleh diberikan dan jangan kata bahawa apa-apa keterangan pihak Pembangkang di depan itu tidak akan diterima dan ini menunjukkan bahawa tidak ada sebab atau dia tidak tahu.

Kedua, saya harap bahawa semua peruntukan boleh dikemukakan dengan hujah-hujah yang consistent dan jangan memberi hujah-hujah yang tidak benar dan tidak patut, dan tadi ada satu hujah mengatakan bahawa peruntukan itu boleh digunakan untuk mengelakkan satu MTUC timbul lagi, MTUC bukan sebuah union

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jangan dibawa perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sebab kita mahu tahu sebenarnya apa sebab, ada satu pindaan, jangan oleh kerana satu pegawai ada inspirasi dari mana-mana; Menteri pun datang tak tahu apa, baca sahaja.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Fasal 8 Rang Undang-undang ini untuk dibatalkan sebagaimana dicadangkan oleh Ahli dari Petaling dibuka untuk dibahaskan. Kalau tidak ada perbincangan—adakah Yang Berhormat Menteri hendak menjawab?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, ini berasal daripada satu rangkaikata yang sudah ada dalam Ordinan yang lama iaitu Akta Ibu Ordinan itu. Apabila status sebuah kesatuan sekerja itu dihapuskan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu ialah mengikut rangkaikata yang dipakai dahulu itu ialah "cancel or withdrawn". Memang kedua-dua perkataan ini ada digunakan sama, kedua-dua ini akan mengakibatkan pemansuhan status kesatuan sekerja itu dengan tetap. Jadi di sini apa yang telah berlaku ialah satu peruntukan di mana perkataan-perkataan "or withdrawn" itu telah tidak dimasukkan dan pindaan ini hanya untuk menyelaraskan satu keadaan yang tidak begitu selaras dahulu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan bagi diputuskan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu tahu cancellation dan withdrawal of certificate apa bezanya? Kalau tak ada

beza, apa guna dua perkataan. Itu sahaja saya bertanya.

Tuan Pengerusi: Ini saya fikir Ahli Yang Berhormat sebagai profession dan sama profession yang tahu—saya bukan profession itu—selalu sampai tiga empat soal bersusun.

Tuan Lim Kit Siang: Ini Parlimen mahu luluskan cancellation itu beza atau tidak ada beza? Kalau ada berbeza, apa bezanya?

Tuan Pengerusi: Itu legal jargon.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan jargon, mesti ada spesifik, dua situasi yang berbeza.

Tuan Pengerusi: Baiklah, adakah Menteri hendak bercakap lagi?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya tak mahu jawab, Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin merujuk kepada lawyer itu Seksyen 15 Trade Unions Ordinance, 1959. Saya minta beliau itu bawa Ordinan balik rumah kaji.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kenapa ada itu kalau tak ada sebab, bukan cara lama—semua ada sebab.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih baik dia balik rumah.

Usul pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 9 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Fasal 9 ialah berkaitan dengan Seksyen 15 yang dipinda dengan satu sub-section (2) berbunyi:

9. Seksyen 15 Ordinan itu adalah dipinda dengan—

(a) menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut—

“(2) Where two or more trade unions registered in respect of a particular trade, occupation, industry or place of employment exist, the Registrar may if he is satisfied that it is in the interests of the workmen of the said trade, occupation, industry or place of employment so to do—

(a) cancel the certificate of registration of the trade union or trade unions other than the trade union which has the largest number of workmen in the said trade, occupation, industry or place of employment as its members; or

(b) issue an order requiring the trade union or trade unions other than the trade union which has the largest number of workmen in the said trade, occupation, industry or place of employment as its members to remove from the membership register those members as are employed in that trade, occupation industry or place of employment; and thereafter the trade union or trade unions so ordered shall not enrol as members workmen in any trade, occupation, industry or place of employment similar to that trade, occupation, industry or place of employment except with the permission in writing of the Registrar an order under this paragraph shall have full force and effect notwithstanding any provision of the rules of the trade unions concerned”.

Tuan Pengerusi, saya menganggap kuasa-kuasa ini sangat sinister khasnya apabila ini bererti bahawa Pendaftar Kesatuan Sekerja ada kuasa untuk membatalkan pendaftaran kesatuan atas sebab multiplicity bukan sahaja in a trade, occupation, industry tetapi juga place of employment dan kuasa Pendaftar untuk mengarahkan cancellation atau removal keahlian kesatuan sekerja daripada place of employment. Saya rasa akan menimbulkan salahguna kuasa.

Saya mahu tahu kenapa dalam Clause ini dahulu ada sebut di lain-lain seksyen trade, occupation or industry, tetapi di sini ada termasuk lagi satu terms of reference ialah place of employment, sama ada ini akan menimbulkan keadaan di mana Pendaftar ada kuasa untuk disrupt organisasi kesatuan-kesatuan sekerja dan memupuk mengadakan kesatuan-kesatuan semacam apa yang berlaku dalam MAS sekarang di mana ada satu house union sungguhpun pekerja-pekerja MAS semua tidak mahu terlibat dan pekerja-pekerja airlines yang lain daripada MAS tidak boleh campur.

Saya rasa ini berkaitan dengan pertikaian MAS/AEU dan tidak sihat untuk satu pertumbuhan gerakan kesatuan-k satuan yang kuat, yang sihat. Langkah pertama, perkara semacam ini mesti diserahkan kepada wisdom fikiran dan perbincangan kesatuan-kesatuan tersebut dan bukanlah digunakan untuk tujuan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sahaja, mungkin untuk tujuan politik parti pemerintah. Dan dengan sebab itu saya cadangkan supaya peruntukan ini dibatalkan oleh kerana kalau kita mengikut fasal ini registrar ada kuasa di tempat kerja untuk mengarahkan supaya cancel certificate atau satu bus company tidak boleh mengadakan satu pejabat. Ini sangat destructive dan saya rasa tanpa satu perbincangan yang sangat dalam kuasa ini tidak patut diberikan.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 9 kepada Rang Undang-undang ini sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, seksyen kecil 2 (a) berbunyi;

“cancel the certificate of registration of the trade union or trade unions other than the trade union which has the largest number of workmen in the said trade, occupation, industry or place of employment as its members; or”

Tuan Pengerusi, macam mana pendaftar (registrar) boleh tahu satu union mempunyai lebih ahli daripada lain-lain union. What is the process—*modus operandi*? Atau macam mana boleh siasat. adakah mahu ambil undi sulit ke atas kedua-dua union ataupun bagaimana pendaftar boleh tahu union ini ada mempunyai lebih ahli atau lain itu ada

Tuan Pengerusi: Ini apa soalnya? Registrar tidak tahu tiap-tiap union itu berapa ahli.

Tuan V. David: Macam mana dia mahu ambil undikah atau dia mahu periksa daftar, itu tidak ada dalam seksyen ini. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi ada memberi contoh macam mana kesatuan sekerja MAS sekarang ada satu

Tuan Pengerusi: Yang sudah sebut, jangan sebut lagi—sekali cukup!

Tuan V. David: Ya. Ada yang lain, pendaftar (registrar) sekarang ada menerima satu kesatuan yang kurang ahli, satu kesatuan lain ada lebih ahli tetapi tidak diterima. Bolehkah beritahu macam mana registrar mahu siasat, dia mahu periksa daftar ahli-ahli dalam register bookkah ataupun dia mahu ambil undi sulit? Dia mesti ada satu sistem macam mana mahu periksa union yang mana mempunyai lebih ahli daripada yang lain.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, baru sebentar tadi apabila Rang Undang-undang pindaan dikemukakan untuk membatalkan seksyen kecil 2 Fasal 7 ditolak dan diluluskan iaitu berbunyi:

“The Registrar may refuse to register a trade union if he is satisfied . . .” kalau ada satu lagi union. Sekarang kita balik kepada seksyen 15, Fasal 9:

“Where two or more trade unions registered in respect of a particular trade. . . .”

Saya kurang jelas di sini oleh kerana di bawah Fasal 7, seksyen 12 ada mengatakan “may refuse” barangkali the operative word “may” ertinya pendaftar mungkin daftar yellow union ini. Dan apabila datang kepada Fasal 9, seksyen 15 (2): “Where two or more trade unions” Di sana kata; “may refuse” memberi satu gambaran bahawa pendaftar ini adalah orang tengah tidak akan benarkan lebih daripada satu union tetapi di sini mengatakan ada dua atau lebih. Macam-mana timbul dua atau lebih bilamana gambaran yang diberi oleh Menteri tadi adalah terang, tidak ada

lebih walaupun perkataan di sini “may”. Itu sebabnya saya katakan tadi perkataan-perkataan yang dipilih, phrases itu bahaya “may refuse”. Sekarang ada bukti pendaftar boleh lebih daripada satu kalau dia mahu “yellow union” atau 10 lagi union guna untuk membunuh lain-lain union yang benar-benar wujud bagi kepentingan pekerja dan mereka akan buat demi kepentingan majikan, inilah salahguna kuasa. Apa lagi sudah terang, di sini kata tidak boleh, beri gambaran “one” di sini mengatakan “Where two or more? How did it come, I do not know? Diharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak boleh langsung dia pakai “shall” Duduk!

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada yang hendak bercakap lagi, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana mengadakan isu yang tidak begitu kukuh. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan perkataan “may” yang kononnya telah dikuatirkan oleh mereka, itu saya ingin jelaskan bahawa itulah perkataan yang akan menunjukkan juga tuan pendaftar kita itu tidak akan menggunakan kuasa undang-undang itu dengan sewenang-wenangnya. Sekiranya kita masukkan perkataan “shall” itu lebih teruk nanti akibatnya. Jadi ini hanya satu perkataan yang membolehkan pendaftar kita menialankan tugas itu apabila beliau puas hati berasaskan penyiasatan dibuat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hujah-hujah yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi, saya ingin bercakap begini sahaja dalam ucapan saya yang panjang lebar apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan, saya telahpun memberi penjelasan yang cukup penuh yang hampir penuh dua muka surat dan saya harap tidak payahlah kita membazirkan masa di sini, dan kalau tidak terlampau menyusahkan saya minta beliau merujuk kepada Hansard untuk penjelasan yang sudah ada sekarang.

Oleh sebab itu, saya fikir tentulah kita tidak dapat menyokong cadangan pindaan-pindaan itu.

Tuan Pengerusi: Saya kemuka bagi diputuskan Usul pindaan kepada Fasal 9 yang hendak dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu mengemukakan satu hal dalam Fasal 10. Pindaan ini telah meminda kuasa dan dalam principal ordinance ditakluk kepada Menteri sahaja di mana kuasa Menteri untuk menahan ataupun “prohibition on activities during period of notice of intended cancellation or determination of appeal”. Dalam ordinan kuasa digunakan oleh Menteri sahaja dan dalam peruntukan ini kuasa dipinda digunakan sekarang oleh registrar. Ini menunjukkan dalam Rang Undang-undang ini ada banyak tempat, bukan saha'a kuasa yang baru tetapi kuasa yang digunakan oleh Menteri sekarang diberi kepada Pendaftar tetapi definition “Pendaftar” termasuk Trade Union Registration Officer yang sangat rendah.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi satu jaminan apabila Regulations ini dibuat semua kuasa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini akan boleh digunakan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja sahaja. Oleh kerana kita tengok kuasa-kuasa Menteri akan diberi kepada Pendaftar dan oleh kerana perkara ini ialah sangat serius kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jaminan yang solemn di sini bawahannya kuasa yang akan diberi kepada Registrar hanya boleh digunakan oleh Registrar of Trade Unions dan bukan lain-lain pegawai saya rasa worry atau anxiety kita boleh assuaged.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, oleh sebab pengtingnya perkara ini, maka itulah sebabnya Kerajaan telah beri kuasa kepada Pendaftar dahulu supaya perkara ini apabila

diputuskan olehnya dapatlah juga satu peringkat lagi untuk ulangkaji oleh Menteri sendiri.

Fasal 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 11 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Peruntukan ini memberi kuasa kepada Pendaftar untuk suspend satu branch Trade Union iaitu satu kuasa yang baru. Sungguhpun tadi di bawah Seksyen 10 saya ada minta satu jaminan bahawa semua kuasa yang dinamakan dalam Rang Undang-undang ini akan digunakan oleh Pendaftar sahaja dan jaminan ini akan dimaktubkan dalam Peraturan-peraturan (Regulations). Yang Berhormat Menteri tadi tidak menjawab apa yang saya bangkitkan, tetapi menjawab perkara lain yang saya tidak timbulkan dan apa yang saya sebutkan pun ada dalam Seksyen ini di mana—

“The Registrar may, if he is satisfied that a branch of a trade union has contravened the provisions of this Ordinance or the rules of the union, by order direct the suspension of such branch”; dan

“The order of suspension made under sub-section (1)—

(i) may contain such direction as the Registrar may consider expedient . . .”

Tuan Pengerusi, kuasa ini sangat besar dan mungkin tadi Yang Berhormat Menteri salah faham apa yang saya tanya. Saya mahu bertanya lagi di sini sama ada boleh beri satu jaminan bahawa kuasa semacam ini hanya boleh digunakan oleh Registrar of Trade Unions sahaja dan bukan lain-lain Trade Union Registration Officers dan jaminan ini akan dimaktubkan dalam Regulations.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling. Saya tidak mahu mengulangi apa yang dikatakan oleh rakan saya tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan tentang beberapa peruntukan yang ada di sini dan juga rangkaikata-rangkaikata (phrases) yang bahaya seperti "may consider expedient" dan sebagainya. Dalam pada itu saya hairan Yang Berhormat Menteri tidak memikirkan betapa perlunya bahawa kepentingan kesatuan sekerja cawangan patut juga diperindungi oleh kerana Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Registrar akan menjaga kedua-dua workmen dan employers tetapi di sini nampaknya ini berat sebelah bilamana dikatakan bahawa—

"The Registrar may, if he is satisfied that a branch of trade union has contravened the provisions of this Ordinance or the rules of the union, by order direct the suspension of such branch"; dan

"Order of suspension made under subsection (1) may contain such directions. . ." dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, apakah sebabnya pihak Kementerian Buruh tidak memikirkan betapa perlunya dimasukkan peruntukan tentang objection kepada Pendaftar untuk mengangut (suspend) satu-satu cawangan kesatuan sekerja. Tidak ada peruntukan dan bererti bahawa kesatuan sekerja atau the parent body mungkin tidak akan diberitahu, hanya branch sahaja. Saya mahu satu jaminan daripada Menteri dan satu penjelasan mengapa ia ditinggalkan seperti bolehkah branch atau union diberi peluang untuk object kepada suspension itu memberi sebab-sebab dan juga satu rayuan terhadap suspension. Jika sekiranya ada ke mana, dan sebagainya sebab tidak ada termaktub di bawah ini. Itulah saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Terima kasih. Tuan Pengerusi.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ingin memaklumkan kepada pihak Pembangkang iaitu seksyen ini sebenarnya ialah seksyen lama yang terdapat di Seksyen 15 Trade Union Ordinance, 1959. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat itu merujuk balik kepada Ordinance itu pada muka surat 8 dapatlah tahu seksyen ini bukan seksyen yang baru tetapi yang lama juga.

Berkenaan dengan appeal ataupun ulangkaji itu sekiranya kita baca balik Fasal 11 dalam Rang Undang-undang ini kita juga tentu dapat tahu bahawa memang ada jalan untuk merayu kepada Menteri apabila tidak puas hati tentang keputusan yang dibuat oleh Tuan Pendaftar Kesatuan Sekerja malahan luput masa suspension itu, Registrar sendiri pun dapat membatalkan suspension itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi meminta supaya saya sebagai Menteri Buruh memberi satu jaminan agar pada masa akan datang pegawai yang menjalankan kuasa di bawah Fasal II ini dihadkan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja sendiri. Saya sanggup membuat jaminan itu di sini dan oleh sebab itu tidak payahlah saya sokong pindaan yang dicadangkan itu.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan bagi diputuskan iaitu pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling iaitu Fasal 11 Rang Undang-undang ini dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Fasal 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 12 dipinda dengan cara yang telah dinyatakan dalam kertas yang telah dikemukakan di hadapan kita:

Fasal 12: Gantikan seksyen-kecil (7) yang terdapat dalam seksyen baru 18 yang dicadangkan itu dengan yang berikut—

"(7) An order or direction of the Minister under this section shall be final and conclusive."

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan bagi perbahasan kalau ada sesiapa yang hendak ambil bahagian. Kalau tidak, saya kemukakan bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling kemukakan pindaannya pula.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mencadangkan bahawa Fasal 12 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan. Peruntukan ini satu peruntukan yang sangat merbahaya di mana kuasa ini boleh sewenang-wenangnya disalahgunakan apabila kita meninjau apa yang berlaku khasnya dalam pertikaian MAS/AEU dan tidak boleh dinafikan pertikaian MAS/AEU berpunca, kenapa diadakan peruntukan ini, sebab-sebab atau keadaan di mana kuasa ini boleh digunakan untuk suspend a Trade Union untuk 6 bulan ialah di mana in his opinion i.e. in the opinion of the Minister of Labour, it shall be lawful:

“with the concurrence of the Minister responsible for internal security and public order, by order published in the *Gazette* to suspend for a period not exceeding six months any trade union, or any class or description of trade unions which, in his opinion is, or is being, used for purposes prejudicial to or incompatible with, the interests of the security of, or public order in, Malaysia or any part thereof”.

Tuan Pengerusi, istilah ini, “used for purposes Prejudicial to or incompatible with the interests of the security of, or public order in, Malaysia . . .” sangat luas dan boleh embrace atau boleh dikatakan a multitude of sins. Apa yang berlaku khasnya di dalam pertikaian MAS/AEU di mana 22 pekerja ditangkap, ditahan di bawah ISA.

Tuan Pengerusi: Saya ingat itu tidak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi itu perlu . . .

Tuan Pengerusi: Saya tahu itu perlu tetapi tidak ada lagi alasan sudah cukup sekali itu sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu kita tidak boleh terima peruntukan ini oleh kerana dengan peruntukan ini salahguna kuasa boleh berlaku dan yang ada berlaku. Dalam perkara ini kuasa-kuasa untuk menghentikan kegiatan-kegiatan kesatuan-kesatuan termasuk kuasa seperti di bawah Seksyen 18 (4) di mana Menteri boleh membuat atau mengeluarkan direction:

“18. (4) A direction given under subsection (3)—

(a) x x x x x x x x

(b) shall be valid and have full force and effect notwithstanding anything inconsistent therewith or contrary thereto contained in this Ordinance.”

Ini bererti bahawa kita akan memberi kuasa kepada Menteri Buruh untuk mengeluarkan arahan tanpa menghiraukan apa-apa dalam Ordinan ini. Ini lagi super-creature yang kita akan lahirkan. Saya tidak faham kenapa kalau ada apa-apa direction atau sebab mahu suspend satu union oleh kerana tidak mengikut undang-undang atau lain-lain sebab, kuasa Menteri tidak mepedulikan langsung peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan dalam Ordinan ini. Ini saya rasa tidak boleh diterima dan saya sangat tertarik hati peruntukan lama tadi dipinda di mana ada satu percubaan untuk mengeluarkan daripada bidang (jurisdiction) mahkamah semua order atau direction yang dikeluarkan dalam peruntukan-peruntukan ini. Sungguhpun begitu saya rasa Fasal ini terlalu dictatorial dan saya mencadangkan supaya ia dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan pindaan kepada Fasal 12 ini untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Saya menyokong rakan saya, saya nampak di sini ada kuasa besar ‘absolute discretion,

“18. (1) Notwithstanding anything in this Ordinance it shall be lawful for the Minister in his absolute discretion, but with the concurrence of the Minister responsible for internal security and public order . . .”

Ini saya nampak, Tuan Pengerusi, (*dengan izin*) “all powers are corrupt and absolute powers corrupt absolutely”. Ini absolute discretion, macam mana dia hendak gunakan discretion yang mana kesatuan-kesatuan takut dalam negara ini. Kerajaan boleh memakai seksyen ini sama ada kepada parti Pembangkang ataupun Kesatuan yang tidak menyokong penuh Kerajaan. “The absolute discretion” mesti ditarik balik oleh Kerajaan kalau ada absolute discretion dalam mana-mana satu undang-undang kita tidak akan mengormati judiciary ataupun natural course of justice.

Nombor dua: (*Dengan izin*)

“(2) Where in the opinion of the Minister the exigencies of the situation so require, the Minister may bring such order into

force immediately upon its being made and before its publication in the *Gazette*, but after publicising it in such manner as the Minister thinks fit"

Perkataan 'opinion' ini memberi kuasa besar, kadang-kadang Yang Berhormat Menteri mempunyai opinion yang tidak adil yang barangkali kita tidak terima, barangkali Yang Berhormat Menteri tidak boleh bersetuju atau menerima opinion kita mengenai apa yang dalam buku undang-undang kita (our statute books) bagi menetapkan satu-satu opinion itu boleh menghapus atau menghancurkan kesatuan-kesatuan yang hidup dalam Malaysia.

Saya merayu kepada Yang Berhormat ini perkara "opinion" ini tidak boleh dipakai kalau kita percaya kepada konsep keadilan.

Lagi, dalam Seksyen 18 (2) menyatakan:

"The Minister may bring such order into force immediately upon its being made and before its publication in the *Gazette*". Ini defeats semua aturan biasa yang kita ikut. Undang-undang negara kita diimplementasi atas "being gazetted." Tetapi ini belum dijezret, Menteri boleh ambil tindakan yang mana kuatkuasa ini boleh menghapuskan kebebasan kesatuan sekerja di negara kita. Saya membuat rayuan supaya tolonglah tarik balik absolute powers ini kerana abuse of power mesti akan berlaku.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, sepatutnya saya tidak payah mengulang apa yang saya telah jelaskan dalam ucapan pertama saya apabila saya mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya fikir hanya memadai saya menyentuh sedikit sahaja tentang apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Apabila beliau menyuarakan kekhawatiran itu saya jemput beliau juga mengkaji semula Fasal 12 iaitu Seksyen 18 (1) itu yang saya ingin petikkan di sini dan dengan izin, Tuan Pengerusi:

(*Dengan izin*)

"18. (1) which in his opinion, . . ." iaitu dalam opinion Menteri, "is, or is being, used for purposes prejudicial to or

incompatible with, the interests of the security of, or public order in, Malaysia or any part thereof."

Jadi maksud saya ialah, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak kira sama ada ada sekarang ataupun yang akan datang diikat oleh undang-undang ini supaya beliau menjalankan tugasnya di bawah Seksyen ini dengan betul dan bukan dengan sewenang-wenangnya.

Berkenaan dengan aspek-aspek yang lain itu, Tuan Pengerusi, saya fikir tidak payahlah saya membazirkan masa Dewan yang mulia ini. Hanya sekali lagi saya minta merujuk kepada ucapan saya yang pertama yang telahpun dicatat oleh Dewan ini dan saya tidak dapat menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemuka bagi diputuskan pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling supaya Fasal 12 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya kemukakan cadangan bahawa Fasal 13 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan. Sebab-sebabnya ialah sama dengan tadi apabila saya kemukakan pindaan kepada Fasal 8 di mana saya ada minta satu penjelasan kenapa ada satu kategori "withdrawal of certificate and cancellation" sampai sekarang tidak diberi.

Selain daripada itu, saya diminta merujuk kepada ordinan ibu. Yang Berhormat Menteri tidak tahu kenapa kategori itu ada. Nampaknya keadaan itu pun berbeza, dan saya mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan pindaan ini untuk perbahasan. Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri, kalau hendak bercakap.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, cadangan ini pun semacam, walaupun tidak serupa dengan cadangan yang telahpun kita bincangkan di bawah Fasal 8 apabila ianya timbul dan jawapan itu saya fikir serupa juga dengan jawapan yang telah diberi apabila Fasal 8 itu dibincangkan dan saya tidak bercadang untuk menambah apa yang saya pun telah beri pada ketika itu. Saya tidak dapat menyokong cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemuka bagi diputuskan iaitu pindaan, bahawa Fasal 13 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 13 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri mencadangkan pindaan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 14 seperti yang telah dijelaskan dalam kertas yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini dipinda. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 14:

Hurufkan semula perenggan (e) seksyen-kecil (1) seksyen baru 25A yang dicadangkan itu sebagai perenggan (f), dan masukkan perenggan baru (e) selepas sahaja perenggan (d) seksyen-kecil tersebut seperti berikut—

“(e) in respect of any matter covered by a direction or decision of the Minister given or made in any appeal to him under any provision of this Ordinance; or”.

Clause 14:

Re-letter paragraph (e) of subsection (1) of the proposed new section 25A as paragraph (f), and insert a new paragraph (e) immediately after paragraph (d) of the said subsection as follows—

“(e) in respect of any matter covered by a direction or decision of the Minister given or made in any appeal to him under any provision of this Ordinance; or”.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan pindaan ini untuk perbahasan. Kalau tidak ada perbahasan, saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaannya pula.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 14 tersebut dibatalkan.

Tuan Pengerusi, fasal ini satu fasal yang sangat luar biasa. Sungguhpun dengan tujuan untuk regulate strike dan lock-out tetapi yang pertama syarat-syarat yang terkandung dalam fasal ini sangat tidak reasonable sehingga boleh dikatakan satu strikepun tidak boleh diadakan. Oleh kerana sebab pertama, bahawa mesti ada at least two-thirds of its total number of members who are entitled to vote. Biasanya peruntukan semacam ini untuk control atau regulate strike; bukan sekarang tidak ada, ada. Dalam semua constitution Kesatuan-kesatuan mesti ada secret ballot, mesti ada two-thirds majority, tetapi two-thirds majority bagi mereka yang hadir dan mesti ada koram sebelum boleh mengadakan satu mesyuarat. Dan dengan peruntukan ini sungguhpun pemogokan tidak diharamkan walaupun boleh dikatakan sudah hampir diharamkan dan fasal ini pun menjadi satu contoh di mana pihak Kerajaan, Yang Berhormat Menteri kata bahawa pihak Kerajaan seimbang, even-handedness dalam kepentingan majikan dan kepentingan buruh menunjukkan itu tidak benar.

Kita baca Seksyen 25 A (1) “No trade union of workmen shall call for a strike, and no member thereof shall go on strike, and no trade union of employers shall declare a lock-out—

(a) in the case of a trade union of workmen, without first obtaining the consent by secret ballot of at least two-thirds of its total number of members who are entitled to vote and in respect of whom the strike is to be called; and in the case of a trade union of employers, without first obtaining by secret ballot the consent of at least two-thirds of its total number of members who are entitled to vote;”

Pada mukanya nampak sangat adil, kedua-dua pihak pun ada disekat, sebelum Kesatuan-kesatuan boleh melancarkan mogok mesti ada secret ballot dengan two-thirds vote dan sebelum majikan-majikan melancarkan lock-out mesti ada secret ballot dengan two-thirds vote.

Tetapi, Tuan Pengerusi, ini adalah satu imagination sahaja. Apabila seorang majikan atau majikan individu mengadakan lock-out, bukanlah Trade Union of Employers tidak pernah terjadi dalam sejarah Malaysia ada lock-out by Trade Union of Employers. By Employers, ada. Ini mana ada? Nampaknya kalau dengan secara ikhlas dan jujur orang yang draft peruntukan ini dia hidup dalam green world, dunia yang bukan dalam dunia ini. Langsung tidak ada berlaku. Dan sebab itu kalau ini menunjukkan satu even-handedness, inilah sebabnya ada uneven-handedness oleh kerana lock-out boleh berlaku tanpa secret ballot dengan two-thirds majority oleh kerana majikan individu yang akan jalankan. Sebab itu saya mahu bertanya apakah even-handedness di sini. Ada sekatan terhadap strike tetapi apakah sekatan terhadap lock-out? Saya katakan, tidak ada. Dan saya tahu ini boleh jadi satu laughing stock. Peruntukan ini tidak bererti langsung.

Tetapi ini akan menyekat tindakan-tindakan Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam mencapai dan menjaga kepentingan ahli-ahli mereka dan mogok sebagai satu senjata terakhir yang sangat penting supaya kepentingan-kepentingan pekerja boleh diseimbangkan dengan kuasa yang ada di dalam tangan majikan. Dan peruntukan dalam Seksyen 25A Seksyen-kecil (3) di mana ada kuasa untuk Pendaftar mengarahkan keanggotaan dilucut daripada register keahlian pun terbit daripada apa yang berlaku dalam pertikaian MAS/AEU. Boleh berlaku dengan sewenang-wenangnya, ada orang yang tidak campur dalam pertikaian pun namanya dilucut, dan ada orang yang sudah mati pun namanya diarah mesti dilucut daripada senarai register sebab tidak ada apa-apa peruntukan supaya rules of natural justice dipatuhi.

Saya rasa peruntukan-peruntukan ini nampaknya untuk impot kuasa-kuasa konsep-konsep police powers, ideas dalam arena atau bidang perusahaan perhubungan dan saya rasa tidak sepatutnya diadakan dalam Rang Undang-undang kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Fasal 14 sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, Fasal 14 (b) berbunyi:

“(b) before the expiry of seven days after submitting to the Registrar the results of such secret ballot in accordance with the provisions of subsection (5) of section 40;”

Fasal ini minta trade union selepas mengambil undi sulit hendaklah beri notis kepada Registrar (Pendaftar) dan tunggu selama tujuh hari sebelum mereka boleh menjalankan mogok. Mogok ini adalah senjata pekerja-pekerja. Pekerja-pekerja tidak akan mogok kecuali dipaksa mereka mogok. Ini satu senjata imposed kepada pekerja. Kalau dia tunggu selama 7 hari itu boleh memberi kuasa kepada majikan mengambil tindakan bermacam-macam dan boleh memecahkan perpaduan di tempat kerja. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri bagaimana beliau boleh membawa pindaan ini dan siapa yang menasihatkannya kita tidak tahu, mungkin kakitangan di pejabatnya.

Lagi satu perkara sub-seksyen (5) di mukasurat 13:

(5) The satisfaction of the Registrar under subsection (4) that the provisions of subsection (1) have been contravened by any person may be arrived at regardless as to whether or not there is any prosecution of any person for contravention of the said subsection (1).

Ini memberi kuasa Pendaftar menjadi hakim, prosecutor dan executor. Kalau Mahkamah belum dapat memutuskan sama ada salah atau tidak Pendaftar tidak boleh mengambil tindakan. Di sini diterangkan: whether or not there is any prosecution of any person for contravention of the said subsection. Registrar menjadi hakim sama ada orang itu bersalah atau tidak, kuasa itu besar yang dia boleh abuse pada masa akan datang. Saya membangkang Fasal 14 ini dan berharap Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan hal ini.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong pindaan yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling. Tuan Pengerusi, Fasal 14 New Section 25A (1) jelas menunjukkan betapa neutral Ordinan ini, betapa baiknya Ordinan ini dari pendapat Menteri untuk melindungi kepentingan-kepentingan pekerja. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya baca :

25A. (1) No trade union of workmen shall call for a strike, and no member thereof shall go on strike, and no trade union of employers shall declare a lock-out tetapi tidak ada—no member thereof shall declare a lock-outs.”

Tuan Pengerusi, ini bererti bahawa trade union tidak boleh tanpa memenuhi syarat dalam New Section 25A (1) (a) tidak sesiapa-pun ahli dalam kesatuan sekerja yang boleh mogok melainkan ia memenuhi lain-lain syarat tetapi bagi trade union of employers tidak ada member. Ertinya trade union of employers sendiri, ini bererti jikalau trade union of employers tidak membuat lock-out tetapi ahlinya individu yang buat ini tidak apply. Misalnya, ahli MAPA atau NCBA mahu declare satu lock-out tidak payah two-thirds majority. Apa pula dengan majikan-majikan yang tidak menjadi ahli dalam trade union of employers, lagi dahsyat, banyak perkara-perkara semacam ini ada berlaku dalam masa lampau lock-outs. Tetapi apabila Yang Berhormat Menteri mengemukakan pindaan-pindaan ini memberi satu gambaran bahawa kita adalah sangat adil. Trade Union of workmen bila hendak memanggil satu tindakan mogok mesti ada persetujuan ahli-ahli seramai dua pertiga (two-thirds of its total number of members). Bila pihak trade union of employers mahu juga dikehendaki. Tetapi apakah individual member dalam trade union of employers dan majikan-majikan yang tidak menjadi ahli di mana ada, saya tidak nampak. Nampaknya pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri iaitu pindaan asal itu memberikan satu privilege kepada majikan-majikan yang tidak menjadi ahli dalam trade union of employers dan juga secara individu boleh menggunakan privilege ini untuk bertindak tidak payah menggunakan (a) (b) (c) dan seterusnya.

Begitu juga tentang new section 25A (2) dan (3) nampaknya individual employer itu diberi perlindungan. Mereka diberi kebebasan untuk lock-out apa sahaja walaupun ada di

sini trade union of employers tetapi yang bukan tidak ada disebutkan. Oleh kerana nampaknya ini sangat bahaya dan yang mempunyai sifat-sifat yang bahaya terhadap pekerja dan kesatuan sekerja, maka saya menyokong penuh pindaan yang dibawa oleh rakan saya dari Petaling.

Tuan Pengerusi: Saya jemput kalau Yang Berhormat Menteri hendak bercakap.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak menimbulkan aspek-aspek baharu yang belum saya sentuh dalam ucapan pertama apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan kelmarin. Oleh sebab itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa yang saya sudah cakapkan dalam ucapan saya itu, dan saya tidak dapat menyokong pindaan-pindaan dicadangkan itu.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 16 dipinda dengan pindaan yang telah dinyatakan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita.

Pindaannya adalah seperti berikut :

Fasal 16:

- (a) Gantikan perkataan “given” yang terdapat dalam perenggan (f) seksyen-kecil (2) di bawah Fasal-kecil (a) dengan perkataan “issued”.
- (b) Gantikan seksyen-kecil (6) yang terdapat di bawah Fasal-Kecil (e) dengan yang berikut—

“(6) Any person or a group of persons who have sought a direction of the Chief Secretary to the Government under paragraph (f) of sub-section (2) or under sub-paragraph (i) of paragraph (aa) of subsection (3), and have failed to obtain such direction, or any person dissatisfied with any decision of the

Chief Secretary to the Government under subsection (5), may, within thirty days of the failure to obtain such direction, or of such decision, as the case may be, appeal to the Minister responsible for public services, whose decision thereon shall be final and conclusive”.

Clause 16:

- (a) Substitute the word “issued” for the word “given” appearing in paragraph (f) of subsection (2) under Sub-Clause (a).
- (b) Substitute for subsection (6) appearing under Sub-Clause (e) the following—

“(6) Any person or a group of persons who have sought a direction of the Chief Secretary to the Government under paragraph (f) of sub-section (2) or under sub-paragraph (i) of paragraph (aa) of subsection (3), and have failed to obtain such direction, or any person dissatisfied with any decision of the Chief Secretary to the Government under subsection (5), may, within thirty days of the failure to obtain such direction, or of such decision, as the case may be, appeal to the Minister responsible for public services, whose decision thereon shall be final and conclusive”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Petaling untuk mengemukakan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 16, cerai-ceraian (a), (b), (d) dan (e) dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa sangat kesal bahawa dalam pindaan-pindaan yang kita kemukakan bahawa tidak ada apa-apa penjelasan diberi. Tadi ada satu penjelasan daripada Menteri mengatakan bahawa tidak ada perkara yang tidak disentuh dalam ucapannya walaupun tadi kita ada kemukakan satu perkara yang baru kenapa bahawa peruntukan itu tidak seimbang dan kalau itulah sifat Yang Berhormat Menteri sengaja atau tidak sengaja terhadap hujah-hujah yang dikemukakan, baikpun oleh kerana beliau tak

tahu jawab langsung. Saya rasa inilah satu sikap yang sangat tidak bertanggungjawab. Beliau boleh kata bahawa pendapat kita salah dan kenapa salah tetapi tidak ada satu hujah. Kita kata bahawa itu tidak boleh seimbang oleh kerana majikan boleh lock-out individu-individu, kesatuan tidak boleh tetapi tidak dijawab cakap itu. Oh! tidak sentuh, tidak payah cakap, tidak payah jawab. Kalau itulah standard dan sikapnya terpulang kepada Yang Berhormat Menteri dan lebih baik beliau jangan memberi apa-apa jawapan dan mungkin lebih baik dia letak jawatan kalau tidak ada kebolehan untuk memberi jawapan yang memuaskan hati.

Tuan Pengerusi, seksyen 27 baru ini dengan seksyen-kecil (2) yang baru menyebabkan satu prinsip yang sangat penting mengenai hak-hak pekerja-pekerja atau kakitangan-kakitangan di sektor Kerajaan atau perkhidmatan awam untuk organise a collective bargaining dan perkara ini sudah jadi satu perkara yang sangat panjang masanya dan dengan peruntukan yang ada dalam Ordinan ini, saya rasa dengan pindaan ini akan lebih ketatkan khasnya dengan hak di mana cuma ada seorang dalam kategori diharam untuk masuk kesatuan-kesatuan sama ada oleh kerana beliau dalam confidential or security capacity atau public officers holding any post in the Managerial and Professional Group, semualah dalam tangan Chief Secretary to the Government.

Tadi ada satu pindaan diluluskan, tentulah bukan sebulat suara. Kalau dengan sebulat suara saya tidak akan ada pindaan di sini di mana ada berbunyi:

“(6) Any person or a group of persons who have sought a direction of the Chief Secretary to the Government under paragraph (f) of sub-section (2) or under sub-paragraph (i) of paragraph (aa) of subsection (3), and have failed to obtain such direction, or any person dissatisfied with any decision of the Chief Secretary to the Government under sub-section (5), may, within thirty days of the failure to obtain such direction, or of such decision, as the case may be appeal to the Minister responsible for public services, whose decision thereon shall be final and conclusive. . . .”

Apa yang saya sangat terperanjat di sini ialah bukan sahaja ada satu peruntukan di mana untuk rayuan kepada Menteri mengenai

satu keputusan yang salah, satu keputusan yang tidak adil tetapi having failed to obtain such direction. "Having failed" ialah Chief Secretary lalai, tidak mahu layan, tidak mahu fikir tidak mahu putuskan. Dalam Rang Undang-undang ini ialah institutionalised bahawa biasa pegawai-pegawai Kerajaan yang tinggi failed untuk menjalankan tugasnya, approved itu selalu.

Saya sangat terperanjat, "failed to obtain such direction". Inilah bererti Chief Secretary boleh tunjuk satu contoh ada hal failed untuk buat keputusan.

Saya tak tahu sama ada biasa Chief Secretary buat begitu, bila ada perkara untuk diputuskan dia failed putuskan dan lain-lain contoh Ketua Setiausaha failed untuk buat keputusan. Saya rasa ini kalau buat begitu satu insult, tauladan yang tidak sihat dan untuk maruah dan kedudukan Ketua Setiausaha, untuk pentadbiran bahawa lebih baiklah ini dipotong supaya tidak ada berlaku failed to give direction, mesti give direction dan kalau tak setuju—salah, itu boleh appeal tetapi mana boleh "failed to give direction dan ini dibenarkan.

Saya rasa kalau inilah style Kerajaan atau Kementerian Buruh akan menjalankan, kita tidak boleh salahkan sesiapa selain daripada Kerajaan sendiri kalau standard of efficiency, performance dalam Kerajaan sehari demi sehari merosot kalau Ketua Setiausaha pun selalu "failed to give direction". Tetapi mengenai hak-hak untuk pekerja-pekerja di public service untuk diorganisekan saya rasa sekatan ini sangat tidak patut dan cara yang lebih adil, lebih longgar, flexible diadakan.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 16 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada perbincangan, saya jemput Yang Berhormat Menteri kalau ada hendak menjawab.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak payahlah terlalu puji kepada Menteri Buruh yang kononnya mengikut beliau itu ada menjalankan tugas Kerajaan, kerana kita menjaga sebuah Kementerian sahaja di antara banyak-banyak lagi.

Tuan Pengerusi, beliau tentu tahu apabila saya kemukakan Rang Undang-undang ini saya pun telah memberi cukup penuh dan

halus butir-butir berkenaan hal ini. Secara ringkasnya yang saya telah sentuh itu ialah kerana kepentingan pentadbiran negara kita dan juga mengelakkan percanggahan kejujuran ataupun percanggahan kepentingan seseorang pegawai tinggi kita apabila mereka itu menjalankan tugas. Oleh sebab itu, saya tidak dapat sokong cadangan pindaan itu.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 16 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa ceraihan 17 (b) Rang Undang-undang tersebut dipinda dengan "membatalkan perenggan (c) seksyen-kecil itu".

Tuan Pengerusi, seksyen 28 dalam Ordinan ibu berbunyi bahawa:

"A person shall not act as a member of the executive of a trade union or of any branch thereof of any federation of trade unions and shall be disqualified for election as such member if—

(a) x x x x

(b) x x x x

(c) (i) he is an officer or an employee of a political party."

Tuan Pengerusi, kita ada dengar semalam dan dahulu bahawa dasar Kerajaan ialah bahawa politik dan Trade Unionisma mesti dipisahkan, tidak boleh dicampurkan. Tetapi kita mesti faham bahawa dasar ini yang akan melibatkan hak-hak pekerja-pekerja iaitu satu keputusan politik yang diambil oleh parti pemerintah dan tentulah pekerja-pekerja mesti ada hak di mana mereka boleh baikpun secara langsung atau tidak langsung mengadakan wakil dalam Dewan Rakyat yang mulia ini di mana mereka boleh mengambil bahagian supaya mempengaruhi bentuk Akta-akta atau undang-undang mengenai pergerakan buruh dan pekerja-pekerja dan diadakan peruntukan-peruntukan di mana

menafikan hak pekerja-pekerja untuk mengambil bahagian untuk menentukan bentuk Rang Undang-undang Buruh dan lain-lain yang ada sangkut-paut dengan masa depan mereka. Ini sangat tidak adil dan diperkenalkan dalam tahun 1969 dan sekarang telah berjalan selama sepuluh tahun patutlah dibatalkan supaya tidak ada double standards di mana majikan-majikan dengan senangnya, dengan kaya-raja boleh mempengaruhi Kerajaan untuk menentukan undang-undang mengenai buruh tetapi pekerja-pekerja tidak ada peruntukan atau memperseimbangkan peluang ini. Inilah yang patut dibatalkan kalau kita mahu satu keadaan yang lebih adil supaya hak-hak politik pekerja tidak dirampaskan.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 17 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau ada Yang Berhormat Menteri hendak bercakap.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, dalam ucapan saya pun ada juga penjelasan tentang aspek ini dan tidak payah saya jelaskan lagi.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan untuk diputuskan bahawa pindaan kepada Fasal 17 berbunyi:

Bahawa ceraihan 17 (b) Rang Undang-undang tersebut dipinda dengan "membatalkan perenggan (c1) seksyen-kecil (1) itu." Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 18 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan. Sebab-sebab ada berkaitan dengan pindaan tadi di mana ada peruntukan sekarang bahawa seseorang yang employed tidak ada kuasa untuk mengundi dalam executive sebuah kesatuan dan peruntukan ini bertujuan untuk menyekat kegiatan-kegiatan kesatuan dan merupakan satu sekatan baru yang tidak sihat dan tidak patut diadakan dalam Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 18 sekarang terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, muka 19—(3) (*dengan izin*)—

"(3) Any person who is disqualified to be employed by a trade union under the provisions of sub-section (1) or sub-section (2) and has himself so employed without first obtaining the exemption of the Minister under section 30 (b) of this Ordinance shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding one year, or to a fine not exceeding two thousand ringgit, or to both."

Perenggan ini ada memberi satu kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Kesatuan sekarang adalah dalam masyarakat moden dan tadi seorang Ahli Yang Berhormat dari parti pemerintah berkata, kesatuan-kesatuan ada modal, ada wang dan barangkali dia hendak merampas. Tetapi kalau sesuatu kesatuan hendak menggunakan seorang lawyer ataupun peguam menasihati kepada kesatuan, luar daripada orang yang bekerja, dia hendak menggunakan seorang ekonomis, barangkali untuk menasihati berkenaan kewangan, ia mesti meminta kebenaran daripada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat barangkali boleh memberi kebenaran ataupun beliau boleh menolak. Kuasa penuh itu ada di tangan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Ada juga kesatuan yang mahu pakai executive kerja. Executive itu kalau dia ikut arahan daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dia boleh dapat kebenaran memegang jawatan executive. Kalau Menteri Buruh dan Tenaga memikirkan orang ini tidak akan menerima arahan daripada beliau, beliau boleh tolak. Saya nampak kuasa ini sangat kuat dan barangkali akan merosakkan kesatuan dan tidak beri peluang kepada kesatuan-kesatuan untuk memakai orang yang intelligent, orang yang boleh nasihat kesatuan bukan untuk kerja biasa atau kerja hari-hari tetapi kerja luar biasa.

Juga kesatuan-kesatuan yang ada modal sekarang dan ada investment dalam kilang-kilang ataupun lain-lain tempat mesti menggunakan orang luar; kuasa penuh yang ada

pada Menteri boleh jadi satu obstruction. Barangkali Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh jawab apa yang beliau fikirkan.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri, kalau ada.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, hanya satu aspek sahaja yang agak dapat minat untuk disebutkan iaitu berkenaan dengan seksyen 29 (1) (a) dan dengan izin saya petikkan:

“(a) the holder of a full-time office as secretary, assistant secretary, treasurer or assistant treasurer who is elected in accordance with the rules of such union.”

Jadi, Tuan Pengerusi, ini boleh dikatakan satu konsesi yang Kerajaan beri supaya membolehkan “the holder of a full time officer as a secretary.” yang dinyatakan dalam 29 (a) (1). Sekiranya tidak ada konsesi ini, jadi orang-orang yang boleh dibawa dalam takrif ini tidak dapat menjadikan member of executive council kepada Trade Union ataupun Kesatuan Sekerja.

Selain dari itu, saya tidak bercadang untuk mengulaskan dan saya tidak dapat menyokong pindaan yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan bagi diputuskan iaitu pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa:

Fasal 18 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 19 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 20—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa:

Fasal 20 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Saya menyentuh khasnya mengenai paragraph (b) dalam Seksyen 20 di mana ada satu peruntukan mengenai keperluan mengadakan sekurang-kurangnya separuh keahlian yang entitled to vote sebelum peraturan-peraturan dalam satu kesatuan boleh dipinda kalau akibatnya ialah untuk increase liability of members to contribute or decrease the benefits to which the members are entitled. Oleh kerana selalunya apa yang biasa ialah bahawa vote mengikut ahli-ahli yang menghadiri dan kalau ada korum itulah satu simple majority dan kalau semua ahli-ahli yang perlu hadir khasnya untuk kesatuan yang ada ahli-ahli di seluruh negara akan rumit dan akan menyulitkan perjalanan kesatuan-kesatuan.

Tuan Pengerusi: Fasal 20 pindaan ini sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau ada Yang Berhormat Menteri hendak bercakap.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Sebenarnya perkataan-perkataan yang dipakai di dalam proviso kepada seksyen 38 ini adalah dalam rangkaian yang cukup jelas dan saya tidak nampak macam mana kita dapat salah faham tentang apa yang dicatitkan di dalam Rang Undang-undang ini. Apa yang telah dikatakan di sini itulah maknanya yang ada. Dan saya tidak bercadang untuk mengulas apa yang telah ada di dalam Rang Undang-undang ini dan saya tidak menyokong pindaan itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 20 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan pindaannya.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 21 dipinda dengan butir-butir yang telah tercatat dalam kertas yang telah dikemukakan di hadapan kita sebagaimana berikut:

Fasal 21: Gantikan Fasal 21 dengan yang berikut—

“Seksyen 21. Seksyen 39 Ordinan itu adalah dipotong.”

Clause 21: Substitute for Clause 21 the following—

“Deletion 21. Section 39 of the Ordinance is deleted.”

Tuan Pengerusi: Pindaan Fasal 21 sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, oleh kerana Fasal ini dipotong sama dengan tujuan saya, saya rasa tak payahlah saya bawa cadangan pindaan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 21 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 22—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa Fasal 22 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan. Peruntukan ini mengenai secret ballot, sungguhpun ada beberapa peruntukan di dalam Akta yang kita ada peruntukan ini memperluaskan definasi secret ballot dan memberi kuasa kepada Registrar untuk declare iaitu seksyen 40 (9) berbunyi:

(9) The Registrar may in any particular case declare a secret ballot taken by a trade union to be invalid if he is satisfied that the trade union has contravened any provision of this Ordinance, or of any regulations, or of any of its rules in carrying out such secret ballot.”

Tuan Pengerusi, di mana dinyatakan bahawa kuasa diberi kepada Registrar nutuk mengisytiharkan bahawa satu secret ballot tidak valid kalau ada melanggar peruntukan-peruntukan dalam Ordinan dan peraturan boleh menimbulkan keadaan-keadaan di mana fungsi-fungsi trade union akan dihampered. Dan perkara semacam tadi ada bersangkutan dengan peruntukan secret ballot, lock-out strike tetapi tidak sebenarnya mempertahankan sesuatu majikan untuk menjalankan lock-out Peruntukan-peruntukan

semacam ini tidak ada keadilan untuk menjaga satu keseimbangan antara majikan (employer) dan buruh dan oleh kerana ini serupa satu lagi langkah untuk menyusahkan perjalanan kerja-kerja dan aktiviti kesatuan-kesatuan. Saya cadangkan bahawa fasal ini dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Usul untuk meminda Fasal 22 sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara sahaja yang hendak saya minta penjelasan iaitu mengenai lock-out. Lock-out ini biasanya dibuat oleh majikan, bukan oleh pekerja. Apakah definasi Yang Berhormat Menteri mengenai lock-out, sila beritahu Dewan ini. Begitu juga kuasa Registrar, macam mana kesatuan itu ambil undi sulit. Dia boleh bertanya, kalau dia tak puas hati dan boleh declare, dengan izin:

“(9) The Registrar may in any particular case declare a secret ballot taken by a trade union to be invalid if he is satisfied that the trade union has contravened any provision of this Ordinance, or of any regulations, or of any of its rules in carrying out such secret ballot.”

Atas peruntukan ini tidak ada rayuan sama siapa—tidak ada, kalau Registrar itu beri arahan undi sulit tidak boleh diterima—itu kena tutup, tamat tidak boleh lagi buat rayuan kepada badan-badan perundangan lain. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri bagi penerangan.

Tuan Pengerusi: Ini takrif lock-out patut dibangkitkan apabila membincangkan Fasal (2) (1) (e) tadi.

Sekarang saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 22 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa seksyen baru 52 (2) (d) yang dicadangkan kepada Ordinan tersebut dibatalkan dan perenggan-perenggan (e) dan (f) seksyen kecil (2) dinomborkan semula sebagai (d) dan (e).

Peruntukan ini, Tuan Pengerusi, ialah untuk prohibit funds of the registered trade union for political objects either directly or indirectly. Dan di dalam definisi untuk political object ada enam (6) kategori di mana tabung kesatuan sekerja tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan politik. Dan berkaitan dengan apa yang saya sebutkan tadi mengenai asas dan dasar-dasar ialah berpunca daripada politik dan masa depan pekerja-pekerja tidak boleh dipisahkan daripada politik, saya rasa ada sekatan begitu ketat, ini ialah satu denial, satu penafian kepada pekerja untuk assert, untuk menikmati hak pekerja Malaysia. Sekurang-kurangnya untuk kategori (d):

(d) the registration of electors or the selection of a candidate for membership of the Dewan Rakyat or any Dewan Undangan Negeri;

Ini tidak boleh diharamkan, oleh kerana untuk setiap pekerja atau kesatuan mengadakan kempen supaya semua pekerja menjadi pemilih atau supaya boleh mengadakan orang-orang yang boleh bersimpati dengan aspirasi-aspirasi pekerja di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Satu hasrat yang sangat sah, sangat legitimate dan kalau ada Akta dan undang-undang di mana pun menjalankan kempen untuk mendaftar pekerja-pekerja sebagai electoral atau selection of the candidate for membership of Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, tentulah menunjukkan bahawa parti pemerintah sangat takut bahawa ada kesedaran di kalangan pekerja-pekerja dan mahu menyekat pergerakan pekerja ataupun pekerja-pekerja yang biasa daripada menggunakan hak-hak politik yang sangat common yang sangat simple. Saya rasa undang-undang semacam ini menunjukkan satu sikap yang sangat tidak bertoleransi dan tidak adil. Saya cadangkan bahawa Fasal ini dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Pindaan dikemuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat percaya satu konsep demokrasi di sini seperti di Fasal 27, Seksyen 52 (2) (d)

“27 (d) the registration of electors of the selection of a candidate for membership of the Dewan Rakyat or any Dewan Undangan Negeri;”

Berkenaan dengan registration of electors, warganegara Malaysia di tiap-tiap kawasan ataupun tiap-tiap daerah ada peluang untuk mendaftar sebagai pengundi di pejabat-pejabat kesatuan dan biasanya kesatuan-kesatuan menyimpan borang mengundi dalam pejabatnya dan saya hendak tahu sama ada ini adakah salah atau tidak. Ini satu helah daripada Election Commission meminta pertolongan daripada semua badan-badan untuk mendaftar pengundi di Malaysia. Kalau permintaan sedemikian diterima ini boleh melanggar konsep Kerajaan juga. Lagi satu:

“27 (c) the maintenance of any person who is a member of the Dewan Rakyat or any Dewan Undangan Negeri;”

Saya minta Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi definisi apakah “the maintenance”;

“27 (b) the holding of any meeting or the distribution of any literature or documents in support of any such candidate or prospective candidate;”

Mengikut Perlembagaan kita siapa pun boleh jadi calon. Kalau seseorang hendak sokong calon itu, itu hak dia dan siapa pun boleh keluarkan literature tetapi kalau orang itu menjadi ahli kesatuan dia tidak boleh keluarkan literature kerana itu boleh jadi salah di bawah undang-undang ini. Saya minta keterangan ini kerana saya nampak ini melanggar atau menghapuskan asas konsep demokrasi dalam negara kita.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, saya mahu berucap sedikit menyokong Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Oleh sebab pada hari ini kalau Dewan ini mempunyai lebih ahli dari lapangan trade union Rang Undang-undang ini tidak boleh diluluskan. Oleh

sebab itu saya rasa kalau kesatuan-kesatuan sekerja tidak mempunyai kuasa memilih (select) ahli-ahlinya kepada Deawn ini, ini sangat tidak adil kepada mereka. Di mana-mana negara pun yang mengamalkan sistem demokrasi, misalnya di United Kingdom dan Amerika, kesatuan-kesatuan ada ahli-ahli dalam Dewan Perundangan—bukan satu tetapi banyak kerana kesatuan dibiarkan campurtangan dalam politik. Sekiranya negara kita betul-betul mengamalkan sistem demokrasi berparlimen kita tidak boleh menafikan (deny), kepada kesatuan-kesatuan peluang untuk mendaftar pengundi-pengundi atau mengadakan calon-calon mereka dalam pilihanraya. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan daripada Ahli dari Petaling.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, nampaknya di sini sudah timbul sedikit kekeliruan dalam fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Pada prinsipnya apa yang dilarang di sini ialah kegunaan wang tabung kesatuan sekerja dan bukan kegunaan wang persendirian dan tidak timbul juga perkara sokongan moral dan oleh sebab itu saya tidak dapat menyokong cadangan yang telah dibuat itu.

Tuan Pengerusi: Saya kemukakan bagi diputuskan, soalnya ialah bahawa Seksyen Baru 52 (d) yang dicadangkan kepada Ordinan tersebut dibatalkan dan perenggan-perenggan (e) dan (f) seksyen-kecil (2) dinomborkan semula sebagai (d) dan (e).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 28 hingga 33 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 34—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan cadangannya.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan, Bahawa Fasal 34 dipinda mengikut seperti yang telah dinyatakan dalam Kertas yang telah dikemukakan di hadapan kita.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 34 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada perbahasan saya kemukakan bahawa cadangan meminda Fasal 34 yang berbunyi:

Fasal 34: Masukkan selepas sahaja perkataan "Registrar" yang terdapat dalam seksyen-kecil (1) seksyen 64 perkataan-perkataan "with the prior written consent of the Public Prosecutor".

Clause 34: Insert immediately after the word "Registrar" appearing in subsection (1) of section 64 the words "with the prior written consent of the Public Prosecutor".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa Fasal 34 Rang Undang-undang ini dibatalkan. Peruntukan ini akan berkaitan dengan kuasa polis Pendaftar Kesatuan Sekerja di mana peranan Pendaftar ditukar daripada sebagai satu pegawai untuk regulate perhubungan perusahaan kepada seorang yang ada police dan punitive powers di mana sub-seksyen (2) memberikan kuasa kepada Registrar:

"(a) for the purposes of discharging any of his duties or carrying out any of his functions under this Ordinance or any regulations. . . . enter at any reasonable time into the registered office of a trade union or any premises or place which he has reason to believe is kept or used for the purposes of the trade union and may carry out such inspection and examination as he may consider necessary."

Definasi ini adalah sangat luas oleh kerana ada satu lagi seksyen di mana mengatakan semua kegiatan-kegiatan Registrar ialah mengikut fungsi-fungsi beliau di mana memberi kuasa kepada Registrar untuk to carry out any search, inspection or examination of any such office, premises or place after obtaining a search warrant from a Magistrate and the Registrar is also empowered to seize or detain any article or document found therein which may be required for the purposes of prosecution.

Tuan Pengerusi, peruntukan semacam ini di mana peranan seorang Pendaftar ditukar jauh beza daripada peranannya sebagai orang untuk mengregulatekan supaya perusahaan perindustrian dijalankan dengan order dan memperkenalkan konsep-konsep kepada polis, saya rasa tidak sesuai dan oleh sebab itu saya mencadangkan fasal ini dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Usul meminda Fasal 34 supaya dibatalkan sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada perbincangan, dijemput Yang Berhormat Menteri kalau hendak bercakap.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, hanya saya ingin memberi jaminan di sini apabila Registrar di bawah Rang Undang-undang ini menjalankan tugas-tugas beliau tentulah kuasa yang ada diberi kepada beliau itu akan digunakan dengan adil dan saksama dan oleh sebab itu saya tidak dapat menyokong pindaan itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan untuk diputuskan bahawa Fasal 34 Rang Udnang-undang ini dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 34 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 35 hingga 38 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 39—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 39 dipinda dengan perkara yang dinyatakan dalam kertas yang telah dikemukakan di hadapan kita :

Fasal 39—

- (a) Potong perenggan (i) seksyen-kecil (1) seksyen 71A dan hurufkan semula perenggan-perenggan (j), (k), (l) dan (m) seksyen-kecil (1) tersebut masing-masing sebagai perenggan-perenggan (i), (j), (k) dan (l); dan
- (b) Gantikan seksyen-kecil (4) seksyen 71A dengan yang berikut—

“(4) A direction or decision of the Minister under this section shall be final and conclusive.”

Clause 39:

- (a) Delete paragraph (i) of subsection (1) of section 71A and re-letter paragraphs (j), (k), (l) and (m) of the said subsection (1) as paragraphs (i), (j), (k) and (l) respectively; and
- (b) Substitute for subsection (4) of section 71A the following—

“(4) A direction or decision of the Minister under this section shall be final and conclusive.”

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 39 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang terbuka untuk perbincangan. Kalau tidak ada perbincangan, saya kemukakan untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk mengemukakan pindaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Fasal 39 Rang Undang-undang ini dibatalkan.

Saya ingat bahawa ada satu pindaan di mana satu tujuan asal untuk seboleh-bolehnya oust jurisdiction mahkamah. Ada sedikit tukar fikiran kemudian. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri semalam berkata tidak ada tujuan untuk oust jurisdiction dan ada peruntukan bahawa apa-apa yang improper dan unlawful boleh direviewed di bawah inherent jurisdiction of the High Court, tetapi saya rasa ini tidak boleh dinafikan apabila kita baca pindaan yang asal di mana ada satu cuba yang sangat pahit untuk oust jurisdiction of the courts dan di mana ada menunjukkan bahawa nampaknya dalam peringkat kakitangan Kerajaan yang sangat tinggi ada tidak confidence dalam mahkamah kita supaya ada percubaan bahawa certiorari, prohibition, mandamus or injunction semua tidak boleh diadakan. Sungguhpun sekarang dikatakan ada satu pindaan tetapi usaha masa itu ada orang yang fikir begitu mesti dikutuk (condemn) supaya di masa hadapan tidak ada lagi apa-apa percubaan di mana kuasa Executive boleh dikecualikan daripada apa-apa review oleh pihak Mahkamah. Oleh kerana kalau begitu dalam negara kita tidak ada lagi Rule of Law dan sungguhpun ada

satu pindaan tetapi oleh kerana masih ada orang yang cuba, force it through, ini mesti dicondemn.

Saya rasa sangat mustahak dan tidak patut ada lagi berlaku dan tidak patut ada dalam fikiran sesiapa dalam pihak Kerajaan dan dengan itu saya cadangkan.

Tuan Pengerusi: Usul pindaan kepada Fasal 39 saya kemukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Menteri hendak bercakap?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ingin minta kerjasama sahaja daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling kerana beliau sebagai seorang peguam tentu tahu selok-belok berkenaan dengan perkara yang kita bincangkan ini. Walau bagaimana kita hendak menyekat ataupun kononnya hendak menyekat kuasa High Court kita, beliau juga tahu ini tidak akan dibuat. Memang bukanlah hasrat Kerajaan untuk mengoustkan jurisdiction High Court kita itu dan saya fikir dan yakin beliau sebagai seorang peguam yang cekap dan juga kalaulah seorang pemimpin Pembangkang yang jujur kepada Kerajaan, saya minta kerjasama beliau itu kalau ada orang menimbulkan kekhawatiran tentang ini haraplah membuat penjelasan kepada mereka itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemukakan bagi diputuskan usul pindaan daripada Yang Berhormat dari Petaling bahawa Fasal 39 Rang undang-undang ini dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 40—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya cadangkan yang akhir sekali iaitu Fasal 40 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Peruntukan ini adalah sangat terang dan jelas untuk menyekat iaitu control affiliation bukan sahaja di luar negeri tetapi juga dalam negeri, bukan sahaja di antarabangsa tetapi

juga tentulah tidak silap MTUC, di mana ada kuasa yang sangat luas untuk Pendaftar boleh gunakan untuk menggugat (intimidate) kesatuan-kesatuan, toe the line, so to say.

Peruntukan 76C (1) berbunyi—

“76C. (1) The Registrar may, where he is satisfied that—

- (a) any trade union to which permission has been granted under subsection (1) of section 76C; or
- (b) the consultative or similar body with which such trade union is affiliated, or of which it is a member,

has acted or is acting in contravention of any provision of this Ordinance or any other written law or any condition imposed by him, withdraw such permission and thereupon such trade union shall cease its affiliation with, or membership of, such consultative or similar body.”

Ertinya, kalau ada apa-apa pelanggaran sesuatu peruntukan atau peraturan yang kecil untuk memberi peluang dan kuasa kepada Pendaftar invoke kuasanya dalam peruntukan ini, untuk de-affiliate atau mengarahkan bahawa affiliations dalam negeri atau antarabangsa diputuskan.

Saya rasa sungguhpun ada hujah-hujah bahawa international trade unions tidak bertanggungjawab, ada new economic imperialism dan mahu menjahanamkan ekonomi Malaysia, saya rasa tidak patut kita begitu irrational dan sungguhpun kita jangan membenarkan kesatuan-kesatuan antarabangsa untuk memperalatkan kesatuan-kesatuan Malaysia dan pekerja-pekerja Malaysia untuk menjalankan apa-apa tindakan yang tidak bersandar kepada ekonomi negara kita. Penyertaan kesatuan-kesatuan sekerja kita di dalam badan-badan antarabangsa pun boleh dapat keuntungan bukan sahaja kepada pekerja-pekerja tetapi juga kepada Malaysia dan oleh kerana kalau logik bahawa semua badan antarabangsa itu khasnya international trade unions tidak beruntung, kenapa Kerajaan Malaysia pergi ambil bahagian dalam ILO (International Labour Organisation) dan kalau begitu bukan sahaja international trade unions tetapi international economic creatures, multi-national corporations adalah lebih merbahaya dan apa sekatannya?

Sebab itu saya rasa janganlah kita selalu irrational dan emotional memikirkan sama ada untung ataupun tidak berfaedah tetapi apa yang boleh digunakan atas kepentingan pekerja-pekerja, kesatuan-kesatuan dan ekonomi Malaysia. Saya rasa ada satu peraturan di mana affiliation ini disekat untuk kepentingan sesiapa yang menduduki kerusi itu sebagai Pendaftar atau Menteri Buruh diturunkan kepada satu tingkat yang tidak patut dan apa yang patut dibuatnya ialah memulihkan keadaan yang kita hadapi sekarang dan khasnya control over affiliations di dalam negara kita lebih tidak berpatutan dan tidak berasas. Dengan tujuan itu saya mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Usul pindaan kepada Fasal 40 sekarang terbuka untuk dibahaskan. Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya kemukakan untuk diputuskan iaitu usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Fasal 40 Rang Undang-undang ini dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 40 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 41 hingga 43 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.32 m/m.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang supaya suatu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dibaca kali kedua.

Bagi mengemukakan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini saya telahpun menjelaskan secara detail falsafah am dan pendekatan Kerajaan semasa membentang untuk Bacaan Kali Kedua Akta Kesatuan

Sekerja (Pindaan), 1980. Rang Undang-undang ini perlulah dibaca sebagai sebahagian daripada kajian semula menyeluruh yang telah dilaksanakan terhadap Undang-undang Buruh. Rang Undang-undang ini adalah mencerminkan keperluan-keperluan suasana sosio-ekonomi di sekeliling kita, serta kehendak-kehendak masa sekarang yang kian berubah dan bagi menghadapi cabaran masa hadapan kita.

Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 adalah mengaturkan perhubungan bersama di antara pekerja-pekerja yang diwakili oleh kesatuan sekerja mereka dan majikan yang diwakili atau tidak oleh kesatuan sekerja majikan. Akta ini menghuraikan peraturan-peraturan bagi mengemukakan tuntutan oleh kesatuan sekerja berkaitan dengan pengiktirafan dan cadangan-cadangan bagi perjanjian bersama mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk cara-cara penyelesaian pertikaian yang timbul darinya. Akta ini seterusnya melindungi hak-hak pekerja dan majikan dan kesatuan mereka masing-masing di dalam konteks perhubungan bersama mereka.

Walaupun rangka bentuk Akta ini dari segi mengatur perhubungan bersama telah dapat menghadapi cabaran peredaran masa, beberapa kelemahan dan kesamaran telah zahir. Rang Undang-undang di hadapan Dewan ini sekarang bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu.

Pindaan yang Kerajaan cadangkan ini adalah berasaskan kepada betapa perlunya peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta diselaraskan, dengan tujuan mencapai objektif-objektif asas, Akta tersebut. Perhubungan bersama di kalangan majikan dan pekerja-pekerja serta kesatuan mereka, hendaklah diwujudkan di atas satu asas yang teguh dan sihat. Dengan cara ini, isu-isu dan masalah-masalah yang timbul dalam perhubungan mereka itu dapat diselesaikan dengan cepat, adil efektif. Dengan demikian, pihak-pihak berkenaan dapatlah berbincang antara sesama mereka tentang keperluan dan kehendak masing-masing, dan jika menghadapi kesulitan atau gagal menyelesaikan masalah mereka, maka bolehlah mereka mendapatkan bantuan khidmat runding damai dari Kementerian saya. Di mana runding-damai juga turut gagal maka Menteri bolehlah merujukkan pertikaian itu ke Mahkamah

Perusahaan untuk mendapat satu keputusan adil dan saksama yang mengikut Undang-undang adalah muktamad dan konklusif.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidak akan menukar corak rangka bentuk perhubungan buruh dengan apa cara jua pun. Sistem perundingan-damai dan timbangtara yang telah diperkenalkan dalam tahun 1967 didapati berjalan dengan baik. Pihak-pihak yang terlibat, malah seluruh negara, telah mendapat manfaat hasil daripada penyelesaian pertikaian yang dibuat secara teratur dan saksama. Pindaan-pindaan yang dibentangkan dalam Dewan ini hanya bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem ini. Di dalam beberapa aspek ianya melicinkan peraturan-peraturan dan keperluan untuk mencapai objektif-objektif tersebut.

Sekarang saya akan menghuraikan berbagai fasal di dalam Rang Undang-undang ini untuk membantu Dewan ini memahami objektif-objektif Kerajaan dalam perkara ini.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada beberapa takrif yang ada sekarang.

“party”—takrif yang terdapat sekarang adalah longgar. Takrif baru ini menentukan bahawa hanya sesebuah kesatuan sekerja yang mewakili kesemua atau sebilangan daripada ahli-ahlinya dan majikan yang berkenaan atau sesebuah kesatuan sekerja majikan yang mewakilinya sahajalah, yang merupakan “party” di dalam sesuatu pertikaian perusahaan.

“strike”—takrif baru ini, adalah hampir sama dengan takrif sekarang. Perkataan “body of persons” adalah digantikan dengan perkataan “body of workmen” perkataan “persons” ini adalah juga meliputi orang-orang yang lain daripada “workmen”. Adalah menjadi tujuan undang-undang ini sekarang supaya tindakan perusahaan seperti mogok, hendaklah dihadkan kepada pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung di dalam suatu pertikaian perusahaan dengan majikan mereka. Orang-orang lain yang tidak terlibat secara langsung mestilah dikeluarkan. Itulah sebabnya “body of persons” digantikan dengan “body of workmen” supaya orang-orang yang tidak terlibat adalah terkeluar. Ini perlulah dibaca bersama-sama dengan takrif baru “trade dispute”.

“trade dispute”—takrif baru ini menghadkan sesuatu pertikaian perusahaan itu kepada seseorang majikan dan pekerja-pekerjanya

sahaja, dan pertikaian itu hendaklah berkaitan dengan pekerjaan mereka. Takrif yang ada sekarang adalah meliputi pertikaian-pertikaian di antara pekerja dengan pekerja, di antara majikan dengan majikan, dan di antara majikan dengan pekerja-pekerja yang mungkin tidak digaji olehnya. Adalah difikirkan perlu untuk menghadkan bidang ini hanya kepada majikan dan pekerja-pekerjanya sahaja dan tidak orang-orang lain. Demikianlah tujuan takrif baru ini.

“essential service”—istilah baru ini menggantikan istilah yang ada sekarang iaitu ‘public utility service’. Ianya menghuraikan dengan lebih tepat perkhidmatan-perkhidmatan dan perusahaan-perusahaan yang terkandung di dalam Jadual kepada Akta itu. Ini akan juga mengelakkan daripada kesulitan interpretasi yang timbul dari penggunaan perkataan ‘public’, bukan sahaja di dalam istilah ‘public utility service’ tetapi juga dalam menghuraikan beberapa jenis perkhidmatan di dalam Jadual kepada Akta tersebut.

Fasal 5 adalah berkaitan dengan keahlian kesatuan sekerja seseorang pekerja yang dilantik atau dinaikkan pangkat kepada jawatan pengurusan atau eksekutif. Pekerja itu sekarang, di bawah Seksyen 5 Akta ini, boleh diminta oleh majikannya supaya berhenti dari menjadi ahli kesatuan sekerjanya, yang mana sebahagian besar keahliannya, tidak terdiri dari kategori-kategori pengu- rusan dan eksekutif. Majikannya itu boleh menggunakan hak ini hanya, saya ulangi hanya, pada masa pekerja yang berkenaan itu dilantik atau dinaikkan pangkat. Tetapi pindaan ini adalah memberi lebih lagi kelonggaran (flexibility) kepada majikan. Mengikut undang-undang ini sekarang, majikan tersebut mungkin tidak berhajat menggunakan hak ini pada ketika perlantikan atau kenaikan pangkat pekerja tersebut kerana pada ketika itu belum timbul lagi soal konflik kepentingan. Walau bagaimanapun masanya mungkin sampai apabila konflik kepentingan ini timbul dan pada ketika itu majikan tersebut akan kehilangan haknya disebabkan oleh “default”. Akan tetapi dengan pindaan ini majikan tersebut bolehlah menggunakan haknya pada bila-bila masa selepas perlantikan atau kenaikan pangkat pekerja berkenaan.

Fasal 6 mencadangkan satu pindaan kepada Seksyen 8 di mana rujukan kepada 'Minister' digantikan rujukan 'Director General'. Cadangan ini akan membolehkan Ketua Pengarah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menyelesaikan aduan-aduan mengenai amalan buruh yang tidak adil, dengan tidak perlu menunggu arahan daripada Menteri. Aturan yang diringkaskan ini, akan dapat mewujudkan satu perkhidmatan yang lebih pantas dalam menyelesaikan aduan-aduan yang sedemikian. Saya juga ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pindaan ini dan pindaan-pindaan yang sama dicadangkan di lain-lain tempat dalam Rang Undang-undang ini, tidak dengan apa cara pun memberi kuasa yang lebih kepada Ketua Pengarah. Di mana Ketua Pengarah tidak berupaya untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian itu melalui usahanya, perkara itu dirujuk kepada Menteri untuk tindakan sewajarnya, termasuk merujuk pertikaian itu ke Mahkamah Perusahaan untuk timbangtara.

Fasal 7 memperkenalkan satu peruntukan baru kepada Akta ini di mana seseorang majikan boleh, jika ingin berbuat demikian, menyampaikan kepada pekerja-pekerjanya, sebarang maklumat mengenai perundingan bersama atau pertikaian perusahaan yang melibatkan atau berkaitan pekerja-pekerjanya. Ini adalah untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja yang terlibat, adalah diberi penerangan secukupnya sebelum keputusan yang mustahak mengenai kepentingan-kepentingan mereka diambil oleh pihak-pihak yang mewakili mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman yang lalu telah menunjukkan bahawa kesatuan sekerja, atas sesuatu sebab yang tertentu, lazimnya tidak dapat memberitahu ahli-ahlinya, khususnya kepada mereka di peringkat bawah, tentang perkembangan mengenai perundingan bersama atau pertikaian perusahaan yang melibatkan pekerja-pekerja tersebut. Ini telah menimbulkan banyak kesulitan kepada semua pihak yang berkenaan iaitu majikan, pekerja-pekerja yang terlibat, dan juga kesatuan sekerja mereka.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi dua contoh di mana masalah yang demikian telah timbul. Di dalam kes yang pertama, satu pertikaian perusahaan mengenai cadangan bagi satu perjanjian bersama

telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan. Di dalam Mahkamah, kesatuan sekerja yang berkenaan telah mendesak, antara lain supaya majikan menukar bayaran gaji hari kepada bayaran dua minggu sekali. Apabila majikan berkenaan melaksanakan keputusan Mahkamah Perusahaan yang telah mengandungi tuntutan pihak kesatuan itu, pekerja-pekerja tersebut telah enggan menerima sistem yang baru itu dan sebaliknya telah meminta supaya mereka dibayar gaji hari mengikut sistem yang lama. Di dalam kes yang satu lagi, sebuah kesatuan sekerja telah melancar mogok tanpa memberitahu pekerja-pekerja yang terlibat akan isu-isu yang sebenarnya khususnya tawaran balas dari majikan. Akhirnya apabila pekerja-pekerja tersebut menyedari faktor-faktor yang sebenarnya, mereka mengadu ke Kementerian saya bahawa mereka telah diberi penerangan yang tidak betul atau telah diperdayakan oleh kesatuan. Akan tetapi, ketika itu telah terlalu lambat, kerana majikan telah membuat keputusan untuk menutup kilang tersebut. Jelas sekali di dalam kedua-dua contoh itu, wujud satu jurang perhubungan (communication gap) di antara kesatuan sekerja dan ahli-ahlinya, yang telah menyebabkan keadaan yang tidak memuaskan itu. Pindaan baru ini berhasrat untuk merapatkan jurang perhubungan tersebut.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, menghuraikan peraturan-peraturan baru yang lebih kemas untuk mengendalikan tuntutan-tuntutan pengiktirafan dari kesatuan sekerja. Pengiktirafan sesebuah kesatuan sekerja adalah merupakan langkah permulaan bagi mewujudkan satu perhubungan yang rasmi di antara majikan dan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerjanya. Telah terdapat banyak kritik-kritik di masa lampau mengenai kelewatan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dari pengiktirafan kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, kritik-kritik ini bukanlah tidak mempunyai asas. Misalnya pada tahun 1977 terdapat 122 tuntutan-tuntutan pengiktirafan dari kesatuan sekerja yang dilaporkan ke Kementerian saya yang mana 24 tuntutan masih lagi belum dapat diselesaikan pada penghujung tahun tersebut. Dalam tahun 1978 sebanyak 107 tuntutan yang mana 37 darinya tidak dapat diselesaikan hingga pada penghujung tahun itu. Dalam tahun 1979 pula, terdapat 107 tuntutan yang mana 56 masih lagi belum selesai pada

hujung tahun tersebut. Lazimnya, untuk menyelesaikan sesuatu isu berkaitan dengan pengiktirafan, itu akan memakan masa kira-kira 4 bulan sahaja. Walau bagaimanapun, di dalam beberapa kes-kes yang rumit, ia mungkin akan memakan masa satu tahun atau lebih. Sebab utama kelewatan dalam menyelesaikan perkara ini ialah kerana Kementerian saya di bawah peruntukan undang-undang sekarang, tidak berupaya untuk mendapatkan segera maklumat-maklumat berhubung dengan pekerja-pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan itu.

Seseorang majikan yang menghadapi tuntutan pengiktirafan sudah tentulah sekali ingin mengetahui kedudukan perwakilan kesatuan sekerja yang membuat tuntutan tersebut, sebelum memutuskannya. Dalam perkara ini Kementerian saya membantu kedua-dua pihak majikan dan kesatuan sekerja yang berkenaan dalam menjalankan pemeriksaan keahlian. Walau bagaimanapun, sebelum perkara ini dapat dilakukan, maklumat berkaitan dengan pekerja-pekerja yang keahliannya perlu ditentukan, hendaklah dikemukakan kepada Kementerian saya. Telah didapati bahawa keterangan yang sedemikian adalah sukar diperolehi. Kadangkala keterangan yang diberi adalah tidak tepat mengakibatkan kelewatan dalam memproses tuntutan tersebut. Untuk mengatasi kelemahan ini, satu pindaan adalah dicadangkan di dalam Fasal 9, dengan menambah satu Seksyen baru 9 (4B) (a) di mana Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan adalah diberi kuasa untuk mengarahkan pihak yang berkenaan mengemukakan maklumat sebagaimana yang beliau fikirkan perlu. Pembekalan maklumat ini sekarang adalah merupakan tanggungjawab yang terkandung.

Satu lagi masalah yang dihadapi ialah mengenai kesesuaian sesebuah kesatuan sekerja itu untuk mewakili satu kumpulan pekerja yang menuntut pengiktirafan. Pihak berkuasa yang layak untuk memutuskan soalan ini ialah Pendaftar Kesatuan Sekerja. Akan tetapi, oleh kerana ini adalah dijalankan secara peraturan pentadbiran di dalam Kementerian saya, ianya tidak memuaskan kerana tidak terdapat di dalam Akta ini peruntukan-peruntukan tertentu mengenai perkara itu. Kelemahan ini sekarang boleh

diatasi dengan cadangan yang terkandung di dalam Fasal 9 (d) di mana satu seksyen kecil (4B) (b) adalah diperuntukkan. Dengan ini peraturan pentadbiran itu sekarang diberi sokongan undang-undang.

Satu lagi perkara yang penting adalah mengenai bidang perwakilan (scope of representation) sesebuah kesatuan sekerja itu. Seksyen 9 (1) Akta tersebut melarang sesebuah kesatuan sekerja, yang mana sebahagian besar dari keahliannya tidak mewakili mereka di dalam kumpulan pengurusan, eksekutif, tugas sulit atau tugas keselamatan, dari mewakili kategori-kategori pekerja-pekerja yang sedemikian. Pertikaian, atas sekop perwakilan hanya boleh dirujukkan kepada Menteri oleh kesatuan sekerja sahaja. Oleh sebab isu ini juga melibatkan majikan, maka satu pindaan dicadangkan di bawah Fasal 9 (a) bagi mengadakan satu peruntukan seksyen kecil baru 9 (1A). Di bawah peruntukan ini pertikaian seperti ini boleh juga dirujukkan kepada Ketua Pengarah oleh Majikan atau kesatuan sekerja majikan. Satu pindaan kepada Seksyen 9 (3) yang dicadangkan di bawah fasal yang sama membentangkan dengan jelas dengan cara yang lebih positif, apa yang dikehendaki diperbuat oleh majikan itu atas tuntutan pengiktirafan, supaya kelewatan yang tidak sepatutnya, yang mana akan melemahkan kedudukan kesatuan sekerja itu dapat dielakkan.

Di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada sekarang pekerja-pekerja adalah dilarang melancarkan tindakan mogok sementara menunggu keputusan atas tuntutan pengiktirafan di buat oleh Kementerian saya. Di bawah pindaan kepada Seksyen 10 (1) yang dicadangkan di bawah Fasal 10 tindakan piket juga dilarang, memandangkan tidak ada sebab mengapa tindakan seperti itu patut diambil semasa perkara itu sedang dikendalikan mengikut prosidur sekarang yang jelas. Sepertimana yang diterangkan awal tadi, soal pengiktirafan kesatuan sekerja ada sematamata isu awal dalam perhubungan bersama antara seorang majikan dengan pekerja-pekerjanya seperti yang diwakili oleh kesatuan sekerja. Oleh itu isu berkenaan hendaklah diselesaikan dengan segera melalui proses yang teratur, bukannya dengan mengadu kekuatan. Adalah sungguh mengecewakan bagi perhubungan itu jika pada peringkat awal-awal lagi telah lahir sikap saling mencurigai antara satu dengan lain.

Fasal 10 Rang Undang-undang itu mengadkan satu peruntukan tambahan yang penting bagi melindungi pekerja-pekerja semasa dalam tempoh menunggu tuntutan pengiktirafan satu-satu kesatuan sekerja. Seksyen 10 (2) yang dicadangkan itu melarang seseorang majikan daripada mengamalkan perkhidmatan seseorang pekerja dalam tempoh itu, kecuali pembuangan kerja dibuat benar-benar atas sebab-sebab disiplin. Sekarang ini dicadangkan juga supaya seseorang majikan itu dilarang mengisytiharkan 'lock-out' dalam tempoh menunggu tuntutan pengiktirafan dengan tujuan memperkemas kelemahan-kelemahan dalam undang-undang yang ada selama ini. Beberapa majikan telah mengambil kesempatan menggunakan kelemahan-kelemahan ini untuk mengeciwakan (frustrate) tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja dengan mengeciwakan 'lock-out' seperti ini.

Perlu saya tekankan di sini bahawa pekerja-pekerja telahpun diberi perlindungan yang cukup pada tiap-tiap masa di bawah peruntukan Seksyen 5 Akta itu dari segala tindak-tanduk diskriminasi anti kesatuan sekerja ataupun perbuatan-perbuatan menge-nainya terhadap pekerja-pekerja yang menyertai kesatuan. Fasal 10 hanya memberi perlindungan tambahan kepada peruntukan-peruntukan perlindungan dalam tempoh satu-satu kesatuan sekerja menunggu keputusan tuntutan pengiktirafan. Adalah mustahak bagi tuntutan pengiktirafan diselesaikan tanpa sebarang halangan kerana ianya adalah merupakan suatu langkah yang pertama yang seterusnya akan membawa kepada perhubungan bersama seperti perundingan bersama dengan tujuan untuk mencapai perjanjian bersama.

Dalam Fasal 11, satu pindaan dicadangkan di mana sesuatu kesatuan sekerja yang telah mendapat pengiktirafan daripada majikannya, terlindung dari tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja yang lain selama tiga tahun, bagi golongan-golongan pekerja-pekerja yang sama. Peruntukan yang ada sekarang ini memberi perlindungan selama hanya 2 tahun.

Fasal-fasal 15 ke 18 menguruskan rundingan damai atas pertikaian-pertikaian. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah mengelolakan berbagai peranan di dalam lapangan perburuhan dan perhubungan perusahaan tetapi peranan yang seringkali mendapat perhatian umum ialah rundingan-

damai atas pertikaian-pertikaian perusahaan. Jika sekiranya bilangan pertikaian-pertikaian serta kerapkalinya pertikaian-pertikaian sedemikian berakhir di dalam pemogokan-pemogokan atau 'lock-out' menjadi tanda petunjuk pelaksanaan Kementerian saya di dalam peranan ini, saya ingin menyatakan, dengan seberapa hormatnya, bahawa Kementerian saya telah memberi dan memainkan peranan yang begitu cemerlang. Pada tahun lepas, seperti yang dapat dilihat dari rekod pencapaian pelaksanaan peranan ini, cuma satu dari 15 pertikaian berakhir dengan pemogokan atau 'lock-out'. Meskipun pelaksanaan yang sungguh memuaskan ini oleh Kementerian saya, masih wujud juga aduan-aduan dari majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja yang sebilangan besarnya terhadap kelewatan tindakan usaha rundingan-damai dan kelewatan sedemikian telah merumitkan lagi keadaan pertikaian-pertikaian itu. Untuk mengatasi keadaan ini, pemindaan seperti yang terkandung di Fasal 15 akan sekarang membolehkan laporan pertikaian perusahaan diperbuat kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dan tidak kepada Menteri, untuk membolehkan pertikaian sedemikian itu dikendalikan secara terus tanpa menunggukan arahan dari Menteri, sebagaimana keadaannya sekarang ini, selain dari itu, Menteri bagi menjalankan kuasanya mengikut cadangan pindaan di Fasal 17, boleh dengan sendirinya mengambil tindakan mengadakan rundingan damai, sekiranya dirasai perlu, untuk menyelesaikan pertikaian itu; perbekalan sama seperti perbekalan Seksyen 18 (3) sama seperti wujud sekarang ini.

Dalam satu lagi pindaan yang terkandung di Fasal 17 pihak-pihak yang bertikai kini boleh diwakili di dalam rundingan-damai oleh wakil-wakil mutlak pihak-pihak yang bertikai itu. Seorang penasihat, juru runding, peguam atau sesiapa yang tidak ada kenamena dengan pertikaian itu sama ada dikenali atas apa jua nama pun tidak dibenarkan mewakili pihak-pihak yang bertikai itu. Adalah dirasai peraturan ini akan lebih mempercepatkan lagi usaha rundingan-damai. Kehadiran "orang luar", sebagaimana yang dialami sekarang ini kerap meluaskan lagi jurang pertikaian dengan membawa isu-isu dan tindakan yang tidak berkaitan atau tindak-tanduk yang dipertunjukkan biasanya tidak dapat membantu di dalam pencapaian penyelesaian pertikaian-pertikaian itu. Ini tidak pula bererti bahawa pihak-pihak yang

bertikai itu tidak dibenarkan memperoleh nasihat atau bantuan sebagaimana yang mereka fikir wajar di luar dari bidang proses rundingan damai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Ahli-ahli Dewan kehormat pasti ketahui, di dalam sistem perhubungan perusahaan, Mahkamah Perusahaan adalah merupakan urusan timbangtara yang muktamad dan konklusif. Dari mula tertubuhnya Mahkamah Perusahaan ini dalam tahun 1965 hingga ke akhir tahun 1979, Mahkamah Perusahaan telah memutuskan sejumlah 1,068 keputusan. Dari jumlah ini 55 keputusan telah dicabar di Mahkamah Tinggi melalui "prerogative writs" yang dibawa oleh pihak-pihak yang tidak berpuashati di atas keputusan-keputusan itu. Dari jumlah 35 permohonan "prerogative writs" yang dikendalikan setakat ini oleh Mahkamah Tinggi hanya 12 keputusan Mahkamah Perusahaan telah dimansuhkan.

Sungguhpun ini membayangkan kecekapan serta keyakinan pendirian Mahkamah Perusahaan, tidak pula dinafikan wujud kelewatan-kelewatan bagi Mahkamah undang-undang memutuskan permohonan-permohonan "prerogative writs" dan kelewatan ini telah menimbulkan perasaan tidak puashati di kalangan pekerja-pekerja yang diliputi oleh keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan itu. Selain dari itu pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah menjadi kebiasaan bagi majikan-majikan memohon proses "prerogative writs" ini. Dari sejumlah 55 permohonan yang dinyatakan di atas, 48 permohonan telah diperbuat oleh pihak majikan. Satu dari permohonan itu masih lagi menunggu keputusan di Privy Council, iaitu kira-kira 6 tahun selepas pertikaian mengenai pembuangan kerja seramai 73 orang mulanya dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan untuk ditimbangtara dalam bulan Mac, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dikatakan kebanyakan dari tindakan undang-undang di Mahkamah-mahkamah Undang-undang adalah berhubung dengan "human relationship" dan dalam hubungan ini, perhubungan perusahaan juga adalah merupakan hubungan manusia di tempat pekerjaan. Sungguhpun keadaannya benar sedemikian, Mahkamah-mahkamah Undang-undang adalah menitikberatkan perhubungan yang wujud di sesuatu ketika tertentu manakala perhubungan perusahaan menitikberatkan perhubungan yang berteru-

san dari pihak-pihak yang selarasnya terus berganding bahu. Ini bukan sahaja bermakna betapa perlunya isu yang melibatkan perhubungan secara berkumpul diselesaikan, akan tetapi ianya semestinyalah diselesaikan secepat-cepatnya. Peraturan-peraturan untuk menyelesaikan perkara seperti ini adalah dibentuk sedemikian rupa untuk mengurangkan dan bukan menambatkan perasaan permusuhan di antara kedua-dua belah pihak. Jika ditinjau dari konteks ini, maka Mahkamah Perusahaan adalah satu Mahkamah "pakar" (specialist court) yang memberikan perkhidmatan timbangtara yang teristimewa. Oleh itu cara perlaksanaannya hendaklah dipermudahkan lebih cepat memberi keputusan dan tidak melibatkan kos yang berlebihan kepada pihak-pihak yang bekenaan. Dengan tujuan ini, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 menitikberatkan Mahkamah sedemikian bertindak mengikut keadilan, "good conscience" dan merit kes itu tanpa mengira rupa-bentuk teknik dan perundangan. Pendek kata, Mahkamah Perusahaan adalah merupakan satu forum untuk mempercepatkan penyelesaian pertikaian perusahaan dengan secepat-cepatnya dan muktamad. Malangnya trend yang wujud ketika ini yang menunjukkan bertambahnya permohonan "prerogative writs" sebagaimana yang saya sentuh sedikit masa tadi adalah tidak sejajar dengan tujuan sebenar Mahkamah Perusahaan itu ditubuhkan.

Sementara menjamin muktamadnya keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan, mana-mana pihak yang tidak berpuashati atas keputusan-keputusan sedemikian boleh di bawah seksyen yang baru dicadangkan ini iaitu Seksyen 33A di dalam Fasal 26 Rang Undang-undang ini, memohon ke Mahkamah itu untuk merujukkan soalan undang-undang ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Perusahaan, boleh mengikut budibicaranya membenarkan permohonan perujukan itu dan Mahkamah sekarang telah diberi kuasa untuk mengarahkan pihak-pihak yang berkenaan supaya mematuhi kesemua atau sebahagian dari keputusan-keputusan yang dibuat olehnya, sementara menunggukan keputusan soalan undang-undang yang dibawa ke Mahkamah Tinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan saya bahawa perbekalan baru ini mengenai perujukan persoalan-persoalan undang-undang ke Mahkamah Tinggi iaitu

proses menyemak semula keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan oleh Mahkamah Tinggi akan menjadi lebih mudah, satu pembaikan yang pasti dialu-alukan oleh pekerja-pekerja dan majikan-majikan. Di dalam fasal yang sama, seksyen baru 33B memperuntukkan bahawa sesuatu keputusan atau perintah Mahkamah Perusahaan supaya muktamad dan konklusif. Perbahasan lengkap seksyen baru ini adalah bertujuan untuk menekankan betapa perlunya keputusan Mahkamah Perusahaan adalah muktamad dan tidak menjadi satu perkara pertikaian mahkamah yang berpanjangan. Sebagaimana yang telah dinyatakan awal tadi dan perlu juga diulangi sekali lagi, bahawa Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 memperuntukkan supaya Mahkamah Perusahaan bertindak dengan adil, "good conscience" dan mengikut merit kes-kes tanpa menghiraukan soal-soal teknikal dan bentuk perundangan. Di samping itu juga adalah perlu untuk Mahkamah Perusahaan memutuskan pertikaian perusahaan dengan segera dan muktamad. Ini adalah dicerminkan di dalam seksyen baru ini dan akan memberi gambaran yang salah bahawa ia digubal dengan tujuan untuk mengeneipkan kuasa-kuasa residual Mahkamah Tinggi. Ini adalah tidak benar. Untuk mengelakkan kebimbangan ini, dan untuk menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan, saya ingin dengan izin Tuan Yang di-Pertua mengemukakan satu Pindaan kepada Fasal ini di peringkat Jawatankuasa untuk menjelaskan kelak.

Fasal 36 Rang Undang-undang ini menguruskan hukuman tidak mematuhi keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan. Denda-denda terhadap keengganan pematuhan adalah sekarang dicadangkan dipertingkatkan. Seseorang yang disabitkan kesalahan tidak mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan boleh didenda dengan lebih tinggi serta dikenakan denda berterusan selagi keputusan Mahkamah Perusahaan itu tidak dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 23 mengandungi Seksyen kecil 5A yang mustahak kepada Seksyen 30 Akta berkenaan. Melalui Seksyen kecil ini, di dalam menimbangkan sebarang pertikaian Mahkamah Perusahaan boleh mengambil perhatian atas sebarang perjanjian atau tatacara amalan perkhidmatan yang dipersetujui di antara wakil-wakil pertubuhan majikan-majikan dan pertubuhan pekerja-pekerja yang telah diluluskan oleh Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya telah

menegaskan pada masa-masa yang lepas dan saya sekarang ulangi bahawa di dalam bidang perhubungan perusahaan adalah perlu bagi kedua-dua pihak majikan dan pekerja-pekerja menerima masalah-masalah perhubungan perusahaan sebagai masalah kemanusiaan dan penyelesaian masalah-masalah sedemikian memerlukan budi bicara yang berpandukan atas perinsip dan peraturan-peraturan yang dipersetujui. Dalam bidang ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, pasti mengetahui bahawa dalam tahun 1975 kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan Persekutuan Majikan Malaysia (atau MCEO sebagaimana yang ia dikenali dahulunya), dengan kerjasama Kementerian saya, telah mewujudkan tatacara untuk keharmonian perusahaan. Tatacara ini membentangkan garis-garis panduan yang begitu comprehensive untuk amalan-amalan dan cara-cara pekerjaan, yang sekiranya diamalkan oleh kedua-dua pihak majikan-majikan dan pekerja-pekerja serta pertubuhan-pertubuhan mereka akan menjamin bertambah baiknya keharmonian perusahaan. Tatacara ini, walau bagaimanapun telah kerap tidak dipatuhi.

Saya bercadang sebaik sahaja Rang Undang-undang ini menjadi undang-undang yang sah, dengan bantuan pihak-pihak berkenaan, untuk mengkaji semula serta menghidupkan semula tatacara ini. Kepastian Mahkamah Perusahaan mengambil perhatian atas perjanjian-perjanjian dan tatacara-tatacara ini akan menambahkan lagi kepatuhan kesemua pihak yang berkenaan atas segala perbekalan tatacara ini.

Fasal 30 bercadang meminda Seksyen 43, di mana tempoh notis sebelum pemogokan atau "lock-out" di dalam perkhidmatan-perkhidmatan perlu adalah diperlanjutkan dari 2 minggu ke 21 hari. Kepastian tempoh ini secara perhitungan hari menyenangkan perkara ini untuk difahami dengan lebih jelas. Perlanjutan tempoh ini juga akan bermakna memberi lebih masa untuk usaha rundingan damai serta membolehkan persiapan-persiapan "contingency" sekiranya pemogokan atau "lock-out" berlaku supaya memastikan perjalanan khidmat perlu bagi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 40 mengandungi "Jadual" dalam mana disenaraikan perkhidmatan yang dianggap perkhidmatan penting yang memerlukan pemberian notis

sebelum permulaan pemogokan atau "lock-out" sepertimana yang saya terangkan sebentar tadi. Sebahagian dari perkhidmatan-perkhidmatan ini telah dinyatakan dengan lebih terang untuk mengelakkan sebarang salah anggapan atau perasaan was-was serta menghindari kesukaran-kesukaran interpretasi. Dari beberapa perkhidmatan yang dimasukkan ke dalam senarai ini adalah perkhidmatan bank, perkhidmatan yang ada kaitan atau membantu di dalam penyelenggaraan dan pelaksanaan angkatan bersenjata dan Angkatan Polis Di Raja, perniagaan-perniagaan dan perindustrian-perindustrian berkaitan dengan pertahanan serta keselamatan Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Kaji Cuaca. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah dianggap penting dari segi keselamatan, dan ekonomi negara dan dengan hal yang demikian perlu dimasukkan ke senarai "Jadual" ini.

Kesalahan-kesalahan bersabit pemogokan-pemogokan atau "lock-out" yang menyalahi undang-undang adalah dijadikan "seizeable" dan "non-bailable" di bawah Fasal 34. Mereka yang disabitkan kesalahannya itu boleh ditahan dan tidak dilepaskan dengan jaminan sekiranya Pendakwa Raya mengesahkan secara bertulis bahawa ianya bertentangan dari kepentingan awam untuk dijamin. Kesalahan berkaitan dengan pemogokan-pemogokan atau "lock-out" yang menyalahi undang-undang yang menjadi tajuk bahagian IX Akta ini, boleh menimbulkan keadaan yang begitu serius seperti juga perbuatan-perbuatan jenayah dan sabotaj, peras ugut di tempat-tempat kerja yang juga dianggap kesalahan "seizeable" dan "non-bailable" di bawah Akta ini. Ketiadaan peruntukan seumpama ini di masa-masa lampau, telah menimbulkan kesulitan-kesulitan serius, yang Kerajaan anggap perlu dicegah dari terus berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usul mencadangkan pindaan-pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 saya ingin menegaskan, bahawa pindaan-pindaan ini tidak sama sekali menukar rupa bentuk dan sifat-sifat sistem perhubungan perusahaan yang kini wujud. Hak-hak mutlak pekerja-pekerja dan majikan-majikan masih terjamin seperti wujud kini. Mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pengiktirafan Kesatuan Sekerja, pindaan-pindaan ini bercadang memperbaiki serta melicinkan lagi cara yang ada ketika ini. Hak-hak kedua-dua belah pihak

majikan-majikan dan Kesatuan Sekerja mengenai Perjanjian Bersama pasti terjamin seperti yang sedia kala. Begitu juga keadaannya dengan perkara-perkara mengenai rundingan damai dan timbangtara. Penyelesaian-penyelesaian yang dicadangkan adalah mengenai piket dan 'lock-out' semasa proses pengiktirafan kesatuan masih lagi diuruskan, usaha-usaha runding damai masih lagi dijalankan, notis tambahan yang diperlukan di dalam 'perkhidmatan penting' dan akibat pemogokan-pemogokan dan 'lock-out' haram. Rang Undang-undang ini sungguhpun tidak menambahkan kuasa-kuasa Menteri, tidak juga melemahkan kuasa-kuasa itu sepertimana yang wujud pada masa ini, dan tidak juga memberi kuasa tambahan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan selain dari apa yang ada pada masa ini. Kedua-dua pihak majikan dan pekerja-pekerja serta kesatuan-kesatuan mereka semestinyalah mengalu-alukan cadangan pindaan-pindaan yang pada keseluruhannya adalah sangat berfaedah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali kedua sekarang terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

9.21 mlm.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang drastik sedang diperkenalkan di dalam Perhubungan Perusahaan 1967. Pindaan-pindaan tersebut adalah tidak sesuai untuk mewujudkan kedamaian dan keharmonian perusahaan yang dibayangkan kepada pekerja-pekerja dan majikan-majikan.

Konsep perhubungan perusahaan hendaklah difahami di dalam konteks hubungan manusia yang luas. Kerajaan dan Perusahaan bukan berurusan dengan kayu mati, tetapi adalah berurusan dengan manusia yang hidup. Dalam urusan dengan manusia

seseorang itu hendaklah memahami bahawa element asas yang diperlukan adalah untuk menjalin perasaan percaya dan mempercayai.

Hari ini kita sedang berhadapan dengan masalah-masalah yang dicipta dan direncanakan oleh kakitangan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang semestinya kurang kefahaman untuk menjalinkan suasana yang boleh mengekalkan dan mengadun keda-maian perusahaan.

Penasihat-penasihat kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berpendapat bahawa tindak-tanduk manusia boleh dikawal dengan memegang "rotan besar" tanpa menyedari faktor kemanusiaan. Di antara faktor-faktor hubungan perusahaan, faktor kemanusiaan adalah menjadi syarat pokok.

Dalam tahun 1965, sewaktu puncak konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia, pekerja-pekerja telah ditikam dari belakang dengan pengumuman Peraturan-peraturan Perlu yang sungguh aib. Peraturan-peraturan Perlu telah didikrikan (decree) pada 13hb Mei, 1965 mencegah tindakan mogok di dalam perusahaan-perusahaan penting. Alasan yang diberikan oleh pihak berkuasa adalah waktu itu negara sedang diselubungi oleh krisis konfrantasi yang dilancarkan oleh Indonesia yang dipimpin oleh Dr Soekarno.

Laporan Tahunan MTUC yang dibentangkan kepada Perwakilan Tahunan yang ke 15 pada 9hb Disember, 1966 melaporkan seperti berikut—saya petik.

"The government, as was to be expected, conveniently forgot all its commitments to the workers of this country. Thus, the Essential Regulations, relating to Trade Unions, which were said to be temporary in nature are likely to become a permanent feature of the government's Industrial Relation policy. Despite the promises, public declarations and pious assurance made during the meetings, there is no sign that the Regulations would ever be withdrawn. The government had finally shown its true colours which spelt disaster for workers. If even now they remain indifferent, disinterested and unwilling to accept their obligations and responsibilities, then the possibilities of workers' salvation will become all the more remote."

"Malaysia has now become the Employers' paradise. Spoonfed by the pioneer status, protected under the Federal laws and their interests specially looked after by the Ministry of Labour, it is little wonder that many of them have become arrogant, anti-union and have increasingly shown the tendency to act like the overlords of the medieval ages. The Essential Regulations have been outrageously exploited and that too with the seemingly active connivance of higher officialdom. Apparently this is what the government means by an "open society" with free inflow of foreign capital."

Sekali lagi, dalam tahun 1967, Akta Perhubungan Perusahaan telah diperkenalkan untuk mencegah mogok khasnya di dalam perusahaan-perusahaan penting dan menjadikan pengadilan wajib. Dari waktu ini seterusnya pekerja-pekerja telah kehilangan senjata utama mereka untuk mengambil tindakan bersama bagi mendapatkan taraf hidup yang adil.

Bagi kali ketiga Akta Perhubungan Perusahaan 1967 telah dipinda dengan drastik pada 9hb Oktober, 1969.

Pergerakan Sekerja sekiranya ingin mempunyai maruah dan harga diri hendaklah menolak bulat-bulat terhadap cadangan pindaan yang sangat-sangat mengaibkan. Marilah kita menjelaskan pendirian kita, sebelum kita pergi lebih jauh dengan teguran-teguran kita atas cadangan pindaan-pindaan tersebut. Keadilan sosial dan ekonomi hendaklah menjadi matlamat akhir setiap dasar buruh. Ianya hendaklah diberikan tempat yang boleh dibanggakan dan hendaklah menjadi satu daripada prinsip yang mengerakkan dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep keadilan sosial dan ekonomi adalah sesuatu yang hidup. Ia hendaklah diberikan ketegasan kepada Peraturan Undang-undang (Rule of law), terutama sekali konsep tersebut mestilah memberi makna dan pengertian kepada cita-cita keadilan sosial. Pindaan yang dicadangkan sekarang, malangnya tidak ada dalam sebarang langkahpun yang membayangkan cita-cita tersebut. Sebaliknya mereka seolah-olah merencanakan untuk mengongkong pergerakan buruh dengan tidak wajar

dan pihak yang berkuasa yang berkenaan telah mengenakan ke atasnya keputusan-keputusan yang sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menegaskan sekali lagi, walaupun terpaksa berulang kali, Kesatuan Sekerja tidak dapat menerima undang-undang yang menekan buruh dan terang-terang tidak adil dan sewenang-wenang, di mana dalam analisa terakhir akan menewaskan daripada meneruskan matlamat keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dapat difahami bahawa sekiranya harmoni perusahaan hendak dipelihara untuk membolehkan iklim perusahaan yang lebih baik bagi pelaburan, objektif ini tidak akan dapat dicapai dengan bentuk pindaan-pindaan kepada undang-undang yang dicadangkan sekarang, Iklim pelaburan yang paling baik yang boleh dicapai adalah melalui Demokrasi Pembangunan Perusahaan dan bukanlah dengan Dasar Pelaburan Kewangan semata-mata ataupun melalui Undang-undang Buruh yang menekan yang biasanya diperalat dengan sesenangnya sebagai satu bentuk penggalakan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mempergunakan sumber-sumber manusia, Kesatuan Sekerja semestinya mempunyai peranan yang lebih besar untuk dimainkan daripada apa yang difikirkan oleh majikan-majikan dan Kerajaan sekarang, yang mana ianya sebahagian besar adalah majikan.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu ditegaskan lagi bahawa sebagai satu punca atau cara mempergunakan sumber-sumber manusia, semua pihak yang terlibat mestilah membuat usaha untuk memajukan dan mengembangkan cita-cita hak sama rata, kebebasan dan persaudaraan manusia dan membentuk satu kehidupan demokrasi di dalam perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, Demokrasi Perusahaan dalam ertikata yang sebenarnya adalah sesuatu yang harus tumbuh dari tunas sosial yang sihat di dalam tanggungjawab perusahaan dan ia seharusnya menjadi cara hidup yang lazim.

Seksyen 5 (2) (b) kita tidak dapat menerima sebarang peruntukan yang memberikan seorang majikan kuasa untuk masuk campur-

tangan di dalam kebebasan kesatuan seseorang pekerja. Peruntukan yang wujud sekarang pun tidak diterima. Ceraian kecil Fasal 5 (1) atas "Larangan ke atas Majikan" sepatutnya tidak tertakluk kepada pengasingan sebagaimana diperuntukkan di dalam perkara pengasingan seperti yang ditetapkan di dalam ceraian kecil Fasal 5 (2). Ceraian-ceraian ini hendaklah dipotong sama sekali.

Seksyen 44A sebagaimana telah dikatakan tadi Kesatuan Sekerja mestilah dibenarkan untuk menggunakan senjata terakhir mereka apabila berhadapan dengan amalan-amalan yang tidak adil terhadap kaum buruh. Perkataan-perkataan "di dalam sebarang keadaan" adalah terlalu menyeluruh, umum dan luas.

Tuan Yang di-Pertua, MTUC tidak dapat menerima bentuk sekatan yang dikenakan di dalam versi pindaan dari jadual perkhidmatan Utiliti Awam. Perkhidmatan Kemudahan Awam sepatutnya ditentukan hanya meliputi perkhidmatan-perkhidmatan yang diselenggarakan dan ditadbirkan oleh pihak berkuasa awam untuk orang ramai. Sepatutnya ia tidak meliputi perkhidmatan yang dimiliki oleh swasta, seperti bank atau perkhidmatan pengangkutan dan lain-lain. Jadual yang ada sekarang meliputi bidang yang sangat luas dari Perkhidmatan Kemudahan Awam yang terpaksa mematuhi peruntukan Seksyen 43.

Pindaan-pindaan tersebut adalah disengajakan bagi mengalih fungsi-fungsi biasa pergerakan Kesatuan Sekerja. DAP dan juga pergerakan Kesatuan Sekerja tidak dapat menerima pindaan-pindaan ini kerana ianya akan menjadi masalah "snowball" atau bertumpuk-tumpuk di dalam perusahaan, bukannya menyelesaikan masalah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, fungsi-fungsi biasa Kesatuan Sekerja hendaklah diakui dan diterima sekiranya kita ingin mendapatkan keadilan sosial kepada masa yang bertungkus-lumus. DAP mengutuk dan menentang sekeras-kerasnya pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami daripada parti Pembangkang ada mencadangkan pindaan terhadap Rang Undang-undang ini iaitu bacaan kali yang kedua "enam bulan dari hari ini".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

9.37 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Yang pertama saya mahu menegaskan bahawa apa yang sangat offensive dan objectionable ialah cara di mana Rang Undang-undang ini tadi diadakan di mana pihak Kerajaan nampaknya terburu-buru tanpa fikiran yang masak, tanpa masa yang cukup bukan sahaja untuk pihak Kerajaan menimbang consequence-consequence yang akan mengakibatkan daripada pindaan ini, tetapi tadi kita tengok sungguhpun Yang Berhormat Menteri boleh membaca dengan panjang lebar ucapan yang disediakan tetapi apabila diminta untuk menjelaskan beberapa pindaan, beliau tidak boleh buat begitu, walaupun ada array kakitangan-kakitangan di belakangnya. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak think out mengenai apa consequence-consequencenya daripada sesuatu pindaan yang telah dikemukakan.

Yang kedua, apa yang sangat objectionable ialah cara di mana formulation, preparation and deliberation semua pindaan ini dibuat, nampaknya dalam keadaan rahsia, dalam internal recesses Kerajaan di mana tidak melibatkan pihak kesatuan-kesatuan. Sungguhpun kita tahu bahawa pihak majikan dan kapital boleh mempengaruhi proses ini tetapi bukanlah kesatuan-kesatuan, dan kenapa ada keadaan semacam ini begitu secret sehingga ada perkataan-perkataan yang boleh melahirkan rasa bahawa mungkin Official Secrets Act ada dilanggar apabila ada suratkhbar yang menyiarkan pindaan-pindaan ini. Saya rasa ini adalah satu sikap yang sempit, sikap yang salah dan bukan selaras dengan satu masyarakat yang terbuka.

Yang ketiga ialah cara bagaimana Parlimen ini membahaskan (debate) dua Rang Undang-undang yang sangat mustahak dalam negara kita tetapi tidak ada masa yang cukup dan kita pada pukul 10.00 malam terburu-buru mahu luluskan dua Rang Undang-undang ini. Kenapa tidak boleh mengambil masa yang cukup untuk membahaskan dan tidak ada korum pun, Tuan Yang di-Pertua. Mereka pun tidak ada minat sama ada ada Rang Undang-undang atau tidak ada Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup korum!

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Nampaknya kalau tidak ada loceng, tidak ada Ahli. Sekurang-kurangnya ini menunjukkan bagaimana seriusnya bagi pihak Kerajaan yang mengatakan bahawa mereka sangat berminat atas kepentingan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut bahawa jelas Rang Undang-undang ini dirangka tanpa penglibatan kesatuan-kesatuan di semua peringkat. Tetapi sebaliknya pergerakan kesatuan sekerja diconfront dengan pindaan-pindaan secara katadua (ultimatum)—take it or leave it. Sungguhpun mereka cuba mahu berunding dengan lebih masa tetapi sikap ultimatum itu tidak berubah, hingga ke saat-saat terakhir telah berjaya berjumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya rasa inilah satu sikap yang perlu diubah supaya dalam formulation dasar-dasar yang ada bersangkut-paut dengan masa hadapan pekerja-pekerja atau apa-apa lapisan rakyat di mana pihak orang ramai diberi peluang memberi fikiran, mengambil bahagian dalam proses, bukan datang untuk bersetuju atau tidak bersetuju, tetapi untuk proses yang awal untuk mengeluarkan buah fikiran dan pandangan, patutlah diamalkan. Sehingga hari ini sikap Kerajaan ialah "we know best" apa yang baik untuk semua orang dan baik atau tidak baik, terima atau tolak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selama pihak Kerajaan berlaku begitu abominably dalam perhubungan dengan kesatuan-kesatuan dan tidak mahu melibatkan pergerakan pekerja dalam semua peringkat fikiran dan formulation dasar-dasar dan undang-undang, saya rasa Kerajaan mesti dikecam oleh kerana sikap itu yang menunjukkan inherently anti-labour and unsympathetic kepada aspirasi-aspirasi kaum pekerja. Tendency Kerajaan dalam Undang-undang Buruh ialah untuk memusatkan (concentrate) kuasa lebih banyak, baikpun Menteri Buruh atau Pendaftar Kesatuan Sekerja atau Director General dalam Industrial Relations dengan check yang begitu minima atas kegunaan kuasa dan ini tidak akan berfaedah kepada pekerja-pekerja.

Sebagai contoh, dalam suatu perkara yang sangat rumit (taxing) dalam bidang Industrial Relations ialah pengiktirafan (recognition)

kesatuan-kesatuan oleh majikan-majikan. Pada mula-mulanya pertikaian dalam perkara ini ialah di bawah jurisdiction Industrial Tribunal, selepas itu Industrial Court tetapi selepas pindaan tahun 1969 perkara ini dipindahkan daripada Court dan assigned kepada Menteri. Kalau kita mahu satu cerita mengenai cara-cara Menteri Buruh mengendalikan dan menguruskan pertikaian mengenai recognition ini, saya rasa itu adalah satu long and sorry tale, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai satu contoh, kes Assunta Hospital Senior Staff Association iaitu sebuah trade union yang sudah menunggu hampir 4 tahun untuk mendapatkan keputusan daripada Menteri Buruh sama ada mereka boleh diiktirafkan oleh majikan (Assunta Hospital). Sungguhpun pegawai-pegawai Kementerian Buruh sudah menyelesaikan semua kerja checking, verification, tetapi Menteri Buruh tidak mahu gunakan kuasanya. Mengikut Akta yang ada dalam tempoh 21 hari selepas kesatuan serve tuntutan claim recognition majikan mesti menjawab sama ada recognise atau tidak mahu recognise, dalam tempoh 21 hari dapat proses yang baik. Selepas itu kalau tidak mahu recognise perkara ini dirujuk kepada Menteri dan Menteri hingga sekarang, hampir 4 tahun tidak ada membuat apa-apa keputusan. Ini menunjukkan concentration kuasa kepada Menteri atau Director General of Industrial Relations bukan satu perkara yang akan menguntungkan rakyat atau pekerja, atau kesatuan. Mungkin dalam perkara ini apa yang elok ialah untuk dipindahkan di mana kes recognition dipulihkan balik, kembali kepada jurisdiction of Industrial Court dan ada satu peruntukan di mana kes-kes recognition boleh diputuskan dengan cepat oleh Industrial Court. Tetapi apa yang Menteri Buruh dan Director General fikir ialah bagaimana boleh dapat lebih kuasa, pusat lebih kuasa dalam tangan mereka.

Mungkin oleh kerana Menteri Buruh faham bahawa ada kuasa-kuasa semacam ini boleh disifatkan sebagai salahguna kuasa, cuba untuk mengeluarkan kuasa-kuasa daripada lingkungan Mahkamah dan saya rasa ini

mustahak dan priority ini mesti dititikberatkan seperti dalam Bill ini yang ada satu provision yang sangat terrible untuk rekod dan sangat mustahak iaitu sub-section (6) Section 9, dalam perkara recognition, yang berbunyi:

“A decision of the Minister under sub-section (5) shall be final and conclusive, and no such decision shall be challenged, appealed against, reviewed, quashed or called in question in any court, and shall not be subject to certiorari, prohibition, mandamus or injunction (whether interim, interlocutory or final) in any court on any account, and no court shall have jurisdiction to entertain any question, on any ground, regarding the validity or propriety of any such decision, or of the continued operation of any such decision, or otherwise in any manner relating to any such decision.”

Yang Berhormat Menteri Buruh semalam dan tadi mengatakan bahawa tidaklah ada niat pihak Kerajaan untuk menentukan bahawa improper and unlawful acts oleh Executive Branch tidak boleh diperbetulkan oleh High Court, itulah tidak seorang yang percaya oleh kerana kalau begitu tidak ada satu attempt begitu tight, begitu luar biasa, tengok boleh atau tidak boleh oust jurisdiction mahkamah-mahkamah untuk memper-tahankan gross abuse of power atau unlawful power being exercised.

Saya rasa sangat mustahak untuk negara kita percubaan niat itu sungguhpun ada sedikit pindaan dikutuk unreasonably supaya perkara semacam ini tidak akan timbul lagi, apa-apa bentuk undang-undang di masa depan. Oleh kerana itu satu usaha untuk mendirikan (uphold) the power of Executive above the law.

Tuan Yang di-Pertua, satu pindaan kepada seksyen 8 untuk membolehkan complaint dirujuk in the first instance kepada Director General sebelum perkara ini dirujuk kepada Menteri kalau beliau tidak boleh mengatasi complaint itu. Tetapi saya rasa pindaan ini tidak kena kalau ada seksyen baru 8A yang sebenar undermine Seksyen 4 khasnya seksyen-kecil (2) yang mahu melindungi pekerja-pekerja daripada harassment majikan. Seksyen baru 8A berbunyi:

8A. “Nothing in this Act shall be construed as preventing an employer from conveying to his workmen, in such manner as he may

deem appropriate, any information on any matter pertaining to any collective bargaining or trade dispute involving such workmen and the trade union acting for them”.

This undermines, Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 4 (2) dalam Akta ibu berbunyi:

“No trade union of workmen and no trade union of employers shall interfere with each other in the establishment, functioning or administration of that trade union”.

dan kalau Yang Berhormat Menteri semalam kata bahawa Kerajaan sangat even-handed inilah contoh Kerajaan tidak even-handed, Kerajaan side pihak majikan to the detriment kesatuan dan pekerja-pekerja. Oleh kerana seksyen baru 8A akan memberi asas legal yang sah kepada majikan untuk campur tangan dengan operasi (functioning) kesatuan apabila ada negotiation atau collective bargaining untuk menghubungi dengan pekerja-pekerja, anggota-anggota kesatuan dan saya percaya clause ini akan menimbulkan tension, misunderstanding antara majikan dan kesatuan dan clause ini patutlah dihapuskan dan barulah boleh memberi faedah kepada pihak majikan.

Perkara seksyen baru 33A memperuntukkan bahawa Industrial Court boleh mereferkan to the High Court a question of law dan menghadkan rayuan itu di peringkat High Court perlu mendapat pertimbangan yang lebih mendalam. Pada masa ini by the point of law perkara ini boleh diambil kepada Federal Court dan Privy Council tetapi mengikut new section 33A:

33A. “The Industrial Court is given the discretion to decide whether to refer to the High Court a question of law:

- (a) which arose in the course of the proceedings;
- (b) the determination of which where the court has affected the Award;
- (c) which, in the opinion of the Court is of sufficient importance to merit such a reference; and
- (d) the determination of which where the Court raises, in the opinion of the Court, sufficient doubt to merit such a reference.”

dan seksyen baru ini 33B pun selain daripada 33A memperuntukkan bahawa an award, decision dan order oleh the Industrial Court termasuk—(including the decision of the Court whether to grant or not to grant an application under sub-section (1) of the section 333) non-judicial. Tidak boleh dicabar dalam Mahkamah. Saya rasa ini sangat objectionable khasnya memberi kuasa kepada Industrial Court untuk menentukan sama ada award sendiri akan pergi ke mahkamah dicabar atau tidak. Ini sangat mustahak apabila pada keadaan sekarang di mana ada suasana yang tidak yakin, tidak percaya kepada President of the Industrial Court, Mr. Matthews Abraham, mengenai propriety and clear breaches terhadap General Orders.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat Parlimen di bulan Disember saya ada bangkitkan dalam Dewan ini mengenai perkara, tentulah ada berlaku breaches of General Orders oleh President of the Industrial Court, Mr. Abraham, di mana ada berlaku his private interest ada conflict to his public duty yang mengikut Seksyen 3 (e) Public Officers (Conduct and Discipline) (General Orders, Chapter “D”) Regulations 69 satu breach of General Orders yang boleh mendatangkan disciplinary action dan dalam perkara kes-kes ini yang Mr. Abraham ada mengatakan pinjaman daripada beberapa bank dan tidak membayar, dan pada masa itu ada memutuskan kes-kes yang melibatkan bank-bank tersebut. Tetapi bukan sahaja satu General Orders dia breach, sekurang-kurangnya ada empat lain General Orders dibreach oleh Mr. Matthews.

Yang pertama, Section 3 (d) General Orders yang berbunyi:

“An Officer shall not conduct himself in such a manner as he knows, or as can reasonably be expected to know, that such conduct is likely to cause a reasonable suspicion in the minds of the public that—

- (1) he has allowed his private interests to come into conflict with his public duties and thereby impair his usefulness as a public officer; or
- (2) he has used his public position for his private advantage”.

Lagi satu General Orders yang dilanggar ialah Section 3 (e):

“an officer shall not conduct himself in such a manner as to bring the public

service into disrepute or to bring discredit thereto” dan lagi satu Section 9 of the General Orders provide:

“No Officer may borrow either as principal or as surety from, or in any manner place himself under pecuniary obligation to, a person (whether in the Public Service of the Federation or of the State or otherwise), being a person—

(c) with whom the officer has or is likely to have official dealings”.

dan lagi satu Section 10 (2) of the General Orders yang memperuntukkan bahawa :

“Serious pecuniary embarrassment from whatever cause, will be regarded as necessarily impairing the efficiency of the officer and rendering him liable to disciplinary action”.

Section 10 (1) define “serious pecuniary embarrassment” means the state of an officer’s indebtedness which, having regard to the amount of debts incurred by him, has actually caused serious financial hardship to him” and the General Orders went on to define that:

“If the aggregate of his unsecured debts and liabilities at any given time exceeds sum of three times his monthly emoluments”. This constitutes serious pecuniary embarrassment.

Tuan Yang di-Pertua, sangat terang Mr Abraham, President of the Industrial Court ada breach 5 General Orders. Sungguhpun dalam masa perbahasan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh cuba membela Mr. Abraham dalam Parlimen, tetapi apa yang berlaku sebenarnya ialah tidak ada apa-apa usaha untuk menafikan.

Tidak ada usaha untuk mencabar saya supaya saya mengulangnya di luar Dewan. Kalau Mr Abraham rasa beliau ada di London supaya beliau ada satu peluang untuk membersihkan namanya. Sebaliknya

Dato’ Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit penjelasan, sekiranya boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh!

Dato’ Richard Ho Ung Hun: Saya minta penjelasan daripada Tuan Pengerusi sama ada tepat bagi Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu membuat tuduhan dalam Dewan yang mulia ini terhadap perangai (character) seorang pegawai Kerajaan yang tidak dapat membela dirinya di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, itu bukan penjelasan. Itu pun bukan point of order. Saya tidak tahu apa itu. Mengenai pegawai Kerajaan, beliau sebagai Menteri Buruh adalah menjadi tanggungjawabnya untuk membela pegawainya kalau tuduhan-tuduhan ini tidak berasas. Itu tanggungjawabnya. Kalau dia tidak boleh menjalankan tanggungjawabnya, letak jawatan. Kesatuan-kesatuan ada menghantar cable kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta supaya Presiden itu diturunkan. Dan selepas itu ada banyak

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, on a point of order. Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan satu perkara mengenai seorang Hakim Industrial Court. Apa kena mengena perkara yang dibangkitkan itu dan orang yang disebut itu dengan perbahasan kita dan urusan Rang Undang-undang ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa ada bersangkutan paut oleh kerana kita mahu satu pindaan di mana Industrial Court sendiri akan membuat satu keputusan sama ada award Industrial Court boleh direfer kepada High Court. Sebab itu sangat mustahak supaya rakyat ada kepercayaan kepada sistem Industrial Court dan kalau semua rakyat yang bekerja ada kepercayaan kepada sistem Industrial Court, ada kepercayaan kepada Presiden dan Pengerusi

Dato’ Richard Ho Ung Hun: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Oh! boleh beri jalan, sila. Saya harap lain kali pun boleh beri jalan.

Tuan Pengerusi: Baik!

Dato’ Richard Ho Ung Hun: Saya ingin merujuk Dewan yang mulia ini kepada Standing Order 36 (8). Jika boleh saya hendak baca sedikit.

Tuan Pengerusi: Boleh!

Dato' Richard Ho Ung Hun: "36 (8) . . . atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah " tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu."

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, ini jelas menyebutkan :

" atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan" Saya pun ada refer clause ini sebelum saya berucap dalam bulan Disember dahulu. Tentulah ini tidak termasuk kategori yang saya sebut. Saya pun ada satu point sahaja lagi supaya Kerajaan mengambil satu tindakan yang sewajarnya untuk memulihkan keyakinan pekerja-pekerja kepada sistem industrial court dan tidak membenarkan perkara ini terus, tidak ada satu keputusan oleh kerana kita semua tahu bahawa President Industrial Court tidak dengar apa-apa kes, menjadi satu super administrator, super registrar sahaja. Apa gunanya. Saya harap dalam perkara yang semacam ini dan lain-lain, apa yang kita perlukan ialah satu pendirian yang tegas daripada pihak Kerajaan dan bukanlah percubaan untuk lari daripada perkara yang perlu.

Seksyen 30, Tuan Pengerusi, di mana ada seksyen kecil baru dipakai yang membolehkan mahkamah ini, kalau saya bacakan seksyen 5A yang berbunyi :

"(5A) In making its award, the Court may take into consideration any agreement or code relating to employment practices between organisations representative of employers and workmen respectively where such agreement or code has been approved by the Minister."

Ini satu pindaan dan saya mengalu-alukannya oleh kerana saya rasa ini adalah satu pindaan yang boleh membuat satu sumbangan. Begitu juga peruntukan seksyen kecil (7):

"Provided that the retrospective date of the award may not, except in the case of a decision of the Court under section 33 or

an order of the Court under section 56 (2) (c) or an award of the Court for the reinstatement of a workman on a reference to it in respect of the dismissal of a workman, be earlier than six months from the date on which the dispute was referred to the Court."

Ini pun satu improvement oleh kerana plug loopholes dalam lacuna Akta yang ada di mana ada kekeliruan sama ada seorang yang dipecat (dismissed) tidak boleh direinstated sungguhpun tempohnya lebih daripada enam bulan. Tetapi kalau hendak plug lacuna, Akta Perhubungan Perusahaan ada banyak lacuna.

Sebagai satu contoh untuk Industrial Relations Act di mana sekarang ada satu award atau collective agreement ditentukan untuk masa yang tertentu. Apabila sudah dua tahun atau tiga tahun award itu atau collective agreement itu expired, kita dapati sekarang ada majikan-majikan yang mengambil satu sikap, oleh kerana collective agreement sudah expired maka faedah-faedah yang ada dalam collective agreement itu boleh dihapuskan dan revert kepada satu keadaan pre-collective agreement. Ini berlaku di beberapa tempat dan saya rasa ini satu retrogression. Apabila ada collective agreement satu taraf telah dicapai dan dalam masa untuk negotiate sesuatu collective agreement yang baru atau mengadakan satu award yang baru, keadaan yang ada sebelum expiry of collective agreement mesti diteruskan dan bukan bererti bahawa majikan boleh tarik balik apa yang terkandung dalam collective agreement. Sebab itulah saya katakan kalau mahu satu kajian menyeluruh perlulah diadakan perundingan dengan semua pihak yang berkenaan dan bukan terburu-buru seperti mana sikap "kata dua" diambil, sama ada mahu terima atau tidak mahu terima.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peruntukan di sini yang sangat "punitive" macam peruntukan-peruntukan di mana ada diperuntukkan offences atau kesalahan-kesalahan non-bailable kalau ada dicertified secara bertulis oleh Public Prosecutor. Kalau kita kaji semua punitive provisions ini kita boleh mendapat satu kesimpulan bahawa semua itu menuju terhadap pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan. Nampaknya ada satu standard untuk kesatuan-kesatuan sekerja di

mana Kerajaan turun dengan berat terhadap apa-apa deviation tetapi untuk pihak majikan biarlah bebas apa mereka mahu buat, buatlah; kalau ada penalty provision pun itu adalah sangat ringan. Inilah satu sebab yang utama mengapa pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja memandang bukan sahaja pindaan kepada Industrial Relations Act tetapi pindaan kepada Trade Unions Ordinance tidak begitu adil.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang langkah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Kalau tidak, nanti tidak ada korum lagi.

Akhirnya, saya harap bahawa keadaan dan perhubungan Industrial Relations di negara kita boleh diletakkan atas satu taraf yang positif, yang conciliatory dan kalau hendak dibuat begitu, saya rasa perlulah kita mengadakan satu review kepada semua Rang Undang-undang, di mana semua pihak baik pun majikan, kesatuan sekerja, academicians dan lain-lain daripada cross sections di kalangan Malaysia boleh memberi contribution. Mungkin satu Royal Commission of Enquiry untuk Labour Relations boleh diadakan, bukan sahaja mereviewkan semua Rang Undang-undang tetapi diadakan satu kajian terhadap peranan kesatuan-kesatuan sekerja, pekerja dan majikan dalam masyarakat kita, dan bukanlah satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Buruh oleh kerana ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Buruh sahaja tetapi ini juga adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia dan rakyat Malaysia yang ada idea ada hak untuk memberi sumbangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

10.05 mlm.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Dewan ini pun telah mendengar perasaan marah daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, hampir sampai masanya pada satu hari nanti apabila Ahli Yang Berhormat dari Petaling berdiri untuk berucap dalam Dewan ini sekiranya dengan tidak

menunjukkan perasaan marahnya akan menjadi satu kejadian yang ganjil. Walau bagaimanapun, itu memanglah sikap beliau dan pihak kita dari sebelah sini sanggup dan sedia menerima keadaan yang sememangnya itu. Kita tidak lagi rasa hairan tentang kemarahan beliau itu terhadap Kerajaan dan kita pun telah biasa sangat terhadap sikapnya, saya fikir saya tidak salah, iaitu sikap bongkak sedikit.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang telah disentuh oleh beliau dan saya ingin juga memberi sedikit penjelasan sebelum saya duduk kembali. Beliau telah membuat teguran dan sindirkan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kerana apabila menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh orang yang cekap, iaitu beliau sendiri, yang pandai kononnya amalan seorang Menteri di dalam Dewan ini apabila menerima sedikit sebanyak bantuan daripada Timbalannya serta pegawai-pegawainya dianggap oleh beliau itu adalah satu tanda yang menunjukkan Menteri Kerajaan kurang cekap dan tidak layak untuk duduk

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tidak payahlah. Dan tiap-tiap kali, Tuan Yang di-Pertua, apabila keadaan yang sama itu timbul, beliau mestilah meminta Yang Berhormat Menteri itu letakkan jawatan. Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri dalam Kerajaan apabila meletakkan jawatan tidak akan meletakkan jawatannya oleh sebab Ketua Pembangkang memintanya (*Tepuk*) (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, jangan ganggu! Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, jangan ganggu.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengeluarkan perasaan kesalnya terhadap segala perundangan berkenaan dengan undang-undang buruh dirahsiakan, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, beliau bukan tidak tahu, beliau tahu sangat apa sebabnya amalan itu pun telah dipakai sejak tahun 1959 lagi.

Untuk makluman beliau, sekiranya beliau benar-benar tidak tahu, amalan inipun telah dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak dalam NJLAC yang mana hasil daripada konsep tripartism yang dianjurkan oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO).

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila NJLAC itu ditubuhkan kita telahpun wujud sebuah Perlembagaan dan di bawah Perlembagaan itu telah digubal satu syarat, iaitu segala perbincangan dan persuratan yang digunakan dalam perbincangan itu dirahsiakan kecuali dibenarkan oleh Pengerusi, iaitu dengan persetujuan juga ketiga-tiga pihak. Sekiranya beliau tidak percaya bolehlah bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang juga menjadi seorang daripada 14 wakil yang MTUC itu berhak menghantar kepada NJLAC itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Assunta Hospital Senior Staff Association, perkara itu memang satu perkara lama tetapi perkara itu ada aspek-aspek yang istimewa sedikit dan tidak boleh dianggap sebagai satu kes yang lazim. Misalnya Assunta Hospital Senior Staff Association yang telah ditimbulkan itu melibatkan sebuah kesatuan sekerja di mana kebanyakan ahli-ahlinya adalah tubuh daripada kakitangan-kakitangan yang tinggi dan oleh sebab itu timbul juga perkara konflik ataupun percanggahan kepentingan. Ada juga aspek-aspek yang lain yang saya tidak dapat memberikan pada petang ini, akan tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling benar-benar berminat saya minta beliau menulis sepucuk surat kepada saya dan saya akan membalasnya.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah juga mengambil kesempatan untuk mencari sedikit publicity melulu menimbulkan perkara Matthews Abraham, iaitu Presiden Mahkamah Perusahaan kita. Saya tidak akan membantu beliau supaya beliau mencapai matlamat beliau itu, iaitu mendapatkan publicity.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perbekalan-perbekalan yang dikatakan "punitive" yang sedia ada dalam Rang Undang-undang ini memang dalam sesuatu Rang Undang-undang itu sekiranya keadaan memerlukan tentulah Penggubal Undang-undang itu mempunyai tanggungjawab yang penting

supaya penalti-penalti yang dianggap mencukupi dibekalkan untuk menemui keadaan-keadaan yang serius. Selain daripada itu saya tidak ingin membuat penjelasan yang selanjutnya dengan lebih lanjut kerana saya pun telah memberi banyak penjelasan dalam ucapan pertama apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua. Itu sahajalah, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 2 (c)* dipinda seperti yang telah dijelaskan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita.

Pindaannya adalah seperti berikut:

Fasal 2 (c): Potong perkataan "temporary" yang terdapat dalam perenggan (a) takrif "lock-out".

Clause 2 (c): Delete the word "temporary" appearing in paragraph (a) of the definition of "lock-out".

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada *Fasal 2* sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tak ada perbahasan saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan pindaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa Fasal 7 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Fasal 7 mengenai seksyen baru 8A untuk membuat peruntukan bahawa dalam side notes, "Employer may provide information on collective bargaining and trade disputes to his workmen."

Tadi saya ada cadangan bahawa ini akan membangkitkan tension antara majikan dan kesatuan dan akan melemahkan seksyen 4. Saya hendak tahu di sini kenapa peruntukan ini dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini sungguhpun dalam NJLAC, kalau saya tidak silap, tidak ada peruntukan-peruntukan untuk meminta mengadakan satu seksyen 8A. Lagi satu contoh di mana hari-hari ada lagi pindaan yang difikirkan terburu-buru sungguhpun ini tidak akan berfaedah atau demi kepentingan untuk mengadakan orderly procedure untuk negotiations dan ini tentulah akan dialu-alukan oleh majikan tetapi ini adalah satu peruntukan yang tidak patut, tidak adil dan pada akhir-akhirnya dikemukakan selepas mesyuarat NJLAC. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu keterangan kenapa ada berlaku ini?

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 7 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tak ada perbincangan, Yang Berhormat Menteri ada hendak menjawab?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, harus diingat khasnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekiranya beliau tidak mahu faham fungsi NJLAC itu saya tidak dapat buat apa-apa, akan tetapi sekiranya beliau benar-benar hendak memahami lebih mendalam lagi terhadap Majlis (Council) ini saya bercadang eloklah beliau berunding sedikit dengan rakan beliau, iaitu Yang Berhormat dari Damansara.

Apa yang telah kerap dilupai ialah NJLAC itu adalah satu badan penasihat, jadi komponen ataupun tiga pihak itu yang bersama-

sama menjadikan Majlis itu hanya dapat berunding bersama supaya cadangan-cadangan di pihak-pihak majikan ataupun pihak pekerja itu dapat dibincang bersama-sama sekiranya ada. Jadi kita harus ingat apabila cadangan itu dikemukakan dalam Majlis itu hanya untuk dibincang bersama dan pihak-pihak itu adalah wajib supaya menjalankan tugas secara menasihatkan (advisory) dan dengan itulah ada jelas walaupun apa-apa cadangan yang dibuat dalam Majlis itu tentu menerima pertimbangan yang serius, yang wajar, akan tetapi tidak semestinya diterima kerana fungsi itu adalah advisory sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, maksud dibalik seksyen 8A ini saya pun telah menjelaskan dengan panjang lebar dalam ucapan saya tadi dan tidak payah saya ulaskan lagi. Saya tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemuka bagi diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum diputuskan, saya hendak bertanya satu. Sama ada saya faham atau tidak faham bahawa NJLAC ialah advisory ialah perkara lain. Soalan saya ialah apabila pindaan-pindaan yang dikemukakan kepada NJLAC sebagai pindaan-pindaan yang Kerajaan berkehendak untuk berbuat, tidak ada peruntukan ini. Selepas itu apabila Rang Undang-undang ini dicetak dan dibentangkan di sini barulah pindaan ini timbul. Ertinya ialah kalau tidak ada keterangan yang memuktamad bahawa Kerajaan ada bad faith apabila dikemukakan pindaan-pindaan kepada NJLAC. Selepas itu barulah insert ini dan tentulah ini menunjukkan bad faith. Sebab itu saya bertanya kenapa fasal ini tidak di antara NJLAC dan apabila dikemukakan tidak ada orang yang tahu. Itulah soalan saya.

Tuan Pengerusi: Itu terserah kepada Yang Berhormat Menteri, kalau hendak beri penjelasan atau menjawabnya. Saya kemuka bagi diputuskan, bahawa Fasal 7 Rang Undang-undang tersebut dibatalkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 9 (d)* dipinda seperti yang saya jelaskan dalam kertas yang dibentangkan di hadapan kita seperti di bawah:

Fasal 9 (d): Masukkan yang berikut selepas sahaja perkataan "accorded" yang terdapat dalam seksyen-kecil (4B) (b)—

" , and the performance of duties and functions by the Registrar of Trade Unions under this paragraph shall be deemed to be a performance of his duties and functions under the written law relating to the registration of trade unions".

Clause 9 (d): Insert immediately after the word "accorded" appearing in subsection (4B) (b) the following—

" , and the performance of duties and functions by the Registrar of Trade Unions under this paragraph shall be deemed to be a performance of his duties and functions under the written law relating to the registration of trade unions".

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada *Fasal 9 (d)* sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada perbincangan, saya kemukakan bagi diputuskan. Iaitu soalnya ialah *Fasal 9 (d)* dipinda sebagaimana yang ada pada kertas di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 9 (e)* dipinda seperti yang dinyatakan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita seperti di bawah:

Fasal 9 (e): Gantikan seksyen-kecil (6) dengan yang berikut—

"(6) A decision of the Minister under subsection (5) shall be final and shall not be questioned in any court."

Clause 9 (e): Substitute for subsection (6) the following—

" (6) A decision of the Minister under subsection (5) shall be final and shall not be questioned in any court."

Tuan Pengerusi: *Fasal 9 (e)* pindaan yang telah diberitahu iaitu meminda *Fasal 9 (e)* gantikan seksyen-kecil (6) dengan berikut:

"(6) A decision of the Minister under subsection (5) shall be final and shall not be questioned in any court."

Sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tidak ada perbincangan, saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 9 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 10—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 10* dipinda seperti dijelaskan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita seperti berikut:

Fasal 10: (a) Gantikan perkataan "dismiss" yang terdapat dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan "terminate the services of"; dan

(b) Potong perkataan "temporary" yang terdapat dalam perenggan (a) seksyen-kecil (3).

Clause 10: (a) Substitute the words "terminate the services of" for the word "dismiss" appearing in subsection (2); and

(b) Delete the word "temporary" appearing in paragraph (a) of subsection (3).

Tuan Pengerusi: Pindaan atas *Fasal 10* sekarang terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan V. David: Tuan Pengerusi, muka surat 8, *Fasal 10 (2):*

"No employer shall declare a lock-out or dismiss a workman once a trade union of workmen has served on the employer or a trade union of employers to which the

employer belongs a claim for recognition under section 9 (2) in respect of workmen or a class of workmen:

Provided that this restriction shall not apply—

(a)

(b) where the claim for recognition.....”

Tuan Pengerusi, kalau ada majikan-majikan yang mengambil tindakan lock-out adakah apa penalty atau lain-lain tindakan? Di sini juga adakah definasi? Ada juga majikan biasa macam manapun undang-undang dia ambil tindakan, barangkali dia tidak tunjuk kepada gerakan union, dia pakaikan lain soal ataupun lain fasal untuk lock-out syarikatnya. Kalau ada definasi atau demarcation, bolehkah terangkan sedikit?

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan aspek ini saya pun telah terangkan dalam ucapan saya tadi. Apa yang dikhuatirkan oleh Yang Berhormat dari Damansara ialah victimisation oleh majikan. Ini satu perkara sentiasa dalam perhatian Kementerian saya dan di mana juga sekiranya ada kes specific yang telah terjadi saya minta laporkan kepada saya dan Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Fasal 10 dipinda mengikut apa yang dinyatakan dalam kertas di hadapan Yang Berhormat sekalian:

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 10 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 17 dipinda seperti yang dinyatakan

dalam kertas yang telah dbentangkan di hadapan kita seperti berikut:

Fasal 17 Gantikan seksyen-kecil (2) seksyen 19B dengan yang berikut—

“(2) Save as provided in subsection (1), a party to a trade dispute shall not, in any conciliation proceedings under this Part, be represented by an advocate, adviser, consultant or by any other person whatsoever.”.

Clause 17: Substitute for subsection (2) of section 19B the following—

“(2) Save as provided in subsection (1), a party to a trade dispute shall not, in any conciliation proceedings under this Part, be represented by an advocate, adviser, consultant or by any other person whatsoever.”.

Tuan Pengerusi: Pindaan atas Fasal 17 sekarang saya kemukakan untuk dibahas. Kalau tidak ada perbincangan, saya kemuka untuk diputuskan. Fasal 17 dipinda sebagaimana yang ada tertera dalam kertas yang ada di hadapan Ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya kemuka untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 17 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18 hingga 25 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 26.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 26 dipinda seperti yang dinyatakan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita seperti berikut:

Fasal 26: Gantikan seksyen 33B dengan yang berikut—

“Award, decision or order of the Court to be final and conclusive.

33B. (1) Subject to this Act and the provisions of section 33A, an award, decision or order of the Court under this Act (including the decision of the Court whether to grant or not to grant an

application under section 33A (1) shall be final and conclusive, and shall not be challenged, appeal against, reviewed, quashed or called in question in any court. (2) Subject to the provisions of section 33A, no award of the Court for the reinstatement or re-employment of a workman shall be subject to any stay of proceedings by any court."

Clause 26: Substitute for section 33B the following—

"Award, decision or order of the Court to be final and conclusive.

33B. (1) Subject to this Act and the provisions of section 33A, an award, decision or order of the Court under this Act (including the decision of the Court whether to grant or not to grant an application under section 33A (1)) shall be final and conclusive, and shall not be challenged, appealed against, reviewed, quashed or called in question in any court. (2) Subject to the provisions of section 33A, no award of the Court for reinstatement or re-employment of workman shall be subject to any stay of proceedings by any court."

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 26 dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi komen mengenai pindaan ini, saya hendak meminta satu penjelasan oleh kerana saya tidak begitu jelas (clear) mengenai peruntukan pindaan baru ini. Saya sebut khasnya kepada 33B (2) yang berbunyi:

33B (2) Subject to the provisions of section 33A, no award of the Court for the reinstatement or re-employment of a workman shall.

Tuan Pengerusi: Bukan "no award" tetapi "an award".

Tuan Lim Kit Siang: Pardon! "no award" itulah apa yang ada di sini.

Tuan Pengerusi: Apa yang sebenarnya Yang Berhormat. Yang ada pada saya "an award".

Dato' Richard Ho Ung Hun: Mengikut kertas pindaan ini "no award".

Tuan Pengerusi: "No award". Barangkali sebelum saya dapat mesti betulkan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: "No award".

Tuan Pengerusi: Ya, "no award".

Tuan Lim Kit Siang: "No award". Saya ulang.

Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi ulasan, saya mahu bertanya apakah ertinya, adakah ini bererti bahawa untuk reinstatement and re-employment tidak boleh ada stay of proceedings, atau bererti boleh ada stay of proceedings. Sebab itu saya belum faham dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan sebelum saya memberi ulasan. Tetapi saya mahu menyatakan di sini saya tidak tentang objek bahawa dia dapat nasihat daripada Timbalan Menteri atau pegawai di belakang. Apa yang saya objek ialah selepas dapat nasihat, tidak ada jawapan. Itu sahaja. Bukan susah. Sama ada ini bererti boleh stay atau tidak boleh stay, sebelum saya memberi ulasan.

Tuan Pengerusi: Sudahlah menceceh sahaja ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi mesti ada keterangan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak apa-apa kesusahan di sini. Mengikut kertas ini ia menyatakan:

(2) no award of the Court for the reinstatement or re-employment of a workman shall be subject to any stay of proceedings by any court."

Jelas sangat, Tuan Pengerusi. Sekiranya ada sesuatu award yang berkaitan dengan reinstatement atau re-employment apabila timbul satu appeal atau kaji semula tidak ada stay of proceedings. Hukuman itu mesti dijalankan. Itulah fahaman saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu, Yang Berhormat Menteri belum habis bercakap lagi. Jangan berlunjur sebelum duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah duduk.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi Ahli Yang Berhormat selalu berlunjur sebelum duduk, jatuh nanti teruk.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah yang saya khuatir mengenai pengertiannya, apabila saya baca ini nampaknya tujuannya ialah tidak ada stay untuk perkara yang melibatkan reinstatement atau re-employment tetapi apabila dibaca dalam section (2) subject to the provision of Section 33A sekarang, dan seksyen 33A (2) berbunyi:

“(2) Where an application under sub-section (1) has been granted by the Court, compliance with the award in respect of which the application has been granted shall be stayed pending the disposal of the references by the High Court, unless the Court otherwise directs in respect of the whole or a part of the award.”

Shall be stayed. Peruntukan di bawahnya subject to 33A (2), bukan 33A (2) subject to 33B (2), bukan mahu terang, mungkin apa perkataan yang patut digunakan ialah:

“Notwithstanding the provision of Section 33A, no award” dan berikut.

Oleh kerana apa yang saya faham ada Draftsman yang lebih fasih, ini bererti bahawa subject to 33A itu di mana boleh ada stay. Itulah pendapat saya.

Tuan Pengerusi: Saya ingat ini perlu dijelaskan.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, itu pendapat beliau sahaja.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling kerana ia ada cadangan pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan pindaan bahawa Clause 26 di bawah Seksyen 33A (7) dan 33B yang di-

cadangkan kepada Akta tersebut dibatalkan. Pertama oleh kerana peruntukan di mana Mahkamah Perusahaan sendiri terputus sama ada akan mengadakan satu permohonan di bawah 33A (1) diserahkan kepada Industrial Court sendiri, saya rasa ini tidak begitu wajar. Dan kedua bahawa dalam peruntukan 33A di mana ada limit sahaja rayuan on a point of law kepada High Court pun tidak begitu sesuai. Dan begitu, sungguhpun ini pandangan saya bahawa subject to the provision, itulah tentu “no award”, dukacita sungguhpun ada satu peluang untuk membuat peruntukan, terang terus, tak payah orang pergi mahkamah untuk interpretation sama ada ini ada stay atau tak ada stay, tak ada peluang dan dia sangat stubborn, tidak mahu terima pandangan supaya ahli kesatuan tentulah akan pergi ke mahkamah, katanya buang masa dan buang duit. Itulah sikap Yang Berhormat Menteri Buruh, kalau ada orang yang arrogant, itulah yang arrogant.

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 26 mengenai seksyen 33A (7) dan 33 B dibatalkan, sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tak ada perbincangan saya kemuka bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27 hingga 30 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 31 dipinda seperti yang dinyatakan dalam kertas yang telah dibentangkan di hadapan kita.

Pindaan seperti berikut:

Fasal 31: Gantikan Fasal 31 dengan yang berikut—

“Pindaan bagi seksyen 44.

31. Seksyen 44 Akta ibu adalah dengan memasukkan perkaataan-perkaataan “and the parties concerned have been notified

thereof" selepas sahaja perkataan-perkataan "section 26 (2)" yang terdapat dalam perenggan (c)".

Clause 31: Substitute for Clause 31 the following—

"Amendment of section 44.

31. Section 44 of the principal Act is amended by inserting the words "and the parties concerned have been notified thereof" immediately after the words "section 26 (2)" appearing in paragraph (c) thereof."

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 31 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tak ada perbahasan, saya kemuka untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 31 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 32—

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 32 dipotong seperti yang ditunjukkan dalam kertas yang dibentangkan di hadapan kita.

Pindaannya seperti berikut:

Fasal 32: Potong Fasal 32.

Clause 32: Delete Clause 32.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya kemuka untuk dibahas. Ini hanya untuk dipotong Fasal 32. Kalau tak ada perbahasan, saya kemuka untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 32 diperintahkan dipotong menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 33—

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 33 dipinda seperti yang dijelaskan dalam Kertas yang telah dikemukakan di hadapan kita.

Pindaannya seperti berikut:

Fasal 33: Gantikan Fasal 33 dengan yang berikut—

"Pindaan bagi seksyen 45. 33. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (b) seksyen-kecil (1) dengan yang berikut—

"(b) it has any other object than the furtherance of a trade dispute—

(i) between the workmen on strike and their employer; or

(ii) between the employer who declared the lock-out and his workmen."

Clause 33: Substitute for Clause 33 the following—

"Amendment of section 45. 33. Section 45 of the principal Act is amended by substituting for paragraph (b) of subsection (1) thereof the following—

"(b) it has any other object than the furtherance of a trade dispute—

(i) between the workmen on strike and their employer; or

(ii) between the employer who declared the lock-out and his workmen."

Tuan Pengerusi: Pindaan kepada Fasal 33 sekarang terbuka untuk dibahas. Kalau tak ada perbahasan, saya kemuka untuk diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 33 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 33 hingga 40 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.50 malam.